**[DOKUMEN INI BELUM DISEMAK]**

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Rabu, 6 Disember 2000**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]
***mempengerusikan Mesyuarat*]**

---

## JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop [Alor Gajah]** minta Menteri Pendidikan menyatakan bahawa sama ada kementerian sedar ramai pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) lambat menerima wang pembiayaan pinjaman pendidikan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) walaupun pihak PTPTN telah lama membuat bayaran kepada IPT pelajar masing-masing.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]:** Selamat pagi, izinkan saya menjawab Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Silakan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan memang menyedari adanya sebilangan kecil pelajar yang lewat menerima pinjaman pendidikan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). Kelewatan ini disebabkan perkara-perkara berikut:

(i) Kesilapan pelajar memberikan nombor akaun. Baru-baru ini kita tengok ramai yang telah dilaporkan di dalam surat khabar. Kita tengok mengapa ramai. Puncanya mungkin ialah kerana kesilapan pelajar itu sendiri memberi nombor akaun.

(ii) Pejabat Bendahari, Institusi Pengajian Tinggi (IPT) berkenaan memerlukan masa untuk mengesahkan jumlah potongan yuran pengajian, asrama dan sebagainya sebelum wang pinjaman dapat diagihkan kepada pelajar.

(iii) Terdapat pelajar yang bertukar kursus atau mata pelajaran menyebabkan Pejabat Bendahari IPT berkenaan terpaksa membuat penyelarasan sebelum wang pinjaman dapat diagihkan kepada pelajar.

Bagi mempercepatkan pembayaran pinjaman tersebut PTPTN telah mengambil beberapa langkah:

(i) Membuat pembayaran terus ke akaun pelajar melalui sesi Jun 2000. Pelajar akan menerima wang pinjaman dalam tempoh dua minggu selepas mendaftarkan. Ini telah kita lakukan apabila bermula dengan 2000 sebab saya sendiri telah bawa kerana kedapatan ramai yang membuat kompelin bahawa pinjaman ini lewat, jadi, kita ubah sistem dan kita gunakan sistem yang ada sekarang.

(ii) Kita juga membuat pembayaran dengan menggunakan waran mulai November 2000, kita ambil lagi langkah itu. Mengikut kaedah ini PTPTN akan menghantar sendiri wang pinjaman melalui waran selewat-lewatnya dua minggu selepas pelajar mendaftarkan diri di IPTA. Waran ini boleh ditunaikan di bank yang dipilih dalam tempoh 21 hari selepas waran dikeluarkan.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada kelambatan membuat pembayaran wang pinjaman kepada pelajar-pelajar, terdapat juga rungutan daripada pelajar terutama daripada kawasan sayalah yang mana mereka membuat permohonan untuk mendapatkan wang PTPTN ini tetapi apabila dapat jawapan bahawa mereka tidak dapat diluluskan, dia kata banyak juga. Jadi, apakah masalah atau sebab-sebab utama mengapa permohonan pelajar-pelajar untuk mendapatkan pinjaman tabung PTPTN ini ditolak. Terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Sebelum saya menjawab Yang Berhormat, ingin juga saya beritahu, saya begitu prihatin sekali mengenai dengan perkara ini termasuk Menteri sendiri. Beberapa kali kita telah bawa perkara ini, misalnya macam kita dapat baru-baru ini, kita telah atur satu jadual untuk pembayaran

waran ini. Misalnya ambil salah sebuah universiti, kita buat satu jadual mengatakan pada hari Ahad, misalnya 8,000 orang *student* akan mengambil waran mereka di pejabat Bendahari, kemudian hari Isnin, kita kata 6,000, hari Selasa, kita kata 3,500. Tetapi, ada mahasiswa yang tidak hadir pada hari pertama, mereka datang hari kedua. Ada yang hari kedua tidak datang pula, jadi, yang itulah yang menyebabkan begitu ramai yang tertumpu kepada pejabat Bendahari sehingga pihak akhbar melaporkannya.

Kita ucapan terima kasih, tidak ada kita hendak mengelakkan bahawa untuk menunjukkan kelemahan kita, kita sudah ada sistem tetapi mengapa ini berlaku dan apakah tindakan yang kita ambil sedang kita atur langkah ini. Dan, langkah ini saya beri jaminan kepada Yang Berhormat bahawa kita memperkenalkan lagi satu sistem baru untuk mengatasi ini, iaitu di mana kita akan membayar terus ke akaun, sekali ini pula, ke akaun *student* itu. *Student* itu kena beri nombor akaunnyalah kepada PTPTN supaya waran itu terus dimasuk ke bank. Dan, bank sendiri akan buat potongan dengan arahan pihak Bendahari IPTA itu sekian-sekian banyak dan duit itu dapat dikeluarkan melalui bank. Masalah dengan student ini pun kadangkala akaun bank pun dia tidak mahu adakan. Ini masalah juga timbul pada kita.

Bagi yang kedua yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat juga mengenai permohonan tidak dapat diluluskan. Ada di antara calon yang membuat permohonan ini tidak memberi maklumat yang dikehendaki. Kadangkala, maklumat yang diperolehi misalnya pendapatan keluarga dan sebagainya itu tidak dilengkapi. Jadi, akhirnya pihak PTPTN tidak dapat memproses borang itu. Ini menimbulkan banyak masalah. Saya juga menerima kompelin daripada si calon ini tadi, mengapa tidak diluluskan. Salah satu punca kita akan dapati ialah cara mereka mengisi borang itu tidak lengkap.

Keduanya mereka tidak langsung pohon tetapi mereka rasa automatik mereka dapat. Ini yang berlaku. Walau bagaimanapun, saya rasa kalau mana pihak yang tidak dapat juga itu, mintalah Yang Berhormat boleh senaraikan hantar terus kepada PTPTN supaya ini dapat dilakukan. Dan, janganlah kita kata kan pula esok kalau kerana *income* keluarga itu agak begitu lumayan sedikit. Jadi, kita pula katakan, mengapa dia dapat separuh, mengapa orang ini dapat penuh dan sebagainya. Mereka

juga ada kriteria-kriteria tertentu untuk menjamin supaya ramai yang boleh menikmati tabung ini. Terima kasih.

**Tuan Jimmy Lim Donald:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada PTPTN ini dapat menerima pengesahan dari ketua kampung apabila bapa si-penuntut itu tidak bekerja dengan pihak swasta atau kerajaan tetapi seorang petani sahaja. Dapatkah tidak PTPTN menerima pengesahan bahawa seseorang itu tidak ada pendapatan, bergantung kepada mata pencarian dari rumah atau kebunnya. Dan, seterusnya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kementerian dan PTPTN kerana dapat mengemukakan buku ini pada pagi ini. *[sambil menunjukkan buku yang berkenaan]* Dan, di sini saya nampak 16 pusat pengajian tinggi yang dilayani oleh PTPTN tetapi yang lain-lain itu adalah program pengsiswazahan guru dan anak-anak diplomat. Macam mana dapat atau tidak PTPTN memperkembangkan skim ini kepada IPTS-IPTS yang berlesen yang mengemukakan program-program yang diberi akreditasi oleh kementerian ataupun Lembaga Akreditasi Negara (LAN). Sekian, terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Sri Aman. Saya kira soalan yang pertama yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, kita kirakan itu sebagai cadangan daripada Yang Berhormat dan saya akan membawa itu kepada PTPTN dan insya-Allah harapan saya ialah mereka dapat menerima terutama sekali dalam kes Sabah dan Sarawak. Ini kita perlukan daripada ketua kampung atau penghulu dan sebagainya. Ataupun mungkin juga daripada tuai rumah juga, kita akan mengambil kira dalam soal ini. Ini bagi Sarawak misalnya, di rumah panjang tadi, tuai rumah kita mungkin akan dapat itu.

Dan, keduanya mengenai dengan pinjaman kepada penuntut-penuntut di IPTS, boleh atau tidak kita kembangkan lagi, saya kira kita sekarang ini hanya beri kepada IPTS yang diiktiraf oleh pihak-pihak kementerian. Kita tidak boleh mengiktiraf semua IPTS itu yang dianggap kadangkala kursus-kursus yang dikendalikan itu tidak setaraf ataupun yang tidak diperakui oleh pihak LAN sebab kebimbangan kita ialah kita bimbang ijazah atau diploma yang dikeluarkan oleh IPTS itu akan menimbulkan masalah juga kepada pelajar tadi. Oleh yang demikian, walau bagaimanapun, kita akan dari masa ke semasa akan tambah lagi IPTS-IPTS yang diiktiraf oleh pihak

kementerian. Jika, tidak saya rasa amatlah tidak begitu adil sekiranya kita bagi IPTS yang tidak diiktirafkan. Terima kasih.

2. **Tuan Ng Lip Yong [Batu]** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan apakah tindakan yang boleh diambil oleh kementeriannya untuk memberhentikan '*e-mail spamming*' dan menghalang '*junk fax*' dari terus dikirim kepada pengguna.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Tuan Chia Kwang Chye]:** Tuan Yang di-Pertua, '*e-mail spamming*' dan '*junk fax*' dengan izin, adalah masalah yang berlaku di dalam penggunaan rangkaian komunikasi seperti faks, mail elektronik dan *Internet*. Masalah ini biasanya berlaku di peringkat sesebuah organisasi. Langkah atau tindakan yang boleh diambil di peringkat organisasi bagi menangani masalah ini ialah melalui kaedah penapisan *(filtering)*. Di peringkat nasional kementerian akan mengambil kira prinsip-prinsip keselamatan maklumat dan rangkaian yang kukuh, di mana di dalam penyediaan rangka kerja Dasar Keselamatan Maklumat.

Dalam tempoh jangka panjang usaha-usaha melalui pendidikan masyarakat akan dimajukan untuk memberi kesedaran kepada pengguna khususnya generasi muda supaya bijak memilih dan menggunakan maklumat serta perkhidmatan yang diberi melalui *Internet* dan mail elektronik. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ng Lip Yong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Soalan tambahan. Tujuan kemudahan yang diperolehi dari teknologi canggih adalah untuk kebaikan rakyat dari segi perniagaan atau kemasyarakatan. Tetapi pada masa ini ada syarikat-syarikat yang membeli *data-base no. fax* supaya mereka boleh – ada satu business di mana syarikat-syarikat itu buat *bought faxing* kepada pengguna tanpa mengambil kira *intrusion of privacy*, dengan izin. Saya ingin tahu sama ada kementerian akan mendaftarkan syarikat-syarikat *bought faxing* itu supaya kita boleh kawal keadaan ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, kaedah teknologi memanglah ada untuk kemajuan sesebuah masyarakat dan perniagaan tetapi memang ada segolongan yang kadangkala sentiasa salah gunakan teknologi ini. Berkenaan dengan *bought faxing* ini, kerajaan memang tahu tentang masalah ini dan setakat ini

tidak ada rancangan untuk mendaftarkan syarikat-syarikat tetapi sekarang sedang mengkaji tentang cara-cara akan mengatasi masalah ini. Sekian, terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tertarik kepada jawapan Yang Berhormat tadi, apa yang kuat untuk kebaikan dan adalah juga kuat untuk kejahatan. *[Disampuk]* Ini bulan suci ini. *[Ketawa]* Bulan suci. Tuan Yang di-Pertua, adakah dengan nada tadi kerajaan akan mengadakan dasar mengawal Internet dan teknologi yang serba canggih ini. Dan, adakah pihak kementerian mengkaji keseriusan atau peratusan *junk mail dan junk fax* dan *e-mail spamming* dan sebagainya. Itu aktiviti-aktiviti yang tidak baik. Apakah peratusan berbanding dengan negara-negara seperti Singapura, Hong Kong dan Amerika Syarikat. Dan, kita hendak tahu kerana ini memang satu perkara yang penting kerana walaupun kita menggalakkan rakyat kita menggunakan Internet dan teknologi moden ini untuk kebaikan untuk mencari kekayaan dan sebagainya tetapi memang ada peratusan yang tidak mematuhi kepada hasrat ini. Apakah dasar sekarang untuk mengendalikan semua ini selain daripada dasar untuk mengawal.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tiga soalan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bukan. Satu yang berkaitan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Satu mengawal, kedua mengkaji, ketiga dasar. Dia jawab semua.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Kalau hendak jawab semua mungkin gunakan masa setengah jam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah ]:** Silalah, sila jawab..

**Tuan Chia Kwang Chye:** Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan penapisan di dalam Internet, di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1968 di bawah Seksyen 3, memang ada menyatakan bahawa penapisan dalam Internet tidak dibenarkan dan jaminan ini pun ada di bawah *use of guarantee* untuk *Multimedia Super Corridor.*

Berkenaan dengan masalah, memang ada Seksyen 233 di bawah akta yang sama itu di mana tindakan boleh diambil berkenaan dengan tindakan melalui Internet,

dengan sebaran fitnah atau palsu dan *mail fax* atau *box faxing* yang dikatakan tadi itu, setakat ini kita tidak ada rancangan untuk mendaftarkan seperti yang saya katakan tadi. Sekian, terima kasih.

**3. Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan mengapa kerajaan masih enggan mengadakan undang-undang untuk menetapkan kedua-dua pihak awam dan swasta hendaklah menyediakan perkhidmatan asuhan untuk anak-anak pekerjanya.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan daripada Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Pada masa ini kerajaan masih belum bercadang untuk mengadakan undang-undang bagi mewajibkan semua majikan di sektor swasta menubuhkan pusat asuhan kanak-kanak di tempat kerja masing-masing. Pihak Kementerian Sumber Manusia mendapati pelaksanaan secara paksaan akan menimbulkan pelbagai implikasi terhadap suasana pelaburan kerana penubuhan pusat asuhan kanak-kanak di tempat kerja melibatkan isu termasuk kos kesesuaian tempat kerja, sistem bekerja, pengangkutan dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, di ladang-ladang yang mempunyai perumahan pekerja, pihak majikan memang diwajibkan menyediakan pusat asuhan kanak-kanak menurut Akta Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990.

Di samping itu juga, bagi menyokong usaha kerajaan untuk menggalakkan taska di tempat kerja Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKMM) telah mengambil tindakan menubuhkan pasukan petugas penubuhan taska di tempat kerja, satu garis panduan penubuhan taska di tempat kerja juga telah disediakan untuk membantu pihak majikan yang ingin menubuhkan taska di tempat kerja dan pihak JKMM juga sedang mengkaji dari segi keperluan untuk meminda Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 bagi mewajibkan mewujudkan taska di tempat kerja.

**Puan Chong Eng:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang pertama, saya ingin mengatakan saya tidak setuju dengan alasan menteri atau kementerian bahawa mengadakan perkhidmatan asuhan ini akan menjejaskan suasana pelaburan kerana

kita mesti berfikir tentang jangka masa panjang untuk negara ini. Adalah penting kita mengadakan asuhan ataupun perkhidmatan ini untuk menjaga kebajikan kanak-kanak kita dan pada Belanjawan 2001 ini, kita mengadakan RM100 ribu untuk membanteras gejala sosial di negara ini. Saya berpendapat bahawa antara sebab-sebab kita menghadapi gejala sosial ini ialah kerana kanak-kanak kita ataupun anak-anak kita tidak diberi jagaan yang baik semasa kecil.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Soalannya Yang Berhormat ya.

**Puan Chong Eng:** Maka adalah penting. Ini menunjukkan bahawa kerajaan tidak mempunyai hasrat atau *political will power* untuk melaksanakan rancangan yang baik ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ini ucapan Yang Berhormat. Soalannya.

**Puan Chong Eng:** Dan apakah alternatif sekiranya mengadakan perkhidmatan asuhan kanak-kanak akan menjejaskan suasana pelaburan dan kita tidak mahu menetapkan undang-undang untuknya. Apalah alternatifnya supaya kita boleh mendapatkan pelaburan tetapi pada masa yang sama kita dapat menjaga anak-anak kita. Terima kasih.

**Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada soalan pun! *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang alternatif itu, hendak tadika apa semua tadilah nampaknya, yang sudah dijawab tadi.

**Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Inilah dia pembangkang. Dia memang sentiasa tidak bersetuju dengan apa yang Kerajaan Barisan Nasional buat. Tadi saya terangkan bahawa JKMM sedang mengkaji untuk meminda Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984. Tunggulah bila kajian sudah dibuat dan pihak Kementerian Sumber Manusia tidak ada kuasa sepenuhnya kerana taman asuhan ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan kita sentiasa memberi kerjasama. Alternatifnya banyak Yang Berhormat dan tidak bergantung kepada usaha-usaha kerajaan semata-mata.

Orang kalau dia hendak kejar, Tuhan menjadikan dunia ini, dia tidak pernah untung semua, dia mesti ada untung dan mesti ada rugi, itu sifat semula jadi. Kalau hendak dapat gaji lebih, hendak kerja lebih, suami isteri kena kerja, maka sedikit sebanyak anak akan tergendala dari sudut pengurusan kanak-kanak. Terima kasih.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Ini masalah kebajikan, kita kena ambil berat samalah. Saya hendak minta kementerian, dalam masalah pusat asuhan ini, memang kita tahu ini memang menjadi satu beban kepada pekerja-pekerja kilang, contoh anak-anak pekerja kadang-kadang hendak naik tumpang bas pekerja kilang pun tidak dibenarkan, mesti naik bas sekolah. Cuma saya hendak bertanya, sama ada kementerian akan memberi insentif kepada mana-mana majikan yang mengadakan kelas-kelas ataupun pusat-pusat asuhan ini. Terima kasih.

**Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan daripada Yang Berhormat bagi Larut. Insentif yang diberikan kepada majikan setakat ini, majikan di sektor swasta diberikan pengecualian cukai sebanyak 10% setahun untuk sepuluh tahun ke atas kos membina bangunan untuk taska. Dan bagi taska di sektor kerajaan pula, yang diwujudkan di bangunan sendiri diberi pengecualian daripada Majlis Berkuasa Tempatan di mana penganjur tidak perlu memohon untuk menukar syarat penggunaan ruang dan penganjur juga boleh memohon peruntukan sebanyak RM50 ribu untuk menubuhkan sebuah taska di tempat kerja.

4. **Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abdul Rashid [Hulu Terengganu]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, sama ada kementerian bercadang untuk mewajibkan setiap kakitangan awam mencarum dalam PERKESO.

**Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan daripada Yang Berhormat bagi Hulu Terengganu. Kerajaan tidak bercadang untuk memanjangkan skim PERKESO kepada sektor awam termasuk mewajibkan mencarum bagi setiap kakitangan awam.

**Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abdul Rashid:** Terima kasih kepada jawapan yang pendek itu. Saya berasa tidak berapa puas hati dari segi keputusan yang telah

dibuat itu kerana seperti yang kita tahu bahawa pekerja-pekerja di sektor awam juga terdedah kepada risiko kemalangan dan juga kematian semasa bekerja. Misalnya bagi mereka yang bekerja jauh di pedalaman atau yang terlibat dengan kerja-kerja hutan seperti pegawai renjer dan sebagainya dan begitu juga *dispatch* yang terpaksa di dalam kesibukan jalan raya dan begitu juga yang terpaksa di pedalaman yang mengharungi sungai dan sebagainya, yang terdedah kepada kemalangan-kemalangan.

Oleh sebab itu, saya merasakan perlu PERKESO ini diperluaskan kerana mereka ini terutama yang berpendapatan rendah sudah terdedah dengan kemalangan tetapi jika berlaku kematian dan sebagainya, mereka hanya mendapat pencen atau bayaran pesara ini dengan jumlah yang sangat kecil, yang mungkin tidak dapat menanggung keluarga mereka. Walau macam mana pun, dalam *budget* baru-baru ini tidak silapnya ada *ex gratia* untuk kakitangan yang saya rasa tidak mencukupi iaitu hanyalah maksimum RM10 ribu.

Jadi, sebab itu saya rasa sekiranya berlaku kemalangan yang melibatkan keilatan kekal, maka RM10 ribu ini tidak bermakna, oleh sebab itu saya berharap dan diharap dapat pihak kementerian mengkaji semula keputusan yang telah dibuat tadi dan adakah kerajaan bercadang untuk meluaskan balik setelah mengambil apa-apa yang telah kita sebut itu.

**Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Hulu Terengganu. Jelas Yang Berhormat tidak baca betul-betul apa kenyataan dan ucapan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan sewaktu membentangkan Ucapan Belanjawan 2001 pada hari Jumaat 27 Oktober yang lepas, sebab agaknya mungkin bila marah selalu orang terlupa, wang ihsan bukan. Sebenarnya, inti pati daripada ucapan Menteri Kewangan pada hari tersebut adalah memberi pampasan yang sama untuk kakitangan awam yang biasanya dinikmati oleh pekerja-pekerja sektor swasta.

Jadi, tidak timbullah yang kerajaan tidak prihatin kepada khidmat jasa kakitangan awam yang sentiasa memberi sokongan dan dukungan kepada gerak kerja kerajaan. Dan saya bagi contoh kepada Yang Berhormat, dalam ucapan Menteri Kewangan, kalau katakan jari, waktu kakitangan awam berkhidmat dan mendapat kecederaan sewaktu bekerja, kata jarinya terputus mengikut *ex gratia* adalah RM4

ribu sahaja dan maksimum dahulu RM10 ribu tetapi sekarang dengan adanya faedah sama rata dengan sektor swasta, mereka boleh mendapat maksimum sehingga RM40 ribu.

Ini adalah usaha kerajaan untuk mengenang jasa dan khidmat kakitangan awam. Terima kasih.

**Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampak fasal apa PERKESO ini tidak boleh dipanjangkan kepada sektor awam sebab kalau kita kata *ex gratia* itu bayaran dibuat daripada wang kerajaan, kalau misalnya dipanjangkan PERKESO kepada pegawai awam ataupun kakitangan awam ertinya kerajaan membayar premium dan kerana itu saya rasa itu boleh menjimatkan wang kerajaan, sebab bayaran yang dibuat kepada kakitangan yang cedera ini kalau mula dijalankan sistem ini, saya rasa akan melibatkan wang yang begitu banyak yang terpaksa dibayar oleh kerajaan. Jadi, soalan saya, kenapa kita tidak mempertimbangkan untuk dipanjangkan PERKESO ini kepada sektor awam.

**Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan tadi. Seperti saya katakan, bahawa bila kita wajibkan pekerja awam mencarum bermakna pekerja awam sendiri terpaksa mencarum dan kerajaan juga terpaksa mencarum setiap bulan tahun demi tahun, tetapi yang lebih penting adalah kalau kita boleh minum susu lembu, kenapa kita harus bela lembu, kenapa kita tidak hanya beli sahaja. Maknanya, kalau pekerja-pekerja sektor awam boleh menerima pampasan yang sama dengan pekerja di sektor swasta tanpa mencarum, itu lebih baik daripada mereka mencarum dan menerima pampasan yang sama. Sekian.

5. **Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz [Hulu Langat]** minta Perdana Menteri menyatakan, setakat manakah terdapat pegawai dan kakitangan kerajaan yang menggagalkan atau melambat-lambatkan projek kerajaan semata-mata kerana mereka memihak kepada parti pembangkang. Apakah tindakan tegas yang boleh diambil terhadap golongan ini.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Noh bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini kerajaan tidak ada menerima laporan yang menyatakan ada pegawai dan kakitangan kerajaan yang sengaja menggagalkan atau melambat-lambatkan projek kerajaan semata-mata kerana mereka

memihak kepada parit pembangkang. Tindakan tatatertib sehingga dikenakan hukuman buang kerja, atau turun pangkat boleh diambil terhadap golongan ini, sekiranya terdapat bukti-bukti bahawa mereka berbuat demikian kerana ia melanggar tata kelakuan yang digariskan dalam peraturan-peraturan tatatertib yang sedia ada. Terima kasih.

**Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Datuk Setiausaha Parlimen. Walaupun dinyatakan tadi belum ada menerima laporan, tidak semestinya tidak ada yang berlaku. Jadi, soalan tambahan saya ialah, apakah langkah tegas untuk memastikan semua pegawai dan kakitangan kerajaan melaksanakan tugas mereka dengan penuh tanggungjawab terhadap kerajaan yang sedia ada ataupun kerajaan yang sedang memerintah?

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Pada keseluruhannya kerajaan amat berpuas hati dengan sumbangan dan juga khidmat yang telah diberi oleh pegawai dan kakitangan kerajaan dalam usaha mereka membangunkan negara ini dan kita ingin mengucapkan terima kasih kepada kakitangan kerajaan dan ini jelas menunjukkan bahawa kakitangan kerajaan pada hari ini memberi sokongan kepada kerajaan *of the day*, ataupun kerajaan yang sedang memerintah pada hari ini.

Kerana kita sedia maklum bahawa kakitangan kerajaan dan pegawai-pegawai kerajaan ini merupakan eksekutif yang akan melaksanakan dasar-dasar yang dibuat oleh pihak kerajaan. Jadi, sudah tentu kalau mereka tidak menjalankan tugas mereka dengan jujur dan amanah, sudah tentu dasar-dasar kerajaan ini akan gagal dan di tangan mereka juga terletaknya sama ada rancangan-rancangan tersebut berjaya atau tidak kerana mereka boleh mensabotaj dasar-dasar kerajaan jika mereka tidak menyokong kerajaan. Sebab itu kita mengingatkan kepada segelintir pegawai-pegawai kerajaan yang masih tidak berpuas hati dan menyokong dasar-dasar kerajaan adalah lebih baik mereka meletakkan jawatan daripada mereka mengkhianati pembangunan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini sudah menjadi dasar di mana-mana kerajaan yang memerintah pada hari ini, seperti Kerajaan PAS Terengganu hari ini kita lihat bahawa walaupun baru setahun mereka memerintah, tetapi mereka telah membuat rombakan

sebanyak empat kali kepada pertukaran pegawai-pegawai kanan kerajaan walaupun apa alasan yang diberi mengatakan pertukaran tersebut demi kepentingan perkhidmatan tetapi kita juga ada bukti bahawa pegawai-pegawai kanan yang menyokong kerajaan, mereka menjadi seperti bola ditendang ke sana ke sini, empat kali proses pertukaran, empat kali mereka ini ditukar semata-mata kerana mereka menyokong parti UMNO.

Dan juga kita lihat bahawa Kerajaan Negeri Terengganu juga telah memberi amaran kepada pegawai-pegawai kakitangan mereka di mana mana-mana pegawai yang tidak menyokong kerajaan negeri boleh bertukar ke negeri lain dan kerajaan negeri juga mengingatkan pegawai-pegawai mereka bahawa mereka boleh diambil tindakan di bawah OSA (Akta Rahsia Rasmi Kerajaan) kalau mereka membocorkan rahsia-rahsia kerajaan yang mana OSA ini dahulu kita ingat bahawa pembangkang mengatakan bahawa OSA ini merupakan satu undang-undang yang zalim, tetapi hari ini mereka pula bila memerintah mereka ingin menguatkuasakan OSA ini.

Begitu juga, kita tahu apabila penghulu-penghulu yang hadir mendengar taklimat daripada Timbalan Perdana Menteri, mereka ini diberi amaran dan akan diambil tindakan semata-mata kerana menghadiri taklimat yang disampaikan oleh Timbalan Perdana Menteri dan juga pegawai-pegawai kerajaan juga dihalang daripada menghadiri taklimat yang diberikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengenai isu royalti minyak.

Jadi, ini jelas menunjukkan bahawa apabila kerajaan mana-mana juga memerintah, mereka inginkan pegawai-pegawai kerajaan mematuhi dasar-dasar yang dibuat dan melaksanakan segala dasar yang telah diputuskan oleh kerajaan dan kalau kita lihat di Terengganu, Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja mereka ini begitu mengongkong pegawai-pegawai mereka, mereka juga mengambil alih dan mengawal harta ataupun kemudahan-kemudahan orang ramai yang dahulu digunakan oleh orang-orang UMNO sebagai contoh, Dewan Badminton dan Pejabat Belia 4B, Padang Lunas dalam DUN Jerteh, Parlimen Besut, dikunci oleh DSR. Ini dahulu dibeli oleh Belia 4B.

Tuan Yang di-Pertua, ini jelas menunjukkan bahawa apabila mereka berkuasa, mereka juga lupa segala apa yang mereka perjuangkan malah mereka lebih zalim daripada apa yang kita buat selama ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat bagi Tanah Merah.

**Tuan Saupi bin Daud:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi panjang walaupun tidak ada yang mengatakan laporan mengenai kes ini. Saya hairan juga kes tidak ada laporan tetapi jawapan berjela-jela.

**Seorang Ahli:** Ambil peluang bersyarah.

**Tuan Saupi bin Daud:** Ya, ambil peluang untuk bersyarah. Cuma saya......*[Disampuk].*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak apalah itu, soalannya.

**Tuan Saupi bin Daud:** Ulasan. Saya ingin menyatakan kalaulah perkara ini kita ambil kepada pegawai-pegawai Kerajaan Persekutuan juga yang berada di Kelantan dan Terengganu, kita lihat mereka juga mengadakan tindak-tanduk, bukan setakat melambatkan projek-projek kerajaan negeri tetapi menolong mengsabotajkan projek-projek kerajaan negeri kemudian dilaporkan dalam audit dan mendapat teguran audit umpamanya. Tetapi kerajaan negeri tidak mengambil tindakan kepada pegawai-;pegawai berkenaan.

Contoh yang kedua ialah umpamanya saya hendak tahu bagaimana jawapannya kalau guru-guru umpamanya, guru-guru yang terlibat secara langsung dalam politik UMNO kebanyakannya sama ada Ketua Cawangan atau AJK Pemudakah, Wanita dan sebagainya sentiasa mengadakan giat aktif dalam politik UMNO....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah, soalannya, Yang Berhormat.

**Tuan Saupi bin Daud:** Sebab saya tahu....

**Puan Fong Po Kuan:** Dia boleh cakap panjang-panjang.

**Tuan Saupi bin Daud:** Kalau saya tidak bagi panjang, dia jawab panjang juga. Baik saya teruskan panjang. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Orang menjawab ikut orang buat soalan, tidak bolehlah ikut panjang, ya. Soalannya Yang Berhormat, ya.

**Tuan Saupi bin Daud:** Soalannya, kalaulah guru-guru ini umpamanya yang meninggalkan kelas, sekolah dan pembelajaran murid-murid kerana kegiatan politik umpamanya, apakah tindakan yang perlu diambil juga kepada guru-guru berkenaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Tuan Saupi bin Daud:** Itu saya hendak minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Jawapan saya tadi tidak panjang. Kita menghuraikan supaya pembangkang lebih faham. Kalau cakap pendek, pembangkang tidak faham. Jadi, mengenai laporan, tadi saya katakan tidak ada laporan. Laporan yang kita nyatakan ialah laporan rasmi. Memang tidak ada tindakan yang diambil. Walau bagaimanapun, kita tidak nafikan, Yang Berhormat tadi telah memberikan contoh bahawa ada pegawai-pegawai kerajaan yang melambat-lambatkan projek kerajaan di negeri Kelantan tetapi adakah laporan tersebut dilaporkan kepada pihak JPA, ke pihak-pihak yang berkuasa.

Jadi, yang saya nyatakan tadi walaupun tidak ada laporan tetapi kita sedia maklum. Saya juga ada bukti tetapi kita tidak laporkan oleh kerana untuk mengambil tindakan tatatertib ini bukan satu perkara yang mudah kerana Kerajaan Barisan Nasional ia tidak akan mengambil tindakan terburu-buru tanpa bukti yang kukuh. Sebab itu apabila laporan ini kita terima, kita harus kaji sama ada laporan ini merupakan fitnah ataupun laporan yang betul. Apabila didapati laporan ini betul, barulah kita boleh mengambil tindakan.

Mengenai guru-guru yang dinyatakan tadi, kita sedia maklum bahawa pihak kerajaan telah menyatakan bahawa Kumpulan A memang tidak dibenarkan melibatkan diri secara aktif di dalam mana-mana parti politik kerana kita sudah nyatakan tadi bahawa kumpulan pegawai-pegawai kerajaan adalah merupakan pegawai pelaksana dasar-dasar kerajaan. Kalau Yang Berhormat memberi contoh-

contoh tadi kita juga tidak nafikan bahawa ramai juga kumpulan-kumpulan guru ini yang menyokong kepada pihak parti pembangkang. Tetapi untuk kita mengambil tindakan, saya hendak nyatakan sekali lagi kita mesti ada bukti yang kukuh dan laporan-laporan terperinci harus dihantar kepada pihak berkuasa barulah tindakan baru boleh diambil. Kalau setakat cakap dalam Dewan dan di kedai kopi sudah tentu tindakan itu tidak boleh diambil. Terima kasih.

6. **Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]** minta Menteri Penerangan menyatakan kos penayangan Sukan Olimpik Sydney 2000 oleh RTM dan perolehan yang didapati oleh kementerian.

**Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd Yunus]:** Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan atau kos penayangan Sukan Olimpik Sydney 2000 oleh RTM ialah RM6,567,826 manakala jumlah hasil yang diperolehi dari penjualan stok iklan ialah RM2,605,475. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Yang Berhormat bagi Tumpat.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberi jawapan yang jelas menunjukkan bahawa kos yang kita belanjakan untuk menayang Sukan Olimpik Sydney 2000 ini jauh melebihi hasil yang kita perolehi daripadanya. Saya mendapat tahu bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri selaku pegawai sukan yang agak kanan dalam sukan negara kita ini sendiri telah pergi ke Sydney untuk memerhati dan juga untuk menjadi pegawai kontinjen Malaysia khususnya pasukan atlet ke sukan tersebut.

Walaupun Yang Berhormat pergi ke sana di atas *capacity* sebagai pegawai sukan tetapi sebagai Timbalan Menteri Penerangan bolehkah saya tahu sama ada Yang Berhormat berpeluang untuk menyaksikan bagaimana liputan dibuat di Sukan Olimpik itu oleh alat-alat dan saluran-saluran media dan hasil daripada pengalaman beberapa kali termasuk yang terakhir di Sydney ini, apakah Yang Berhormat rasa RTM boleh memperbaiki cara membuat liputan sukan dalam negara kita supaya ianya menjadi seperti yang dilakukan oleh media untuk membuat liputan bagi Sukan Olimpik Sydney 2000 itu?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, benar, selain daripada mengawasi pasukan saya juga melawat pegawai dan kakitangan kita yang bertugas di sepanjang Sukan Olimpik di IBC dan menyaksikan kemudahan yang disediakan. Dalam pemerhatian saya apa juga kemudahan terutama sekali dari segi peralatan yang ada di sana digunakan dengan sebaik mungkin dengan harapan kita dapat memancarkan dan memberikan liputan yang sebaik mungkin kepada setiap arena sukan yang ada di merata tempat di sepanjang Sukan Olimpik tersebut.

Namun demikian, memanglah kita mengakui ada kelemahan-kelemahan di sana-sini yang ada juga hubung kait dengan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh tuan rumah. Namun demikian, saya boleh menyatakan bahawa di atas apa juga kemudahan dan tenaga yang ada pada kita, kita telah cuba untuk memberikan liputan dan khidmat yang sebaik mungkin bagi dinikmati terutama sekali oleh penonton-penonton di negara kita ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat bagi Bandau.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, nampaknya kira-kira sudah kerugian RM4 juta daripada royalti berbanding dengan pendapatan. Apakah sebab ini terjadi, adakah halangan-halangan tertentu yang menyebabkan RTM tidak dapat mengutip hasil yang lebih lumayan daripada tersebut dan berasaskan kualiti penyiaran ataupun bagaimana? Terima kasih.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pengiklan-pengiklan ataupun penaja-penaja ia ada syarat-syarat yang perlu dipatuhi sebelum mereka itu menaja ataupun mengambil sebarang iklan bagi liputan kita ini. Ini saya perhatikan menyebabkan ada penaja-penaja yang hendak mengambil itu menjadi rumit. Contohnya, penaja TV ataupun orang yang hendak menjadi penaja ia mesti juga menjadi penaja dengan izin, *the ground sponsor* misalnya Coca Cola, senang cerita. Coca Cola jadi penaja di Sydney. Jadi, pada dia apa perlu dia pula melalui ejennya di Kuala Lumpur ini mengambil iklan dalam siaran yang kita pancarkan, itu maksudnya, dan saya boleh tunjuk banyak contoh, Tuan Yang di-Pertua.

Kesimpulannya, sebenarnya walaupun angka itu menunjukkan kerugian tetapi pada keseluruhannya kita juga kena ambil kira waktu siaran yang digunakan di sepanjang kita memberikan liputan itu juga melibatkan rancangan-rancangan lain yang tidak dapat kita siarkan dan itu juga mempunyai elemen-elemen kos yang kalau dihitung keseluruhan, sepanjang musim kita menyiarkan liputan Sukan Olimpik itu, akhirnya nanti kita akan dapat melihat sebenarnya kerugian itu tidak sebanyak yang ditunjukkan di sini, kalau diambil kira keseluruhan ruang waktu ataupun waktu siaran yang merangkumi rancangan-rancangan yang telah kita susun. Terima kasih.

*[**Soalan No. 7** - Y.B. Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan) tidak hadir]*

**8. Tuan Zawawi bin Haji Ahmad [Padang Terap]** minta Menteri Pendidikan menyatakan sejauh manakah kejayaan yang dicapai oleh kementerian dalam program pendidikan matrikulasi swasta dan apakah tindakan susulan yang telah diatur bagi membantu para pelajar yang gagal di peringkat matrikulasi.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]:** Tuan Yang di-Pertua, tadi ada orang sebut juga mengenai dengan guru tinggal kelas ini, guru orang UMNO dia kata ada kelas, tidak apa, saya boleh jawab itu. Sebenarnya kita guru UMNO itu kalau sama ada UMNO atau PAS, siapa yang ponteng kelas, kita akan ambil tindakan disiplin, itu biasanya tetapi ini ada guru PAS ini ……

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Jawapan apa itu Yang Berhormat? *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Jawab soalan sahaja sudahlah.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tidak, ini hendak masuk dalam jawapan itu sekalilah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, persoalannya adakah? Cuba terus jawapan asal.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Ya, ya, baik, baik Dato', terima kasih Dato'.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hendak tambah kemudian itu, terpulanglah.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Hei, sudah kelam-kabut sudah. Bila kita belum jawab lagi, sudah kelam-kabut sudah.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan melibatkan institusi pengajian tinggi swasta atau IPTS untuk menjalankan program matrikulasi memandangkan kolej-kolej matrikulasi Kementerian Pendidikan belum dapat menampung jumlah pelajar. Walau bagaimanapun, hanya IPTS yang memenuhi tahap piawaian Kementerian Pendidikan dipilih bagi melaksanakan tanggungjawab di atas. Pada pengambilan Jun 1999 sejumlah 18 IPTS telah dilibatkan di samping 4 buah kolej MARA. Secara keseluruhan, prestasi pelajar yang ditempatkan di IPTS adalah setanding dengan pelajar di Kolej Matrikulasi Kementerian Pendidikan. Pihak kementerian sentiasa memantau pencapaian pelajar-pelajar di IPTS berkenaan dan tindakan susulan seperti memberi amaran ke atas IPTS yang kurang menyerlah di setiap peperiksaan akhir semester telah dilaksanakan. Seandainya pencapaian masih juga tidak memuaskan, tindakan yang lebih tegas telah diambil iaitu dengan memindahkan pelajar-pelajar dari IPTS yang terlibat ke kolej-kolej matrikulasi Kementerian Pendidikan. Penglibatan IPTS di dalam perlaksanaan program matrikulasi ini dijangka berakhir pada tahun 2002/2003 apabila lima buah lagi kolej matrikulasi siap dibina berdasarkan kepada kemampuan setiap kolej menampung pelajar seramai 3,000 orang.

Untuk makluman Yang Berhormat juga dan Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini bahawa kolej matrikulasi Kementerian Pendidikan yang sedang beroperasi adalah Kolej Matrikulasi Melaka, Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan, Kolej Matrikulasi Pulau Pinang, Kolej Matrikulasi Perlis, Kolej Matrikulasi Labuan dan Kolej Matrikulasi Kementerian Pendidikan yang sedang dibina dan akan mula beroperasi mulai 2002 ialah Kolej Matrikulasi Perak, Kolej Matrikulasi Johor, Kolej Matrikulasi Labuan di Merinding dan jangkaan kita juga pada tahun 2002/2003 akan siap lagi. Ha, ini kerajaan di bawah pimpinan Barisan Nasional, kita begitu prihatin, bukan macam bawah pimpinan PAS atau ADIL, ADIL tidak boleh perintah iaitu Kolej Matrikulasi Kedah. Kita akan bina di Kedah dan Kolej Matrikulasi Pahang juga kita akan bina dan Kolej Matrikulasi di Selangor.

Pada sesi 1999/2000 bilangan pelajar yang dapat ditampung oleh lima Kolej Matrikulasi Pendidikan dianggarkan ialah 12,500 orang berbanding jumlah pengambilan dianggarkan seramai 22,000 orang. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Padang Terap.

**Tuan Zawawi bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah semua pelajar yang masuk program matrikulasi itu lulus dan kalau sekiranya mereka tidak lulus, bagaimanakah pembayaran pinjaman yang mereka perolehi itu hendak dibayar sebab mereka masih muda, tiada kerja, jadi dia masuk itu dia buat pinjaman dan pinjaman itu kena bunga pula. Bagaimana mereka ini hendak bayar balik?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada yang lulus, ada yang gagal, tetapi yang gagal itu amat kecil. Misalnya status pelajar matrikulasi yang menyempurnakan pengajian mereka ialah selama 3 semester iaitu satu setengah tahun. Ini yang kita jangka dalam program. Yang memperolehi Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) atau dalam bahasa Inggerisnya, CGPA. Kalau dia dapat CGPA 2.00 ditawarkan tempat di IPTA. Bagi yang memperolehi PNGK 1.8 hingga 1.99 diberikan peluang menduduki peperiksaan khas. Sekiranya berjaya meningkatkan PNGK mereka kepada 2.00 akan ditawarkan tempat ke IPTA. Bagi mereka yang memperolehi PNGK bawah daripada 1, minta maaflah, kita terpaksa berhentikan dia.

Walau bagaimanapun, pelajar yang gagal ini juga, kalau dapat 1% Bahagian Matrikulasi telah merangka beberapa usaha. Antaranya, mendapatkan peluang untuk mengikuti kursus-kursus peringkat Diploma, contohnya mengikuti kursus perguruan atau institusi pendidikan yang lain. Kedua, menawarkan mereka mengikuti kursus-kursus kemahiran anjuran MARA seperti British-Malaysia Institute dan seumpamanya.

Bagi soalan kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Padang Terap tadi bahawa adakah mereka dikehendaki bayar balik. Saya telah nyatakan beberapa kali dalam Dewan ini, kalau dia tidak dapat kerja, dia tidak perlu bayar, sampailah sudah tua, tidak dapat kerja, apa boleh buat, Tuan Yang di-Pertua, sudah tidak ada kerja.

Kita mana hendak paksa, kita tidak paksa, kita bagi duit. Malah hari itu pun telah kita nyatakan dalam masa Jawatankuasa Belanjawan dulu, saya telah pun buat satu kenyataan bahawa pihak di sebelah sana berkali-kali dalam mana-mana kempen pun beritahu kata PTPTN itu kita kenakan riba, saya minta tolonglah Ahli-ahli Yang Berhormat, itu bukan riba Yang Berhormat, itu ialah kita kena wang pengurusan dan itu pun saya sudah bagi jaminan lagi sekali, kita akan kaji juga 4% itu walaupun itu wang pengurusan, bukan wang riba. Pihak kita kerajaan sekali-kali tidak ambil riba, minta maaflah. Mintalah Yang Berhormat tolonglah, dalam kempen-kempen jangan mencemuh pihak kerajaan kita di bawah pimpinan Barisan Nasional, kita tidak pernah ambil riba. Ini jangan tuduh kita sembarangan. Saya berharap benar ini perlu kita nyatakan kepada rakyat secara benar, jangan kita putar belitkan atau kita kata cuba manipulasikan dasar kerajaan dan harapan kita, apa pula Yang Berhormat berbaju merah? *[Ketawa]* Yang Berhormat berbaju merah ini, kalau hendak bercakap, sila bangunlah bercakap dan tanya tidak perlulah buat komen.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak apa, teruskan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan saya sudah kata soal PTPTN ini pinjaman kita akan terus jalankan tanggungjawab kita di samping kita ada juga biasiswa, kita tidak pernah hentikan biasiswa. Ini yang selalu dilakukan oleh pihak PAS masa kempen-kempen pilihan raya, dia kata pihak kita telah mengenakan riba, kita mengenakan itu, mengenakan ini. Walhal pihak kita telah mengadakan biasiswa, tidak pernah dinyatakan oleh pihak parti pembangkang terutama PAS ini. Saya mahu memberitahu…..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, terima kasih. Soalan-soalan mulut telah selesai.

***[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 7 dan 9 hingga 20 adalah dijilid dalam buku berasingan]***

## UCAPAN TAKZIAH

**Ucapan Takziah Atas Kembalinya Ke Rahmatullah Allahyarham Tuan Yang Terutama Tun Datuk Patinggi Dr. Haji Ahmad Zaidi Adruce bin Muhammed Noor, Yang Di-Pertua Negeri Sarawak**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya memaklumkan bahawa Dewan ini merakamkan perasaan dukacita dan sedih di atas kembalinya ke Rahmatullah Allahyarham Tuan Yang Terutama Tun Datuk Patinggi Dr. Haji Ahmad Zaidi Adruce bin Muhammed Noor, Yang di-Pertua Negeri Sarawak pada hari Selasa, 5 Disember 2000 di Subang Jaya Medical Center. Allahyarham itu pada zaman penjajahan dahulu adalah seorang wira dan telah berjuang untuk mencapai kemerdekaan tanah air. Allahyarham telah banyak berjasa kepada negara sehingga beliau dilantik memegang jawatan yang tertinggi sekali di Sarawak. Beliau telah berkhidmat dengan cemerlang sebagai Yang di-Pertua negeri Sarawak selama 16 tahun iaitu suatu masa yang terpanjang sekali yang pernah dipegang oleh seorang Yang di-Pertua Negeri. Pemergiannya adalah suatu kehilangan yang besar untuk negeri Sarawak khasnya dan Malaysia amnya.

Marilah kita bersama-sama berdoa moga-moga Allah S.W.T mencucuri rahmat kepada rohnya dan moga-moga rohnya ditempatkan bersama-sama dengan roh orang-orang yang mukmin. Saya bagi pihak Majlis Dewan Rakyat mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham. Saya arahkan upacara ini disimpan di dalam Arkib Parlimen dan satu salinannya dihantar kepada balu Allahyarham Yang Amat Berbahagia, Datuk Patinggi Hajjah Rosmiyati. Sekarang saya menjemput hadirin sekalian bangun. Yang beragama Islam diminta menghadiahkan Al-Fatihah kepada roh Allahyarham dan yang bukan beragama Islam bertafakur selama dua minit, dipersilakan.

*[Majlis bertafakur selama dua minit. Ahli-Ahli yang beragama Islam menghadiahkan Al-Fatihah]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Terima kasih.

**RANG UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2001**

**DAN**

**USUL**

**ANGGARAN PEMBANGUNAN 2001**

**Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang undang-undang Perbekalan 2001 dan Anggaran Pembangunan 2001 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." ***[Hari Keduabelas]***

***Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.***

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah] ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

**Maksud B.49 [Jadual] -**
**Maksud P.49 [Anggaran Pembangunan 2001] -**

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.49 dan Kepala Pembangunan P.49 di bawah Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia terbuka untuk dibahas. Ya, saya bagi Sri Gading.

**11.04 pagi.**

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, izinkan saya untuk bersama-sama dalam perbahasan Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia ini. Saya hendak menyentuh tentang P.49, Butiran 07000 tetapi sebelum itu saya hendak ucap tahniah kepada kementerian ini kerana Alhamdulillah ketiga-tiga komponen ini - Tenaga, Komunikasi dan Multimedia ini telah dapat dijalankan di negara ini yang memberikan sebesar-besar manfaat dan faedah kepada rakyat dan pembangunan negara. Apa yang kita harapkan supaya kementerian ini terus

meningkatkan daya usahanya untuk memberikan lebih kebaikan dan pembangunan kemajuan kepada rakyat dan negara dan mudah-mudahan dengan usaha kementerian ini, kita akan terus dapat bersaing dalam alam yang penuh dengan cabaran untuk membawa negara dan rakyat ke arah yang lebih baik.

Cuma satu yang saya hendak tegur, kalaupun ini sebagai satu teguran yang membina. Berkaitan dengan iklan di TV, kerana Kementerian Penerangan dia tidak berkuasa dengan iklan di TV. Walaupun telah di tegur beberapa kali di akhbar dan di Dewan ini juga, nampaknya iklan yang memalukan umat Islam. Boleh dikatakan seolah-olah menghina orang Melayu yang beragama Islam yang ditayangkan oleh TV3. Iklan waktu akad nikah pengantin lelaki cabut. Pasal ketinggalan mas kahwin, tidak munasabah kerana apabila, ini pengalaman kita semua orang Melayu. Jangan hendak hina bangsa Melayu ini dan lebih malang yang menghina bangsa Melayu ini ialah orang Melayu sendiri, yang hendak menghina agama Islam ini ialah orang Islam sendiri. Ini telah pun dipaparkan di akhbar-akhbar. Tetapi nampaknya TV3 masih degil lagi. TV mungkin agaknya tidak dapat hendak disalahkan kerana dia siapa sahaja yang hendak mengiklankan, dia akan terima.

Tetapi kementerian ini, tidakadakah di kementerian ini yang menapis iklan-iklan yang disalurkan di TV-TV kita ini supaya jangan menyentuh tentang perkara-perkara yang menjadikan keaiban, yang menimbulkan rasa malu, yang menjatuhkan maruah. Jadi saya harap diberhentikan, pasal tidak munasabah orang Melayu apabila hendak pergi nikah, pertama sekali yang hendak di*check* dalam senarai panjang ini, mas kahwin, duit buka pintu, duit sireh junjungnya, hantarannya apa, semua sekali siap. Semua senarai kena check abang tua check, pak cik check, bapa dia check, emak dia check. Tidak munasabah sampai terlupa, kalau pun Bank Bumiputra-Commerce hendak mengiklankan perniagaannya buatlah iklan lain. Apa salahnya dua kekasihlah umpamanya sedang membeli belah, tiba-tiba kekurangan duit apa salahnya. Tiba-tiba perempuan pula pergi dekat mesin, apa salahnya cantiklah. Ini nikah, tidak ada peristiwa lainkah yang boleh dijadikan contoh bagaimana peranan Bank Bumiputra untuk menolong orang-orang yang keputusan duit ini.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri Yang Berhormat, Tumpat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ha, jemput cepat, hendak nikah jugakah. *[Ketawa]*

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Pohon penjelasan. Berkaitan dengan contoh Yang Berhormat bagi Sri Gading berikan. Acara nikah ini adalah suatu acara keagamaan, ibadah. Oleh itu saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat dan saya minta penjelasan Yang Berhormat sama ada suatu amalan ibadah mana-mana agama pun boleh dijadikan bahan sindiran dan permainan untuk tujuan komersial. Mana-mana syarikat sekali pun terutamanya sistem media kita ini.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Tumpatlah. Ini ada juga yang bersetujunya. Memang tidak boleh dimain-mainkan, soal agama ini. Terima kasihlah Yang Berhormat bagi Tumpat. Ada juga setuju dengan saya, saya ingat tadi dia hendak kahwin lagi *[Ketawa]*. Saya setuju dengan pendapat Yang Berhormat bagi Tumpat. Maknanya hal-hal keagamaan jangan kita remehkan, jangan kita permainkan, jangan kita hina.

Saya mintalah dengan atas nama Dewan yang mulia ini, kalau Bank Bumiputra-Commerce ini bertanggungjawab, sila berhentikan segera jangan ditayangkan lagi iklan ini. Saya juga menyeru kepada kementerian supaya menapis semua iklan-iklan yang boleh mencemarkan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Tumpat tadi. Apa sahajalah yang mencemarkan agama, budaya atau mencemarkan sesuatu bangsa itu diberhentikan dengan serta merta.

Jadi saya haraplah, ini sahajalah Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya minta satu tindakan yang tegas diambil atas iklan-iklan yang memalukan ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Seputeh

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Seputeh berbaju merah. Sila.

**11.10 pagi**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 030000 – Kawal Selia Pos. Pos Malaysia dikorporatkan pada tahun 1992 tetapi sedihnya pihak Pos Malaysia tidak mementingkan kebajikan kakitangannya, khususnya posmen yang berkhidmat secara

bertungkus lumus di Pos Malaysia. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk membentangkan sungutan para posmen dalam sidang ini. Pertama, saham Pos Malaysia. Kebanyakan perbadanan kerajaan yang dikorporatkan ataupun diswastakan memberi saham syarikat kepada pekerjanya. Walau bagaimanapun saham Pos Malaysia yang dijanji-janjikan sebelum pengkorporatannya pada tahun 1992 tidak diberi langsung kepada kakitangannya sehingga hari ini. Para posmen dan kakitangan Pos Malaysia memang kurang bernasib berbanding dengan kakitangan yang bekerja di Syarikat Telekom dan TNB.

Kedua, gelaran sebagai operator mail. Ramai posmen tidak faham kenapakah nama jawatan mereka ditukar daripada posmen kepada operator mail selepas pengkorporatan. Gelaran operator mail ini mengelirukan para pelanggan kerana panggilan posmen merupakan panggilan yang digunakan di seluruh dunia. Manakala operator mail membawa konotasi merujuk kepada pekerja kilang yang menggunakan mesin. Adalah diharap pihak kerajaan mengubahkan gelaran tersebut daripada operator mail kepada posmen.

Ketiga, gaji yang rendah. Saya difahamkan bahawa negeri Selangor sekarang masih kekurangan posmen seramai 100 orang. Kekurangan ini adalah disebabkan oleh gaji yang rendah. Gaji asas permulaan para posmen hanyalah RM 461.00 sahaja, selepas dicampur dengan elaun jumlah hitung panjang pendapatan mereka hanyalah lebih kurang RM700.00 sahaja. Manakala gaji tahap maksimum mereka hanya RM1,040.00 sahaja, manakala bagi mereka yang dinaikkan pangkat hanya mendapat lebih kurang RM1,240.00 sahaja. Selain itu mereka hanya mendapat kenaikan gaji sebanyak 5% setiap 3 tahun dan bonus sebanyak setengah bulan sahaja. Gaji tersebut merupakan gaji yang terlalu rendah bagi syarikat yang membuat keuntungan setiap tahun. Gaji yang rendah ini memanglah tidak memadai dengan kerja berat yang dilakukan oleh mereka.

Pendapatan ini memanglah susah bagi seseorang posmen yang bekerja di Lembah Kelang. Sekarang banyak pejabat Pos menghadapi kesukaran untuk mendapatkan posmen yang baru, sedangkan semakin ramai posmen yang sedia ada juga telah meletakkan jawatan. Masalah keempat, tiada pencen dan gratuity. Pos Malaysia tidak memberi apa-apa penghargaan kepada kakitangan yang bersara.

Mereka hanya diperintahkan berhenti kerja selepas genap umur 55 tahun. Oleh kerana para posmen tidak lagi dianggap sebagai pegawai kerajaan sekarang, maka mereka pun tidak dibayar pencen selepas mereka bersara. Di samping itu mereka juga tidak dibayar wang sagu hati gratuity seperti di syarikat swasta. Ini bermaksud para posmen yang telah berkhidmat berpuluh-puluh tahun di Pos Malaysia akan kehilangan pendapatannya selepas umur 55 tahun.

Akhir sekali sungutan mereka adalah insurans kelompok. Para posmen tidak dibayar insurans tetapi hanya SOCSO sahaja yang mana memakan masa yang panjang untuk mendapat tuntutan pampasan sekiranya kemalangan berlaku pada mereka. Sebenarnya pihak Pos Malaysia sebagai satu perbadanan yang dikorporatkan haruslah membiayai insurans kelompok kepada para posmen yang berkhidmat untuknya supaya mereka akan mendapat pampasan yang lebih sekiranya kemalangan berlaku kepada mereka.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

Akhirnya saya menyeru kerajaan untuk mengambil berat tentang pendapatan dan kebajikan posmen yang berkhidmat di Pos Malaysia. Para posmen ini telah memainkan peranan yang sangat penting dari segi perkhidmatan penghantaran barangan dan maklumat di negara kita yang mana harus dihargai oleh kita semua. Pengorbanan para posmen haruslah dibayar dengan suasana kerja dan gaji yang lebih lumayan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Penampang.

**11.15 pagi**

**Tuan Philip Benedict Lasimbang:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma berbahas mengenai Maksud B. 49 Butiran 07000 mengenai kajian sektor komunikasi dan multimedia. Pada tahun 2000 diberi peruntukan sebanyak RM1. 25 juta tetapi kali ini hanya token RM10.00. Peruntukan ini tidak menggambarkan keseriusan ataupun penekanan kita terhadap pertumbuhan teknologi, komunikasi dan multimedia, seterusnya ekonomi berasaskan ilmu yang dipercepatkan oleh pembangunan ICT.

Untuk kita terus berkembang sejajar dengan penekanan kita ke arah k-ekonomi dan memahami globalisasi. Kajian demi kajian, analisa demi analisa perlu dilakukan supaya kita tidak ketinggalan dalam aspek teknologi komunikasi dan multimedia. Sehubungan dengan kajian-kajian ini saya ingin tahu adakah Kementerian Tenaga Komunikasi dan Multimedia membuat kajian terhadap tahap penggunaan komputer atau computer utilization dengan izin di kalangan pemilik-pemilik komputer.

Pertanyaan pokok adalah apakah definisi istilah literasi komputer itu. Adakah pemilik komputer itu setakat boleh menggunakan Word ataupun menaip dalam bentuk text ataupun setakat boleh access kepada Internet mencukupi. Saya cadangkan supaya kerajaan mengkaji tahap penggunaan dan merumus tahap mana kefahaman dan penggunaan seseorang bolehlah ianya dipanggil sebagai computer literate ataupun tidak buta huruf komputer. Ini penting kerana kita perlu satu target ataupun benchmark ataupun pengukur yang jelas dan setakat memiliki komputer tanpa menggunakan sepenuhnya komputer milik mereka.

Saya banyak melihat komputer-komputer yang hanya digunakan untuk main game. Maka pelaburan itu tidaklah munasabah, iaitu penggunaan itu tidak setimpal dengan wang yang dilabur untuk membeli komputer tersebut. Sekali lagi sehubungan dengan perkembangan penggunaan komputer sepenuhnya dan perkembangan perniagaan kecil komputer saya memohon supaya keputusan pemilikan komputer oleh pencarum KWSP dilihat dari sudut perkembangan perniagaan kecil yang akan membantu kerajaan memperkembangkan teknologi komunikasi dan multimedia. Saya menyokong permintaan ataupun saranan daripada saudara saya daripada Tampin semalam yang meminta Kementerian Pembangunan Usahawan dalam soal ini.

Saya pun mendapat banyak rungutan dan rayuan daripada para peniaga kecil komputer ini. Saya ingin memberi senario dalam beberapa tahun yang akan datang ini jika masalah ini diteruskan ataupun pembekalan oleh Oda Saja Sendirian Berhad ini diteruskan. Jika ada 2 juta pencarum KWSP yang membeli komputer melalui Oda Saja ataupun – saya tidak tahulah anak syarikat Pos Malaysia, Oda Saja Sendirian Berhad – sudah tentu 2 juta pemilik komputer ini tidak lagi membeli

komputer dari peniaga kecil komputer ini. Maksudnya peniaga kecil komputer yang kehilangan urusniaga sebanyak RM7 bilion kerana ini semua dimonopoli oleh Oda Saja Sendirian Berhad. Saya sekali lagi mengutarakan perkara ini kerana langkah ini satu-satunya langkah yang paling strategik untuk mencetus perkembangan ICT di kalangan rakyat Malaysia ke arah k-ekonomi dengan bantuan teknologi komunikasi dan multimedia.

Saya rekod di sini permohonan saya supaya kementerian membantu memperkembangkan peniaga-peniaga kecil komputer untuk membantu kerajaan dalam usaha kita ke arah k-ekonomi dan seterus Wawasan 2020.

Tuan Pengerusi, satu lagi, negeri Sabah sebenarnya antara negeri yang paling awal melangkah menuju ke arah e-government atau kerajaan menggunakan teknologi elektronik sepenuhnya. Saya merekod tahniah dan syabas kepada kerajaan negeri Sabah kerana wawasan dan perancangan ini. Walau bagaimanapun, usaha ini dihalang oleh beberapa masalah ke arah pembinaan infrastruktur komunikasi yang penting. Saya ingin mengetengahkan masalah infrastruktur *fiber optics* yang telah dimulakan lebih 4 tahun yang lepas.

Belum ada teknologi komunikasi baru yang boleh mengatasi teknologi fiber optics dan negara-negara lain telah memasang berpuluh-puluh ribu kilometer panjang kabel ini. Saya tidak menunjuk jari di sini. *I'm not pointing finger* dengan izin, hanya meminta kementerian untuk mencari jalan supaya kepentingan rakyat dan negara diutamakan mengatasi kepentingan keuntungan ataupun individu dalam syarikat-syarikat yang terlibat. Prasarana ini amat penting dan sepatutnya siap untuk digunakan sekarang. Saya cadangkan supaya kementerian mengambil langkah yang aktif.

**Tuan Bung Moktar bin Radin:** Terima kasih. Ini berhubung dengan masalah di Sabah iaitu, *fiber optic* di antara sebuah syarikat yang dimiliki oleh orang-orang perseorangan dengan Telekom Malaysia sehingga hari ini *fiber optic* ini tidak dapat digunakan sedangkan wang berjuta-juta ringgit telah pun dibelanjakan. Bagaimana pandangan Yang Berhormat? Setujukah Yang Berhormat agar kerajaan atau kementerian ini campur tangan secara langsung untuk berunding kerajaan negeri

supaya *fiber optic* yang telah dibuat ini boleh digunakan dan tidak tersadai begitu sahaja. Saya minta pandangan Yang Berhormat.

**Tuan Philip Benedict Lasimbang:** Terima kasih. Saya setuju dengan pandangan daripada Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Memang benar. Itu sebab saya mengetengahkan masalah ini kerana sebelum ini masalah ini disebabkan oleh tidak ada persefahaman di antara dua kompeni ataupun syarikat yang besar iaitu, Telekom Malaysia dengan 'Inco Firm' yang telah menandatangani perjanjian dengan kerajaan negeri. Jadi, memang mereka mempunyai masalah yang tertentu. Jadi, saya cadangkan supaya kementerian mengambil langkah yang aktif. Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia mengambil terus langkah-langkah yang perlu dalam mempercepatkan pemasangan *fiber optic* Pan-Borneo yang saya dengar sudah ada di Sarawak dan kita perlu mempercepatkan pemasangan *fiber optic* Pan-Borneo dari Sarawak ke Sabah supaya infrastruktur ini tersedia untuk memperkembangkan penggunaan teknologi ini dan seterusnya menarik pelabur-pelabur ke Sabah dan Sarawak. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Lumut.

**11.25 pagi**

**Tuan Kong Cho Ha [Lumut]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan terima kasih kepada Tenaga Nasional Berhad kerana membawa loji janakuasa yang begitu besar sekali ke kawasan saya iaitu, TNB Jana Manjung yang nilai projeknya RM7.1 bilion iaitu RM7,100 juta dan projek itu sedikit sebanyak telah membawa manfaat kepada penduduk tempatan tetapi ia juga menimbulkan beberapa masalah. Sebentar tadi saya harap Pengerusi (TNB) iaitu Datuk Jamaludin Jarjis ada dalam Dewan ini tetapi sekarang dia sudah keluar. Saya harap dia dengar masalah-masalah saya dan membantu menyelesaikan masalah itu.

Jadi, masalah yang paling serius yang timbul adalah pengambilan tanah untuk laluan kabel *high-tension* dengan izin. Pembayaran pampasan izin lalu itu tidak seimbang sekali. Saya telah beberapa kali membangkitkan masalah ini dalam Dewan yang mulia ini secara soalan lisan tetapi jawapan yang diberi itu tidak boleh menyelesaikan masalah yang ada dan saya sendiri juga membawa pemilik-pemilik

tanah untuk berjumpa dengan Pegawai Daerah dan juga dengan Menteri Besar Perak untuk menyelesaikan masalah, tetapi masalah itu tidak dapat diselesaikan lagi.

Jadi masalahnya ialah bayaran pampasan yang tidak seimbang. Jadi, tanah lot jiran dibayar pampasan izin lalu dengan kadar yang begitu berbeza sekali. Misalnya lot A diberi dibayar pampasan RM120,000 seekar, tetapi lot B jiran sahaja dibayar RM16,000 seekar sahaja dan saya juga faham bahawa ada lot-lot yang dituntut sebanyak RM5 juta, RM6 juta, RM7 juta sahaja. Tetapi ada lot yang dibayar RM16,000 sahaja seekar. Jadi masalah ini hanya boleh diatasi kalau ada satu penyelarasan di antara TNB), Pejabat Tanah dan Pejabat Penilaian.

Penyelarasan di antara pejabat-pejabat itu sahaja boleh menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pemilik tanah. Pemilik tanah amat takut kerana rayuan mereka tidak dapat keputusan. Kadang-kadang selama 5 tahun juga dan beberapa pergaduhan di antara tuan tanah dan kontraktor (TNB) telah pun berlaku. Laporan polis pun telah dibuat beberapa kali. Saya harap kementerian dapat mencari satu cara sempurna untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Tuan Pengerusi, satu lagi masalah yang timbul adalah jalan pertanian di kawasan yang dipasang *high-tension* kabel dan juga pembinaan pylon untuk *high-tension* kabel itu rosak kerana kenderaan berat yang keluar masuk untuk menjalankan kerja-kerja memasang kabel dan membina pylon. Saya harap jalan-jalan itu selalu disegerakan memandangkan musim hujan sekarang.

Satu lagi masalah berkenaan dengan bayaran pampasan adalah untuk tapak pylon. Jadi, tapak pylon itu sepatutnya diambil terus dan bukan dibayar secara izin lalu sahaja. Tuan Pengerusi, rakyat tempatan amat bersyukur kerana ada satu projek yang begitu besar di kawasan saya. Walaupun pemborong tempatan tidak diberi kontrak atau sub-kontrak untuk projek tersebut, saya harap pihak TNB Jana Manjung boleh membantu dengan memberi perkhidmatan sosial kepada penduduk berdekatan dengan kawasan projek TNB Jana Manjung itu. Jadi, selain daripada jalan melalui kampung-kampung itu rosak kerana lori-lori yang membawa bahan-bahan binaan itu perlu dibaiki, saya harap pihak TNB Jana Manjung juga menjalankan projek sosial di dua buah kampung tradisi di kawasan itu Kampung Teluk Penchala dan Kampung Datuk Seri Kamaruddin.

Kalau pihak TNB Jana Manjung dapat membina sedikit kemudahan sukan seperti gelanggang sepak takraw atau taman permainan kanak-kanak di kawasan itu, itu akan mengekalkan hubungan silaturahim di antara TNB Jana Manjung dan penduduk tempatan.

Satu lagi masalah di bawah Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia dan saya hendak bangkitkan di sini adalah berkenaan dengan perkhidmatan telefon bimbit. Sekarang kita selalu menghadapi masalah *network busy* dalam perkhidmatan 019 dan 012. Jadi, saya hendak tahu adakah Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia berkuasa untuk menjamin perkhidmatan yang diberi oleh 019 itu dinaikkan tarafnya. Itu sahaja yang saya hendak bangkitkan . Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yan.

**11.33 pagi.**

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa [Yan]:** Bismillahir rahmanir rahim. Terima kasih Tuan Pengerusi. Kepala Bekalan B.49 dan Pembangunan P.49, Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia lebih tertumpu kepada Khidmat Bantuan – Butiran 010000, Kawal Selia Elektrik dan Gas – Butiran 020000, Kawal Selia Pos – Butiran 030000 dan *one off* – Butiran 040000.

Saya ingin terlebih dahulu menyentuh Butiran 030000 – Kawal Selia Pos, di mana rakyat rata-rata amat tidak puas hati dengan memberikan hak mutlak kepada Pos Malaysia Berhad dan menjalankan perniagaan bekalan komputer peribadi kepada rakyat yang membeli komputer melalui skim pinjaman melalui KWSP.

Ini membuktikan amalan kronisme yang masih berakar umbi di kalangan pemimpin kerajaan. Kita mendapat maklum komputer yang dibekalkan juga hanya dari syarikat tertentu sahaja yang ada pula kaitannya dengan orang tertentu. Sudah pasti ini akan menghalang dagangan atau perniagaan secara terbuka. Nampaknya sudah puas Yang Amat Berhormat bagi Kupang Pasu mengalirkan airmatanya, tetapi nampaknya amalan kronisme telah berakar umbi dan susah pula hendak dibendung. Kawal selia pos ini amat penting sekali terutamanya bagi memastikan sistem pos kita dapat berjalan dengan baik, cekap dan amanah pula.

Pada masa ini, kita mendapati khidmat pos laju amat tidak memuaskan, di mana kadang-kala pos biasa jauh lebih cepat dari pos laju dan ini adalah kerana

mungkin sikap tidak prihatin di kalangan pegawai Pos Malaysia Berhad yang berkemungkinan sebagai protes terhadap sistem perkhidmatan yang kurang memuaskan.

Di samping itu, kita mendapati khidmat kaunter pos kurang efisien kerana kurangnya penggunaan sistem 'pengautomatan' seperti *counter on line*. Kaunter pos juga tidak menggambarkan imej korporat. Terlalu kotor dengan cebisan setem, gam dan panas kadang-kadang, terutama pada hari bayaran pencen kerana sistem hawa dingin atau kipas yang tidak berfungsi. Semua ini mestilah dipastikan pada tahap terbaik kerana rakyat sebagai pelanggan telah membayar perkhidmatan kepada Pos Malaysia Berhad.

Oleh kerana kawal selia pos dan multimedia di bawah kementerian yang sama, maka wajarlah khidmat pos dilengkapi dengan kemudahan elektronik dan multimedia. Kaunter pos perlu dilengkapi dengan kemudahan *on line* untuk khidmat pembelian setem, pembaharuan cukai dan lesen serta perkhidmatan lain yang lebih canggih yang dibekalkan oleh Pos Malaysia Berhad.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh Butiran 00100 - Program Kecekapan Tenaga dengan izin Energy Efficiency Program dan Butiran 03202 - Penghantaran dan Pembahagian.

Kecekapan bekalan tenaga memang menjadi permasalahan terutamanya bagi pencawang elektrik di dalam daerah pedalaman dan di kawasan luar bandar. Oleh itu kerajaan perlu memastikan supaya pembekal bekalan elektrik dengan izin, *electricity provider* sama ada oleh syarikat swasta mahupun oleh syarikat milik kerajaan memberikan keutamaan mengenai kecekapan bekalan tenaga. Namun begitu kerajaan perlu juga melihat di mana masih ada lagi kampung-kampung di pedalaman yang masih tidak mempunyai bekalan elektrik atau mempunyai bekalan dalam masa terhad. Kampung ini sebagai contoh di Hulu Kelantan yakni tanah-tanah rancangan masih tidak mempunyai bekalan elektrik yang sempurna.

Kita tidak mahu hanya tiang-tiang elektrik diletakkan menjelang pilihan raya sahaja tetapi kita mahu kerajaan merancang pelaksanaan sistem bekalan elektrik yang baik kepada setiap buah rumah di negara ini tanpa diskriminasi. Dengan adanya sistem bekalan yang bersifat kegagalan sifar kita akan menyeimbangkan

pembangunan di setiap pelosok negara bukan sahaja bekalan untuk industri di bandar malah rakyat juga akan mendapat bekalan tenaga yang sempurna.

Tuan Pengerusi, saya berasa amat hairan dengan Butiran 06000 Sistem Pengurusan Maklumat Kementerian, Management Information System (MIS) dengan izin di mana sepatutnya sebagai kementerian yang berkewajipan dalam bidang komunikasi dan multimedia sepatutnya telah mempunyai sistem maklumat pengurusan yang terbaik. Kementerian seharusnya memainkan peranan yang teramat penting bagi memastikan bukan sahaja kementeriannya mempunyai MIS yang baik tetapi juga memastikan juga bahawa;

(i) semua institusi kerajaan mempunyai sistem maklumat yang seragam;

(ii) menggunakan aplikasi perisian yang seragam;

(iii) mempunyai sistem data yang stabil serta mudah dicapai; dan

(iv) mempunyai sistem MIS boleh suai dengan izin, *flexible management information system.*

Tuan Pengerusi, kesemua ini penting supaya kerajaan akan lebih efisien lagi dan dengan adanya sistem data yang baik serta telus akan membolehkan beberapa maklumat yang boleh disebarkan kepada rakyat dapat sampai tanpa halangan. Mengenai sistem pengurusan maklumat ini mungkin ada baiknya kita belajar dari pengalaman beberapa negara luar dan sekali lagi saya ingin mengambil contoh negara yang terdekat dengan kita seperti Singapura mereka menyeragamkan penggunaan sistem maklumat di seluruh institusi kerajaannya dan memastikan sistem *on line* nya berjalan lancar, capaian maklumat dalam institusi kerajaan amat mudah di *access*, mereka juga memastikan majoriti rakyatnya celik komputer.

Saya ingin menyentuh juga bahawa dalam pelaksanaan konsep Koridor Raya Multimedia (MSC) kita perlu memberikan penekanan kepada pendidikan IT atau program celik IT yang bersungguh-sungguh. Negara jiran kita patut dirujuk sekali lagi di mana dalam tahun 1997 satu pelan induk pendidikan IT telah diperkenalkan yang telah memperuntukkan sebanyak USD1.1 bilion bagi projek ini dengan sasarannya sekolah-sekolah dengan antara sasarannya adalah untuk menanamkan pemikiran IT, pembelajaran IT dan kemahiran komunikasi dengan menggunakan IT.

Mulai tahun 1997 tersebut kerajaan Singapura telah memastikan 30% kurikulum pendidikan berasaskan IT dan mensasarkan dua komputer kepada seorang pelajar menjelang tahun 2002.

Hasilnya Tuan Pengerusi, menjelang tahun 2000 baru ini mereka telah memiliki lebih daripada 1.8 milion talian utama telefon bagi capaian multimedia, 1.5 milion komputer peribadi dimiliki dan 550,000 pengguna Internet. Oleh itu janganlah kita mengatur secara jangka pendek sahaja tetapi lihatlah sasaran untuk jangka panjang dengan membasmi sama sekali amalan kronisme dan nepotisme. Janganlah kita menjalankan satu projek untuk masa itu sahaja tetapi berpandangan jauh lagi supaya kita tidak membazirkan wang dan harta rakyat tetapi menyediakan infrastruktur dan kemudahan untuk memudahkan rakyat bukan untuk mengayakan kumpulan tertentu semata.

Akhirnya Tuan Pengerusi saya mencadangkan supaya peruntukan sistem maklumat pengurusan kementerian ini dapat dipertingkatkan sebaik-baiknya diselaraskan dengan kementerian lain dan agensi kerajaan yang lain serta dapat pula memastikan rakyat faham dan tahu maklumat apa yang mereka boleh capai dari sistem ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Parit Sulong.

**12.40 tgh.**

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada P.49, Butiran 07000 – Kajian Sektor Komunikasi dan Multimedia.

Secara khususnya saya mahu menumpukan kepada soal Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia. Saya cuba membuat satu *homework* dan melihat kepada buku Belanjawan 2001, saya ingin melihat di manakah saya boleh perolehi maklumat mengenai program Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia tetapi tidak ada. Saya temui soal-soal kawal seliaan tenaga, kawal seliaan pos tetapi tidak ada soal-soal kawal seliaan komunikasi dan multimedia yang sebenarnya sekarang ini diletakkan di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia yang bertugas atau

bertanggungjawab untuk melicinkan peralihan perkhidmatan komunikasi, penyiaran dan Internet menerusi satu suasana percantuman ataupun *convergence*.

Saya faham bahawa menurut Laporan Tahunan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia 1999 yang dibentangkan ke Dewan yang mulia ini baru-baru ini antara lainnya menyebut bahawa sebahagian besar pengawalseliaan sosial adalah mengenai kandungan atau *content*. Sebab itulah maka suruhanjaya tersebut memberikan tumpuan kepada soal-soal pembinaan kod pengiklanan dan garis panduan penyiaran yang sebelum 1998 di bawah tanggungjawab Kementerian Penerangan.

Dalam konteks ini Tuan Pengerusi, saya amat berbangga dengan langkah awal yang dibuat oleh pihak suruhanjaya mengenai hal ini. Namun begitu saya ingin bertanya, adakah pihak kementerian ataupun pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia sedar bahawa majoriti iklan yang terpapar dalam televisyen tempatan adalah sama bentuk dan *production* nya dengan iklan-iklan di dalam saluran TV Astro ataupun TV-TV di Barat. Contohnya cubalah kita kaji *content* atau kandungan beberapa iklan mengenai jenama rokok dan setengah telefon bimbit. Temanya sama, *production* nya sama dan mesejnya sama dengan iklan-iklan di Barat. Apabila digarap secara sepintas lalu….

**Tuan Bung Moktar bin Radin:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Parit Sulong, Kinabatangan bangun.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Sekejap, sekejap saya habiskan dahulu. Apabila digarap sepintas lalu memang iklan-iklan itu sekadar mahu menarik minat konsumer tetapi jika dikaji secara halus seperti dari aspek sosiobudaya saya berpendapat setengah *content* dan mesej iklan itu adalah tidak sesuai dengan lanskap sosiobudaya dan agama Islam. Setengah mesej serta video iklan tersebut seolah-olah mempunyai sesuatu agenda khusus yang disasarkan kepada generasi muda Malaysia secara umum. Iklan-iklan seperti ini memaparkan kebebasan tanpa batas di kalangan muda-mudi Barat. Hakikat ini juga membahayakan jati diri serta ketahanan nasional atau *national resilient* generasi muda Malaysia yang seharusnya maju atas dorongan nilai-nilai ketimuran dan nilai-nilai akhlak agama Islam.

**Tuan Bung Moktar bin Radin:** Ya, saya mahu tanya Yang Berhormat ini soal-soal iklan ini kerana pada saya sudah seperti yang saya pegang ialah melalui media cetak iklan daripada Bank Bumiputra Commerce. Apakah Yang Berhormat setuju iklan dibuat sebegini amat memalukan tetapi diberikan kebenaran juga. Satu lagi iklan dia bank yang sama, rantai, digari pula tangan dengan membawa wang yang banyak. *[Sambil menunjukkan dua keping iklan dari keratan akhbar]* Jadi apakah unsur-unsur iklan daripada bank ini sudah ketandusan idea ataupun bagaimana pandangan Yang Berhormat.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi saya yakin iklan-iklan ini adalah terbitan dalaman atau *domestically produce*. Iklan-iklan mengenai Bank Bumiputera memang memalukan. Contohnya apabila dia hendak menunjukkan satu *investment* yang berkembang dengan besar seorang wanita bawa wang sehingga jatuh, seorang lelaki sehingga seluar terlondeh. Ini adalah memalukan. Itu iklan yang diterbitkan oleh dalaman tetapi sekarang ini saya rasa *equally important* patut dipantau oleh suruhanjaya. Pada saya sekarang yang saya tumpukan adalah iklan yang mempunyai *international connection* yang mempunyai kaitan *transnational*, kaitan dengan syarikat-syarikat multinasional, syarikat-syarikat besar umpamanya yang berpangkalan di Amerika Syarikat paling khusus lagi mempunyai duit Yahudi di belakangnya.

Jadi iklan-iklan seperti ini, kesan sendirilah iklan mana. Iklan-iklan seperti ini amat parah kesannya kepada generasi muda yang longgar imannya. Sudahlah begitu setengah iklan yang kelihatan menggila-gila tanpa batas diberi cita rasa Malaysia hanya menerusi paparan watak-watak anak Melayu dan Islam dengan gaya yang bebas, dengan cara pakaian yang bebas, dengan pergaulan yang bebas tidak ada batas langsung seolah-olah anak Melayu itu berada di satu dunia asing di Barat. Saya harap pihak suruhanjaya kajilah sendiri tentang iklan mana yang saya maksudkan. Kajilah sendiri mesej mana yang saya maksudkan. Saya pasti pihak kementerian dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia mempunyai golongan pakar untuk mengkaji apa yang saya sebutkan ini. Saya yakin satu kajian teliti terhadap hakikat ini akan membuahkan satu keinsafan di kalangan kita semua. Saya harap semoga

iklan-iklan seperti ini ubahsuaikanlah olahan gambar dan mesejnya supaya serasi dengan latar belakang sosiobudaya Malaysia.

Tuan Pengerusi saya bukan fanatik dan saya juga bukannya berjiwa negatif apabila saya menyuarakan hal ini. Namun begitu saya amat cemas dan bimbang akan kesan jangka panjang iklan-iklan gila yang kelihatan liar ini. Kebimbangan saya ini berasas kerana sebagaimana kita semua sedia maklum majoriti industri iklan dan majoriti industri rokok adalah milik usahawan Yahudi.

Sementara saya berterus terang menyatakan dalam Dewan yang mulia ini bahawa saya tidak memusuhi Yahudi dan agamanya, saya tetap khuatir dengan Zionism dan bimbang terhadap segala protokol Zionism yang dikenali dengan izin sebagai *The Protocols of the Meeting of The Elders of Zion.* Contohnya Protokol Keempat Zionis ini menyatakan dengan izin, Tuan Pengerusi, *"We shall destroy God"*, kita harus hapuskan Tuhan. Untuk mencapai cita-cita protokol ini dengan izin, *" it is indispensable for us to undermine all faith, to tear out the 'Goyim' the very principle of God – head and the spirit, and put in its place arithmetical calculations and material needs"* . Protokol ini selari dengan pemaparan iklan-iklan liar yang saya katakan tadi iaitu iklan-iklan yang memaparkan hidup bebas tanpa batas sebagai corak hidup yang paling glamor kononnya di zaman ini. Kesannya adalah kebobrokan masyarakat, keruntuhan nilai akhlak dan mungkin juga pertambahan kes-kes kesongsangan gaya hidup di kalangan muda-mudi kita.

Sementara itu Protokol Keempat belas Zionis mengatakan, dengan izin sekali lagi Tuan Pengerusi, *"to prevent them form really thinking of themselves, we shall deflect their attention to amusements, games, pastimes, excitements and people's palaces. Such interest will distract their minds completely from questions on which we might be obliged to struggle with them. Becoming less and less accustomed to independent thinking, people will express themselves in unison with us because we alone offer new lines of thought – of course through persons whom they do not consider as in any way connected with us".*

Protokol ini juga Tuan Pengerusi menepati cita-cita Zionis supaya majoriti warga jagat ini termasuklah di Malaysia, termasuk anak Melayu, termasuk anak orang Islam supaya menjadi golongan yang hidup sentiasa berfoya-foya, menjadi golongan

yang mudah dijajah dan takluki mindanya serta menjadi golongan yang membesar-besarkan soal material sehingga mereka melupakan Tuhan dan tuntutan-tuntutan keagamaan.

Oleh itu Tuan Pengerusi, sekali lagi saya mencadangkan supaya pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia yang bertanggungjawab untuk mewujudkan kod pengiklanan sama ada untuk penyiaran pengiklanan dan juga *on line services* mengawal iklan-iklan yang saya katakan tadi. Wujudkanlah satu kod pengiklanan yang serasi dan sesuai dengan Malaysia dan negara bangsanya *that is the Malaysian nation itself*.

Pada waktu yang sama saya berharap semoga suruhanjaya ini juga menegur pihak Astro supaya mewujudkan *the best deal* dengan izin, kepada pelanggannya. Janganlah sesuatu *movie* contohnya ditayangkan berpuluh kali sehingga menjadi kita bosan dan jelak. Mula-mula mungkin dalam HBO lepas itu ditolak ke *star movie* kah selepas itu pergi *cinemax* selepas itu pergi *hall mark* selepas itu pergi ke mana-mana *movie* yang sama.

*Malaysian consumers* diberi *the worst deal* saya tengok oleh ASTRO. Ini saya rasa bertentangan dengan soal *consumer fairness* kepada pengguna. Saya minta dikaji perkara ini. Kajilah satu movie itu berapa kali diputarkan oleh pihak ASTRO menerusi *channel* yang berbeza.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, boleh gulung.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Satu lagi Tuan Pengerusi, satu point lagi. Movie bersiri yang abusive, bermakna yang bertentangan dengan sosiobudaya, umpamanya seperti siri *Sex In The City* perlu diharamkan tayangannya kepada pelanggan di Malaysia. Siri *Sex In The City* ini, saya anggap sebagai satu elemen subversif kepada keunggulan sosiobudaya Islam di Malaysia.

Ini kerana siri ini memaparkan hidup bebas tanpa nikah di kalangan sesetengah gadis jelita yang sentiasa hidup bertukar-tukar pasangan seks, tanpa rasa berdosa dan khuatir. Tidak langsung khuatir akan risiko penyakit yang akan menyerang. Siri ini hanya layak untuk kaum yang bobrok akhlak dan orang-orang di

Barat. Untuk Malaysia mengizinkan siri seperti ini, adalah suatu yang saya harus tentang dan harus ditentang oleh semua pihak.

Tuan Pengerusi, dengan itu saya menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Larut.

**11.53 pagi.**

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin turut sama mengambil bahagian dalam perbahasan B.49, Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia yang telah diberi anggaran sebanyak RM92 juta lebih berbanding dengan RM91 juta pada tahun ini di bawah Butiran 010200, 04000, 07000, 20000.

Tuan Pengerusi, saya ingin memulakan perbahasan dengan menyatakan kebanggaan yang amat sangat terhadap kemunculan syarikat-syarikat tempatan berteraskan Internet. Ini menyumbangkan kesan positif kepada perkembangan ekonomi negara. Selain itu, dengan bercambahnya syarikat-syarikat *dot.com*, telah membuka peluang-peluang pekerjaan di negara ini, di samping menjana perniagaan perkakasan dan sistem teknologi maklumat. Perkembangan ini turut membantu meningkatkan jumlah pelanggan Internet yang sedia ada di negara ini.

Adalah dijangkakan jumlah pelanggan Internet di negara ini meningkat kepada 1.5 juta tahun ini berbanding tahun lepas seramai 778,100, hasil bertambahnya syarikat-syarikat yang menyediakan perkhidmatan Internet. Walau bagaimanapun, saya ingin menyatakan kerisauan dan kebimbangan saya kerana syarikat-syarikat seperti ini nampaknya kurang sekali penyertaan bumiputera. Mereka tidak menyertainya mungkin kerana kurang pengetahuan, pengalaman, modal atau kerana sebab-sebab lain. Kerana itu, saya ingin mengajak semua supaya merenung kembali fungsi sebenar kementerian ini.

Dalam konteks IT dan rakyat, saya tidak akan puas hati sekiranya penyertaan bumiputera dan orang Melayu amat kecil dalam industri ini. Kerana itu, saya menyebut soal fungsi. Apa yang saya nampak, kementerian ini seperti badan korporat yang menekankan keuntungan dan perniagaan serta menyokong dasar-dasar perniagaan tetapi kurang dalam memberi pendidikan, kesedaran dan latihan-latihan untuk belia-belia dan wanita bergerak dalam industri ini.

Tuan Pengerusi, soal asas yang perlu dilakukan oleh kementerian ialah bukan semata-mata menekankan kepada aspek komersial. Soal pokok yang perlu ditekankan oleh kementerian ialah bertanggungjawab bagi menyedar, melatih serta membuka peluang seluas-luasnya kepada bumiputera untuk menyertai perniagaan ICT ini. Program membantu orang Melayu dan bumiputera dalam industri ini amatlah penting kerana sumbangan mereka juga penting bagi menjadikan koridor raya multimedia adalah satu realiti. Ini kerana MSC telah dibangunkan oleh kerajaan bagi menyediakan persekitaran sempurna untuk pembangunan industri IT di negara ini.

Berkaitan dengan ini, selain langkah-langkah kita melalui kementerian, saya juga ingin mencadangkan supaya kerajaan mengenakan syarat kepada syarikat *dot.com* asing yang melabur di negara ini supaya turut memberikan latihan dan bimbingan kepada rakyat tempatan. Ini hendaklah diadakan satu syarat dalam apa juga perjanjian. Kita pernah mengenakan syarat yang sama kepada firma asing yang melabur di negara ini.

Tuan Pengerusi, soal kedua yang ingin saya sentuh ialah mengenai cukai perdagangan elektronik atau e-dagang. Saya mencadangkan kepada kerajaan supaya menjalankan kajian yang terperinci kerana percukaian e-dagang melibatkan banyak negara. Selain itu, bukan semua negara gemar menjadi perintis meluluskan percukaian e-dagang. Tahun lalu, e-dagang dunia mencatatkan transaksi yang amat besar jumlahnya, sehinggakan RM570 bilion dan daripada jumlah itu kira-kira 80% dilakukan antara perniagaan dan perniagaan.

Apa yang berlaku ketika ini ialah banyak negara masih mengamalkan sikap tunggu dan lihat sebelum memperkenalkan undang-undang percukaian e-dagang. Apa yang perlu dilakukan ialah melakukan analisis dan memahami model transaksi yang dilakukan bagi menganggar cukai yang akan dikenakan.

Tuan Pengerusi, saya menyokong tindakan kerajaan ….

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, minta penjelasan.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar**: : …yang turut mengamalkan sikap tunggu dan lihat sebelum mengenakan cukai e-dagang. Namun, ada yang tidak baik. Ini kerana jika cukai dikenakan terhadap pengendali e-dagang, dia mampu…..

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, minta penjelasan.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar**: ….menjana pendapatan lumayan kepada kerajaan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Sedikit lagi, saya sudah hendak habiskan ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ha, dia hendak habiskan.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Nanti tersangkut pula, payah. Bulan puasa ini bukan boleh terlebih cakap.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya setuju.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Minta maaflah. Bulan puasa ini kita kena ikut cara dan lunas-lunas Islam serta mendisiplinkan diri. Tuan Pengerusi, boleh saya teruskan?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau habis lagi baik. Sudah habis?

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ada gangguan. Dalam kedudukan syarikat-syarikat e-dagang yang semakin berkembang dan syarikat sedia ada sedang memperbesarkan saiz laman web mereka. Cukai yang dikenakan akan mampu menjana pendapatan yang lumayan kepada negara kita. Masalahnya satu sahaja, mungkin dengan pelaksanaan itu akan menyaksikan penghijrahan pengendali perkhidmatan itu ke negara lain. Untuk sementara ini, rasanya adalah baik Malaysia terus tidak memperuntukkan undang-undang yang memberi sebarang kuasa mengenakan cukai terhadap transaksi e-dagang.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup, habis?

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ada lagi tetapi dia minta jalan, macam mana?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Itu terpulang kepada Yang Berhormat. Tetapi lebih elok kalau jimatkan masa sebab ada ramai saya tengok yang hendak bercakap.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ya, saya ada sedikit lagi. Biar saya sambung sedikit lagi. Nanti boleh masuk.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Hendak bagi, bagi, tidak bagi, sudahlah.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Bukan saya tidak bagi. Tuan Pengerusi telah menetapkan masa. Boleh bagi Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Terpulang kepada Yang Berhormat.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, ini bukan soal masa. Ini soal masa depan negara. Saya hendak tanya e-dagang ini, kalau hendak penetapan cukai, kita mesti mengadakan satu inisiatif antarabangsa. Satu negara tidak boleh menentukan soal struktur pencukaian e-dagang. Jadi, saya hendak tanya sahabat saya dari Larut, adakah saudara mahu mencadangkan supaya Malaysia mengambil inisiatif untuk menghimpunkan sokongan-sokongan antarabangsa supaya mewujudkan satu inisiatif antarabangsa bagaimana cara menstrukturkan bentuk-bentuk percukaian dan kawal seliaan dan lain-lain perkara yang berkaitan dengan e-dagang tadi. Terima kasih.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih. Memang itulah yang kita harapkan. Jadi, boleh saya sambung sedikit lagi, Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Masa sudah cukuplah Yang Berhormat.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Saya juga ingin menyentuh soal media elektronik asing yang terus bermusuh dengan Malaysia. Sudah berkali-kali perkara ini ditimbulkan tetapi apakah langkah yang dibuat oleh pihak berkuasa untuk mendekatkan dan menjadikan mereka sebagai kawan kita? Saya tahu menyekat adalah sukar tetapi jika sesuatu berita itu terlalu bohong, menfitnah dan boleh menjejaskan imej negara, apakah caranya menyekat berita itu, tidak kiralah sama ada ianya didapati daripada ASTRO atau secara terus.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa cukup.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yang terakhir Tuan Pengerusi, ini hasrat orang kampung, saya kena minta juga berkaitan dengan telefon awam. Saya mencadangkan agar kemudahan ini diperluaskan segera ke luar bandar kerana kemudahan ini adalah serampang dua mata iaitu kemudahan telefon awam

bagi tujuan perhubungan biasa dan juga membuka ruang kepada penduduk desa yang mampu membeli komputer bagi kegunaan Internet.

Akhir sekali, saya juga ingin menyentuh berhubung dengan penggunaan telefon bimbit yang semakin hari semakin banyak di merata-rata tempat. Jadi, apa salahnya *access fee*, dengan izin, dikurangkan pada keseluruhannya. Jadi, saya mintalah kepada kementerian supaya memikirkan perkara ini. Duduklah baik-baik dengan pihak-pihak syarikat berkenaan, runding baik-baik dan minta supaya kadar tersebut dapat dikurangkan atau diturunkan.

Sekian, saya menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Bandau.

**12.02 tgh.**

**Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin teruskan di bawah Kepala 03200 – Lembaga Letrik Sabah, yang seperti mana Dewan yang mulia ini sedia maklum, telah pun diswastakan kira-kira tiga tahun yang lalu dan diberi nama yang baru sebagai Sabah Electricity Sdn. Berhad (SESB) dan di bawah peruntukan pada kali ini, sekali lagi diberi di bawah Kepala Butiran 03202 sejumlah RM28.5 juta untuk tujuan penghantaran dan pembahagian.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh di sini, sememangnya selepas Lembaga Letrik Sabah ini diswastakan dan di mana TNB adalah pemegang saham terbesar, disusuli dengan kerajaan negeri dan juga syarikat-syarikat tertentu, harapan para pengguna kita di peringkat negeri Sabah ialah supaya prestasi pembekalan elektrik akan meningkat dan juga supaya *breakdown* ataupun masalah putus kuasa ini dikurangkan. Tetapi setakat ini, masalah ini belum kelihatan diselesaikan, khususnya di peringkat-peringkat daerah kecil seperti di Kota Marudu, Kudat, Bukit Garam, Sapatinam dan tempat-tempat yang seterusnya, Tuan Pengerusi.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Saya ingin meminta pihak kementerian membekal maklumat-maklumat tertentu. Bagi tahun 1999, berapa jumlahkah *breakdown,* dengan izin, di seluruh negeri Sabah yang telah pun wujud? Bagi tahun ini, berapa pula jumlah *breakdown*? Bagi tahun hadapan, saya ingin meminta maklumat berapa peratusan yang dianggarkan oleh pihak SESB untuk *breakdown* ini, dengan izin, dan dikurangkan

berapa peratusan supaya ada peningkatan. Kalau sekadar dibiarkan sahaja tahun demi tahun, tidak ada matlamat terfokus, tidak ada sasaran, maka masalah ini akan berterusan, Tuan Pengerusi.

Bahkan, di bandar Kota Kinabalu iaitu satu bandar yang baru bagi alaf baru ini, soal *breakdown* ini masih berterusan. Jadi, hasil daripada penswastaan, hasil daripada pengubahan saham di dalam SESB, nampak kelihatan tidak banyak perubahan dari segi prestasi perkhidmatan dan saya ingin meminta supaya peratusan-peratusan ada sasaran. Saya ulangi bagi tahun-tahun 1999, berapa breakdown yang dihadapi? Bagi tahun 2000, berapa *breakdown*? Dan bagi tahun hadapan, berapa peratus *breakdown* yang diharapkan boleh dikurangkan?

Tuan Pengerusi, saya difahamkan bahawa alat-alat penjana dan sebagainya belum banyak berubah, jadi dalam perkara ini, mintalah supaya ada sasaran tertentu supaya rakyat negeri Sabah dapat dilayani dengan lebih baik susulan daripada penswastaan badan tersebut dan dengan adanya daripada Kerajaan Persekutuan sebanyak RM28.5 juta.

Tuan Pengerusi, seterusnya di bawah kepala, sebenarnya di bawah tajuk Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia ini, saya pun cari kepalanya tetapi tidak ada tetapi saya ingin masuk di bawah Kepala Perancangan dan Dasar iaitu di bawah Kepala 010200 kerana memang pun ada kaitan di dalam perkara ini.

Tuan Pengerusi, di bawah Kepala ini, saya mahu menyentuh terutamanya soal telefon bimbit ini, yang mana access fee RM60 masih berterusan walaupun banyak rayuan pihak pengguna untuk mengurangkan. Walaupun ada diskaun-diskaun diberi kepada pelanggan baru misalnya RM20, RM40 untuk 6 bulan dan seterusnya tetapi ini tidak berterusan dan hanya sekadar untuk jangka pendek. Dan pada masa yang sama, Tuan Pengerusi, masalah *network busy*. Saya minta pihak kementerian menyiasat perkara ini kerana mereka terus mengeluarkan telefon-telefon tetapi perkhidmatannya bertambah teruk, *network busy*, dengan izin, *network busy*, jadi, nampaknya kalau tidak dikawal berterusan penjualan begitu luas dan banyak telefon bimbit tetapi masuk untuk menggunakan talian tersebut amat sukar sekali. Saya minta supaya pihak kementerian menyiasat perkara ini kepada 6 atau 9 *service provider* itu supaya masalah ini dapat diselesaikan.

Satu soal, saya katakan tadi, *network busy* ataupun kesibukan *network* dan kedua access fee dan ketiga, kebanyakan badan-badan *provider* ini, syarikat *network provider*, Tuan Pengerusi, membekal *wap service*. Adakah pihak kementerian menyiasat perkara ini kerana kalau kita masuk dalam *network* ini, sepuluh kali kita picit telefon, barangkali satu kali sahaja boleh dapat masuk *wap*, tetapi kita bayar. Jadi, mahu siasat perkara ini, adakah ini sekadar satu marketing, pemasaran yang sebenarnya tidak betul, hanya menarik pelanggan tetapi perkhidmatan tidak wujud sebenarnya.

Tuan Pengerusi, di bawah Kepala yang sama, saya katakan tadi Perancangan dan Dasar ialah soal di bawah tanggungjawab pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia mengenai tanggungjawab di bawah peranan Spektrum dan Teknologi. Dan di bawah ini, saya ingin membawa ke Dewan yang mulia ini, berkenaan AM radio. Saya sendiri adalah ahli AM radio, *call sign* saya 906-5-Alfa, jadi siapa yang ahli bolehlah ber*'QSO'* dengan saya.

Saya ingin bawa beberapa perkara, satu antaranya, Tuan Pengerusi, adalah soal apabila Jabatan Telekom peringkat negeri Sabah dan Sarawak dimansuhkan dan seterusnya semua kuasa-kuasa pelesenan diberi kepada Suruhanjaya. Dan, setakat ini di peringkat negeri Sabah dan Sarawak, pejabat di sana sekadar ada, kalau negeri Sabah ada tiga orang sahaja lagi, yang lain telah pun ditempatkan di dalam perkhidmatan awam yang lain.

Tetapi masalahnya, Tuan Pengerusi, ialah perkhidmatan yang digunakan oleh AM radio ini begitu tidak lagi seolah-olah diberi perhatian. Walhal ini satu *hobby*, dengan izin, yang digunakan di seluruh dunia. Dan, pada masa ini misalnya, dia punya bayaran pelesenan daripada RM10 dinaikkan RM60 dan begitu besar sekali dan seolah-olah dianggap sebagai satu perkhidmatan komersial. Saya ingin meminta pihak kementerian supaya menimbang balik yuran ini khususnya bagi pelajar-pelajar sekolah bagaimanakah mereka akan membayar yuran yang begitu tinggi. Nanti banyak pula yang mahu menggunakan secara haram kerana pada masa ini pun kita sedia maklum – saya ahli persatuan di peringkat negeri Sabah iaitu *Sabah Association Society* (SAS), dan kami sedia maklum wujud orang mengguna tanpa lesen. Jadi, dengan peningkatan pula tambah lagi kalau sudah dikawal tambah lagi

penggunaan secara haram. Dan, pula untuk mendidik komunikasi di kalangan pelajar-pelajar dengan bayaran yang tinggi, tidak wajiblah dari RM10 dinaikkan kepada RM60.

Pada masa ini juga, soalnya di mana tempat membaharui lesen di mana bila kita boleh menduduki peperiksaan kelas A, kelas B, semua ini masih lagi terapung-apung dan ahli-ahli seluruh negara Sabah dan Sarawak amnya belum mengetahui secara jelas apakah sebenarnya ketetapan-ketetapan yang dibuat oleh Suruhanjaya, sudah satu tahun dalam keadaan begini.

Tuan Pengerusi, sebenarnya ini sebagai satu hobi *Amateur radio*, ia berperingkat dunia, ia mempunyai potensi yang besar untuk *networking*, untuk mendidik konsep komunikasi kepada masyarakat kita dan ia juga mempunyai satu potensi yang besar dari segi perkembangan pelancongan. Perkembangan pelancongan banyak, pemilik lesen-lesen peringkat antarabangsa datang ke Malaysia untuk QSO atau berbicara melalui radio, menganjurkan pertandingan-pertandingan dan ia mempunyai potensi yang besar. Misalnya pada tahun hadapan, *'seanet' convention* akan diadakan di negeri Sabah. Kami berharap bahawa pihak kementerian akan memberi sokongan yang besar dan melihat ini sebagai satu potensi yang begitu besar sekali dari segi perkembangan *tourism* ataupun pelancongan di negara kita.

Tuan Pengerusi, pada masa yang sama, kita berharap.......

**Tuan Pengerusi:** Masa Yang Berhormat. Yang Berhormat, minta gulung, Yang Berhormat.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Ya, terima kasih. Saya tutup, Tuan Pengerusi. Bahawa biasanya *Amateur radio* ini dan badan-badan persatuan yang berdaftar telah pun memainkan peranan dari segi memberi sokongan perkhidmatan pada masa kecemasan kepada masalah-masalah di peringkat negeri. Dan, kita berpendapat bahawa sekolah-sekolah yang terpencil sebenarnya boleh dididik di dalam perkara ini dan dibekal radio secara berlesen ataupun melalui kelab supaya dalam soal-soal kecemasan boleh berhubung di peringkat negeri. Jadi, banyak pengajaran, Tuan Pengerusi. Dengan kata-kata sedemikian. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Sungai Benut.

**12.10 tgh.**

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman [Sungai Benut]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi kerana memberi peluang untuk saya sama-sama membahaskan perkara P.49 – Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mengenai dengan Gerbang Web Desa, yang mana mengikut perancangan di bawah Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia yang bertujuan untuk merapatkan jurang digital. Saya difahamkan bahawa Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia sedang mewujudkan satu gerbang ataupun portal web khusus untuk keperluan masyarakat desa iaitu untuk memberi maklumat kepada penduduk desa di negara ini. Gerbang web yang dinamakan Portal Internet Desa ini bertujuan untuk meningkatkan kesediaan dan kesamarataan dan penyertaan tempatan selain merapatkan jurang digital di kalangan masyarakat bandar dan luar bandar. Ia akan memuatkan segala maklumat yang diperlukan oleh penduduk desa di negara ini meliputi maklumat kesihatan, pendidikan, kemudahan awam dan lain-lain.

Selain itu juga, ia juga akan merangkaikan kesemua Pusat Internet Desa yang telah diwujudkan di seluruh negara. Ia juga menjadi pangkalan bagi menyenaraikan mana-mana web kampung dan desa yang akan diwujudkan oleh pihak yang lain. Oleh kerana perkara ini masih di peringkat pembinaan dan dijangka gerbang web tersebut melengkapkan segala maklumat yang diperlukan awal tahun depan maka saya ingin mencadangkan beberapa perkara:

(i) maklumat yang hendak disebarkan perlulah maklumat yang tepat. Ia bukan kempen tetapi penerangan yang bermaklumat;

(ii) maklumat biarlah yang boleh menjana ekonomi desa dan tidak terlalu menyusahkan rakyat desa dan agar ia mudah difahami yang mana pemahaman ini, buku khususnya untuk penerangan dan untuk maklumat-maklumat yang berkenaan;

(iii) kerjasama antara pemaju laman web pendidikan hendaklah diwujudkan agar pelajar di luar bandar mendapat manfaat daripadanya; dan

(iv) pelabuhan maklumat ini hendaklah turut melibatkan *tutorial electronic* yang boleh diperolehi secara percuma oleh pelajar-

pelajar di desa-desa. Jadi, kementerian juga perlu menekankan aspek keagamaan di dalam Projek Portal Desa Malaysia ini;

(v) mekanisme yang perlu difikirkan ialah bagaimana produk desa akan diajar, iaitu bagaimana penduduk-penduduk desa ini dapat diajar menggunakan komputer dan tahu menggunakan Internet. Jadi, pusat-pusat latihan dan Internet perlu diwujudkan.

Jadi, saya memikirkan kerjasama dengan pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang juga mempunyai tujuan yang sama iaitu untuk mewujudkan pusat-pusat Internet Desa ini agar dapat bergabung dengan kementerian yang sama yang juga mempunyai matlamat dan tujuan yang sama. Ini kerana Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar mempunyai pusat-pusat Internet yang akan diwujudkan di desa-desa. Cuma yang penting kita mengharapkan supaya pusat-pusat Internet Desa ini perlu diperbanyakkan dan sepertimana program Kementerian Pembangunan Luar Bandar hendak diwujudkan bagi setiap kawasan Parlimen. Cuma yang saya hendak tekankan di sini ialah supaya pemilihan tempat Internet Desa ini, tempat-tempat yang hendak dibina ini biarlah di tempat-tempat yang sesuai, tempat yang mudah dikunjungi oleh pengguna-pengguna khususnya oleh masyarakat luar bandar. Selain itu juga, kementerian perlu memikirkan apakah akses ataupun usaha mendapatkan kemudahan untuk melayari Internet supaya ianya dapat diwujudkan secara segera.

Lagi satu perkara yang saya ingin hendak bincangkan dalam kementerian ini di bawah Kepala B.49, iaitu saya ingin menyentuh sedikit soal *e-village* yang bertujuan untuk membantu karyawan. Saya mencadangkan supaya karyawan dan juga kreativiti ini digabungkan dalam satu acuan *e-village* yang menekankan mutu dan pencapaian kreativiti dan kesenian yang tinggi. Modul latihan yang bersesuaian dan berkualiti perlu diperkenalkan. Ianya perlulah setanding dengan taraf antarabangsa.

Saya berharap kewujudan *e-village* akan menjana hasil kreativiti rakyat kita khususnya daripada golongan orang-orang muda. Kita perlu wujudkan banyak tokoh seni, mungkin yang lebih baik daripada Allahyarham P. Ramlee *[Ketawa]* dan juga

ahli-ahli seni yang lain seperti Hamzah Dolmat, Normadiah dan sebagainya. Jadi, usaha yang dilakukan di projek *e-village* ini, saya harap satu masa nanti akan lahir ahli-ahli seni di kalangan rakyat Malaysia yang boleh diperkenalkan di peringkat antarabangsa.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Beri laluan, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Dia minta penerangan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Penjelasan.

**Tuan Pengerusi:** Penjelasan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya tertarik hati dengan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Sungai Benut. Artis kita sekarang ini, baik penyanyi atau bintang filem, pelakon drama, agak-agak yang boleh ganti seniman agung Allahyarham Tan Sri P. Ramlee ini siapa agak-agak? *[Ketawa]*

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman:** Terima kasih, sahabat saya bagi Sri Gading. *[Ketawa]* Yang ada mirip-mirip yang boleh ikut tu, macam Sri Gadinglah lebih kurang. *[Ketawa]* Tetapi buat masa sekarang, kita mengharapkan dengan adanya perkampungan *e-village* ini akan memberi minat di kalangan anak-anak muda kita yang mana hari ini masih di dalam keadaan terikut-ikut. Walaupun mereka ada seni dan juga ada talent masing-masing tetapi kalau sekiranya tidak digarap, tidak digilap dengan sebaik mungkin, tidak dilatih pada peringkat awal, rasa saya perkara ini tidak akan dapat menjadi kenyataan kecualilah masa zaman Allahyarham P. Ramlee dahulu walaupun kita tidak ada kemudahan tetapi mungkin dalam setiap seratus ataupun lima puluh tahun akan lahir seorang ahli seni yang berbakat yang sedemikian. Tetapi saya mengharapkan dengan wujudnya, dengan adanya sokongan prasarana yang lengkap ini akan tentu dapat memberi, dapat mendorong anak-anak muda yang berbakat ini dan mereka akan berjaya mencapai ke tahap antarabangsa satu hari nanti.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga mencadangkan supaya projek-projek karyawan selalunya tidak mendapat sokongan institusi kewangan. Kerana pihak institusi kewangan menganggap bidang yang mereka ceburi ini terlalu berisiko tinggi, industri perfileman dianggap tidak komersial terutamanya anggapan daripada pihak di dalam negara kita sendiri. Oleh kerana institusi kewangan melihat industri filem

tempatan tidak menguntungkan, justeru menjadi halangan utama bagi membangunkan industri kreativiti tempatan berikutan itu pengwujudan e-village ini selain menyediakan kemudahan teknikal dan lokasi, juga perlu difikirkan ialah bantuan yang boleh diberikan oleh pihak MSC kepada penggiat-penggiat filem tempatan berhubung dengan kewangan.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, minta gulung ya.

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman:** Ya, Tuan Pengerusi. Jadi, saya ingin mencadangkan supaya satu tabung khas perlu diwujudkan. Selain itu kerajaan juga perlu memperkenalkan skim penghapusan cukai ataupun rebate kepada pembayaran terhadap pembangunan dan penyelidikan yang dijalankan. Jadi, beberapa model yang berjaya bolehlah ditiru pakai sepertimana yang terdapat di beberapa buah negara seperti Australia, Jepun, New Zealand, Kanada dan sebagainya.

Jadi, dengan kata-kata itu, Tuan Pengerusi, saya menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Tumpat.

**12.22 tgh.**

**Datuk Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Tuan Pengerusi, terima kasih, saya ingin bercakap ringkas tentang Maksud Bekalan B.49 – Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia.

Pertamanya, saya merujuk kepada 020000 – Kawal Selia Elektrik dan Gas. Kita bersyukur kerana Yang Berhormat Rompin baru-baru ini telah dilantik sebagai Pengerusi Tenaga Nasional Berhad. Dengan kehadiran beliau sebagai Pengerusi, maka kita anggap dan kita harap bahawa bekalan elektrik kepada desa dan juga perjalanan TNB secara umumnya akan berjalan dengan lebih baik memandangkan kerajaan masih memegang saham yang agak besar dalam syarikat tersebut.

Yang pentingnya dan khusus untuk Dewan ini, saya ingin menegur dan menanya dan meminta supaya kita kaji semula kedudukan Yang Berhormat sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara atau, dengan izin, PAC.

Saya bercakap demikian memandangkan bahawa ada kemungkinan yang amat besar, Tuan Pengerusi, bahawa mungkin berlaku percanggahan kepentingan atau, dengan izin, conflict of interest, kerana jawatan beliau sebagai Pengerusi PAC ini

adalah amat penting untuk meninjau, mengkaji dan memberi teguran dan meneliti segala urusan kewangan kerajaan dan juga syarikat-syarikat yang dipunyai oleh kerajaan dalam negara kita ini.

Jadi, dengan beliau di satu pihak memegang jawatan yang penting sebagai Pengerusi TNB, di pihak yang sama juga menjadi Pengerusi PAC akan mungkin dan kemungkinan besar mewujudkan banyak kes-kes percanggahan kepentingan yang mana cara yang paling baik untuk dielakkan ialah sama ada beliau melepaskan jawatan itu kepada sahabat-sahabat saya yang ramai, yang layak untuk mengambil alih ataupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai Ketua Majlis Dewan ini mengambil keputusan untuk mencalonkan nama yang lain untuk mengambil jawatan itu.

Jadi, ini saya tidak ingin memberi apa-apa cadangan kerana itu adalah mengikut amalan kita keputusan yang dibuat oleh pihak-pihak yang lain. Tetapi pada …

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Setujukan Yang Berhormat bahawa Pengerusi Jawatankuasa PAC itu haruslah dipegang oleh Ahli Yang Berhormat dari pembangkang kerana seperti amalan yang dilaksanakan di negara-negara Komanwel yang lain.

**Datuk Kamarudin bin Jaffar:** Saya memang pernah mencadangkan perkara itu mengikut amalan demokrasi-demokrasi yang lain, tetapi dalam kita memohon akan perubahan yang sebesar itu, saya fikir kalaulah kita membuat perubahan yang sekecil, yang saya pohon awal tadi, itu saya rasa adalah suatu perubahan yang menuju ke arah kebaikan untuk memastikan perjalanan dan pengurusan pentadbiran kewangan negara kita ini akan sentiasa diawasi dengan sebaik-baiknya oleh Dewan yang mulia ini, melalui jawatankuasa yang terpenting untuk Dewan ini.

Keduanya, saya ingin beralih kepada Butiran 07000 dan secara khusus merujuk kepada sistem dan syarikat-syarikat televisyen yang dipunyai oleh syarikat-syarikat dalam negara ini. Mengikut laporan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, ada lima buah syarikat operator televisyen iaitu pertamanya,

Measat Broadcast Network Sdn. Berhad yang menjalankan perkhidmatan yang bernama Astro, Cable View Sdn. Berhad – Mega TV, Sistem Televisyen Malaysia Berhad – TV3, Metropolitan TV Sdn. Berhad – Metro Vision, Net Seven Television Sdn. Berhad – ntv7.

Daripada lima syarikat dan lima perkhidmatan ini, saya kira dan saya rasa kalau saya tidak silap dua daripadanya boleh dianggap sebagai sudah pun memberhentikan perkhidmatan mereka iaitu Mega TV dan Metro Vision.

Dalam hal ini, saya ingin memohon daripada pihak kementerian untuk menjelaskan apakah yang akan dilakukan terhadap dua syarikat ini yang telah memberhentikan perkhidmatan mereka. Apakah cadangan-cadangan daripada pihak kementerian untuk mengubah lesen-lesen yang diberikan kepada kedua-dua syarikat yang telah memberhentikan khidmat yang mereka lakukan.

Yang ketiganya, yang paling penting saya fikir dengan berhentinya khidmat Mega TV dan Metro Vision ini seolah-olah bererti bahawa hanya ada satu syarikat komersial besar yang mempunyai pengaruh terhadap rakyat dalam negara kita ini.

Selain daripada TV3 dan ntv7, syarikat berkenaan ialah syarikat yang menjalankan khidmat televisyen melalui satelit iaitu Syarikat Astro. Ini dengan khidmat Astro yang mempunyai puluhan salurannya, ianya akan memberikan kesan dan pengaruh yang amat besar kepada negara kita ini dan sekarang ini pula Syarikat Astro telah memberikan pakej-pakej perkhidmatan mereka yang boleh dipilih oleh pelanggan-pelanggan. Maknanya pelanggan-pelanggan yang berminat untuk hanya menonton misalnya tayangan-tayangan gambar dalam bahasa Mandarin atau Cina, maka mereka boleh memilih pakej itu dan itu sahaja yang mereka akan ikuti dan itulah dunia yang mereka lihat sepanjang hari, boleh dikatakan 24 jam, tujuh hari dalam seminggu.

Ini bermakna bahawa monopoli terhadap dalam dunia penerangan akan menjurus kepada ianya dikuasai oleh satu syarikat walaupun ianya syarikat tempatan tetapi ianya menyalurkan saluran program TV yang datang daripada luar negara sama ada daripada STAR TV daripada Hong Kong ataupun daripada NHK ataupun daripada CNN ataupun daripada National Geographical ataupun daripada Discovery

ataupun HMO ataupun Cinematic atau sebagainya, ataupun Channel Music V dan NTV dan sebagainya.

Saya fikir kesan-kesan negatif daripada satu bentuk monopoli saluran televisyen ini akan mempunyai kesan yang amat buruk yang selain daripada sahabat saya Parit Sulong menyatakan berkaitan dengan kesan dari sudut iklan, dari sudut rancangan-rancangan itu sendiri akan ada kesan.

Jadi, saya memohon kepada pihak kementerian untuk mengawasi sebenar-benarnya Syarikat Astro ini dan juga syarikat-syarikat yang lain supaya mereka memberikan saluran berita, maklumat, hiburan, muzik yang sesuai dengan cita rasa masyarakat Malaysia dan tidak mengehadkan kepentingan masyarakat ini kepada syarikat-syarikat antarabangsa tertentu. Misalnya, kalau dari sudut berita, saya tidak dapat lihat mengapa kita dalam bahasa Inggeris misalnya hanya dihadkan kepada CNN dan CNDC dan Blumberg dan tidak misalnya ABC Australia ataupun BBC United Kingdom kerana kalau kita anggap bahawa sebagaimana sahabat saya Larut menyatakan ada sumber berita yang silap atau salah, ataupun tidak pro negara kita, maka boleh dikatakan semua akan mempunyai sikap yang sama.

Jadi, lebih baik kita membuka peluang untuk rakyat ini menilai syarikat mana daripada luar yang lebih anti kita ataupun yang pro kita dan ini akan menjadikan masyarakat kita lebih kritikal dan lebih dapat memahami selok-belok sistem penerangan yang dijalankan oleh syarikat-syarikat antarabangsa dalam bidang maklumat penerangan dan juga dalam bidang hiburan.

Jadi, saya ingin menyeru dan merayu kepada pihak kementerian memandangkan suasana sekarang ini yang mana monopoli televisyen ini hampir-hampir jatuh ke tangan Syarikat Astro ini, maka kita mesti awasi Syarikat Astro ini dengan lebih lagi supaya masyarakat kita tidak dipengaruhi oleh kepentingan-kepentingan tertentu sebagaimana Parit Sulong sebutkan tadi mungkin Yahudi, mungkin lain-lainnya, tetapi yang pentingnya kita ingin melalui sistem penyiaran kita mewujudkan masyarakat Malaysia yang faham tentang ciri-ciri keagamaan, moral, budaya kita dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana pengaruh asing daripada mana-mana luar negara kita. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Saya ingat sudah cukuplah Yang Berhormat, sudah ramai yang sudah berucap, saya minta kementerian menjawab.

**12.30 tgh.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Tuan Chia Kwang Chye]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada sepuluh orang Ahli Parlimen yang membahas di bawah peruntukan Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia di peringkat Jawatankuasa.

Walaupun peruntukan di bawah Belanjawan 2001 ini adalah yang amat kecil sekali, tetapi nampaknya ada ramai yang berminat tentang hal-hal kementerian ini dan berkenaan dengan ICT.

Sebagai permulaan bagi tahun 2001 kementerian telah diluluskan peruntukan mengurus berjumlah RM61,504,400 dan jumlah ini adalah lebih rendah jika berbanding dengan tahun 2000 di mana kementerian dilulus peruntukan berjumlah RM104 juta dan jika berbanding dengan tahun 1999 berjumlah RM93 juta.

Tuan Pengerusi, setengah jam ini saya akan cuba memberi penjelasan tentang atas perkara-perkara yang dibangkitkan dan jika tidak sempat kementerian saya akan mengambil perhatian tentang perkara itu.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan masalah pengilatan dan Astro yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Parit Sulong, Sri Gading dan Tumpat. Saya ingin menjelaskan bahawa rancangan-rancangan yang disiarkan melalui Astro adalah tertakluk kepada garis panduan dan arahan yang dikeluarkan oleh kerajaan. Garis panduan di atas termasuk garis panduan penapisan yang disediakan oleh Unit Penapisan Kementerian Dalam Negeri.

Kawalan rancangan Astro dibuat di dalam dua peringkat iaitu di peringkat Astro dan di peringkat kementerian dan juga di peringkat Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia.

Dan semua rancangan yang disiarkan oleh Astro dikawal oleh Unit Kawalan Astro secara 24 jam untuk memastikan supaya rancangan-rancangan yang disiarkan

mematuhi garis panduan penapisan yang disediakan oleh Unit Penapisan Kementerian Dalam Negeri, garis-garis panduan dan arahan-arahan yang dikeluarkan oleh kerajaan.

Berkenaan dengan …..

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Tuan Pengerusi….

**Tuan Pengerusi:** Ada yang bangun Yang Berhormat.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Masa tidak cukup, kalau ada masa lagi, saya akan beri jalan. Minta maaf ya.

Tuan Pengerusi, kementerian saya bersama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia serta Kementerian Penerangan Malaysia memang sedang mengambil tindakan untuk memperkemaskan dan memperlengkapkan kod-kod etika mengenai iklan. Buat masa ini, kod iklan masih digunakan kod iklan yang sedia ada sementara kod baru akan dikeluarkan. Tindakan telah diambil terhadap pihak stesen TV yang terlibat berkenaan dengan iklan yang berkenaan itu.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia telah mengeluarkan arahan kepada TV3 dan ntv7 supaya memberhentikan siaran iklan ini.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tuan Pengerusi, mohon pertanyaan.

**Tuan Pengerusi:** Ya, hendak beri jalan atau tidak Yang Berhormat?

**Seorang Ahli:** Berilah jalan.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Nanti ya.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Chia Kwang Chye:** Nanti sekejap, nanti sekejap, sebab dia membangkitkan tentang masalah ini, saya akan beri jalan.

Tetapi bagi RTM1 dan RTM2 arahan hanya boleh dikeluarkan oleh pihak Kementerian Penerangan Malaysia.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya kecewalah Yang Berhormat dengan jawapan ini. Kalau hendak mengubah iklan, nikah cabut lari itu, hendak tunggu kod etika itu dipinda, Allah! Saya ingat kementerian ambil tindakan sudahlah. Kalau sebenarnya hendak buat macam kita hendak *off*kan lampu .....tup, habis cerita. Kalau hendak pinda etika semua sekali ya Allah, tahun 2008lah baru selesai ini. *[Ketawa]* Saya mintalah pihak kementerian, tolonglah soal menjejaskan

maruah, agama, bangsa kena ambil tindakan serta-merta, ini saya minta. Jawapan itu mintalah biar jawapan yang tegas supaya tindakan tegas akan disusul daripada jawapan yang tegas. Kalau jawapan masih meleleh lagi - perkataan "meleleh" tidak salah ya, tindakan pun akan lewat. Terima kasih.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Pengerusi, semasa berdiri mungkin Yang Berhormat tidak dengar apa yang saya kata tadi. Apa yang saya katakan itu, tindakan telah diambil terhadap pihak stesen yang berkenaan. TV3 dan ntv7 pun telah diberi arahan supaya memberhentikan iklan itu. Saya telah memberi jawapan serupa itu. *[Tepuk]*

Tuan Pengerusi, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia telah mewujudkan satu Kod Kandungan di dalam satu forum kandungan iaitu, *Content Code* di mana hasrat negara akan diadakan dalam Kod Kandungan ini. Kod Kandungan ini adalah diambil bahagian oleh semua *stakeholders* atau *industry players* yang akan mewujudkan satu Kod Kandungan di mana semua mereka akan bersetuju dengan kod etika ini.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Lumut ada membangkitkan tentang *network* seperti 012 – (Maxis) dan 019 (Celcom) yang sentiasa sibuk dan perkhidmatan yang kurang memuaskan. Buat masa ini memang terdapat masalah kesesakan talian selular memandangkan perkembangan pesat di dalam pasaran selular yang memerlukan tambahan infrastruktur yang lebih bagi menampung pertambahan ini. Syarikat-syarikat yang terlibat memang akan mengambil tindakan untuk menangani masalah ini supaya satu perkhidmatan yang memuaskan dapat ditangani.

Untuk makluman Yang Berhormat, pelanggan selular setakat ini adalah melebihi tiga juta orang pelanggan.

Berkenaan dengan laluan jalan atau *leeway* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Lumut dan tentang pampasan yang tidak mencukupi……

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Pengerusi, minta jalan.

**Tuan Pengerusi:** Minta jalan.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Boleh?

**Tuan Chia Kwang Chye:** Ya.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tadi saya juga telah sentuh......

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, minta selesaikan jawapan pada pukul 1.00 Yang Berhormat ya.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tadi dikatakan bahawa oleh kerana sektor telefon bimbit ini telah meningkat sudah hampir tiga juta pelanggan tetapi pokoknya dan Yang Berhormat mengatakan pihak syarikat ini akan diberi arahan meningkatkan prestasi perkhidmatan mereka. Tetapi saya rasa sekadar arahan umum sahaja itu tidak akan membantu kerana mereka terus menjual telefon walhal perkhidmatan mereka itu sudah menjadi sempit, sudah *crowded*, dengan izin.

Bolehkah Yang Berhormat ataupun pihak kementerian membekalkan kepada kita bagi setiap syarikat ini berapa ......... di beberapa tempat dan bagi kawasan tersebut, selain daripada itu satu ……. berapa jumlah pelanggan mereka layan bagi setiap syarikat ini supaya perlu kita tahu dan para pengguna boleh pilih di mana dia boleh pergi. Boleh tahu mana kompeni yang *congested* dengan izin, ia boleh pindah. Jadi, satu perkhidmatan dan satu kepada pengguna yang lebih terbuka dan mereka boleh pilih mana satu syarikat yang selalu *congested* ini ia boleh pindah dan dengan izin, *they get better service for their money. Thank you*.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Pengerusi, pandangan kerajaan mengenai industri telekomunikasi ialah di mana industri ini diliberalisasi bahawa dengan tidak ada monopoli pelanggan mengadakan tujuh syarikat atau tujuh lesen telah dikeluarkan supaya monopoli telekomunikasi yang wujud dahulu tidak ada lagi. Dengan pandangan ini diharap melalui persaingan di antara syarikat-syarikat satu perkhidmatan yang lebih baik diwujudkan dan pelanggan ada pilihan di mana mereka boleh pilih syarikat telekomunikasi yang mereka ingin pilih supaya satu perkhidmatan memuaskan didapati atau diperolehi oleh pelanggan dan pelanggan memang ada pilihan.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Lumut ada timbul tentang *wayleave*. Saya ingin menjelaskan bahawa Tenaga Nasional Berhad tidak mengambil terus atau meng"*acquire*" tanah-tanah terlibat kerana yang perlu oleh TNB ialah izin laluan sahaja atau *wayleave* sahaja. Pengambilan terus tanah tersebut akan mengakibat kos yang tinggi dan mengambil masa yang lama dan Akta Bekalan Elektrik 1990 memberi

kebenaran kepada TNB untuk mendapatkan izin laluan atau *wayleave* bagi semua talian voltan tinggi.

**Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen minta sedikit.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tadi, tidak faham pun ada tanya.

**Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad:** Saya sedikit sahaja, bagi *chance*.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Satu sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Satu sahaja, ya.

**Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, masalahnya bila tanah itu dibuat izin lalu tanpa di *acquire*, pengguna atau tuan asal tanah tidak dapat menggunakan juga tanah itu. Adalah lebih baik kalau tanah itu diambil balik kerana dari segi waktu sama kerana saya cukup faham kerja-kerja ini kerana ini bidang saya sama ada diambil secara izin lalu ataupun diambil secara *acquisition* waktu yang diperlukan sama. Jadi, minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kaji balik supaya tidak menganiayai tuan tanah asal supaya terus ambil sahaja pasal bila ia buat izin lalu masih tuan tanah tidak dapat menggunakan tanah tersebut. Jadi, minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengambil perhatian tentang hal ini. Terima kasih.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Kalau minta ambil perhatian, boleh. *[Ketawa]* Tetapi tuan tanah atau sesiapa pun boleh membuat permohonan untuk menggunakan tanah ini.

**Tuan Kong Cho Ha:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Pengambilan secara izin lalu itu kita boleh terima tetapi ada tapak *pylon*, tapak pylon itu sepatutnya diambil secara pengambilan terus sebab tapak itu langsung tidak boleh digunakan lagi.

**Tuan Pengerusi:** Ya, cukuplah.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Okay, saya ingat masa tidak mengizinkan. Saya akan terus menjawab. Jadi, berkenaan dengan tanah pylon itu seperti yang saya kata, kita akan mengkaji masalah ini.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh, mungkin berminat untuk menjadi Pengerusi TNB oleh sebab membuat cadangan itu tetapi jangan marahlah, ini cuma satu… Jadi Tuan Pengerusi……

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Bukan TNB lah, Pos Malaysia.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Bukan, berkenaan tadi TNB yang dibangkitkan oleh Tumpat tetapi Tuan Pengerusi, Seputeh ada membangkitkan tentang *share option* atau saham pos yang tidak diberi kepada posmen dan berkenaan dengan nama jawatan dan gaji yang rendah. Berkenaan dengan saham pos ini adalah dalam bidang kewangan dan dan bukan dalam bidang saya, jadi saya tidak ada kuasa untuk memberi jawapan atau menawarkan saham pos kepada Yang Berhormat.

Berkenaan dengan jawatan atau nama, saya diterangkan bahawa ia adalah sesuai dengan tugas yang baru dalam bidang tugas yang lebih diperluas dan gaji yang ditetapkan adalah berdasarkan dengan tugas-tugas dan telah dibincangkan dengan kesatuan dan berdasarkan dengan kemampuan syarikat, berkenaan dengan gaji.

Tuan Pengerusi Yang Berhormat bagi Yan…..

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Penjelasan. Terima kasih Tuan Pengerusi dan Setiausaha Parlimen yang sebenarnya kesemua sungutan dibawa oleh posmen kepada saya, tengoklah gaji maksimum mereka hanya RM1,040 sebulan sahaja dan selepas umur 55 tidak ada pendapatan langsung, tidak ada *gratuity*, tidak ada pencen, semua tidak ada. Jadi tengoklah kerja mereka, mereka harus kerja di bawah matahari, di bawah hujan dan selalu dikejar oleh anjing, kerja mereka memanglah berat dan sekarang kekurangan kakitangan di Pos Malaysia menyebabkan mereka selalu bekerja *overtime*. Jadi kesemua ini haruslah diambil perhatian oleh Pos Malaysia untuk menaikkan gaji mereka dan mendirikan satu sistem penggajian yang lebih baik untuk para posmen ini, terima kasih.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Pengerusi, perkara ini akan diambil kira dan disampaikan kepada Pos Malaysia.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Yan dan Penampang ada mengemukakan masalah berkenaan dengan monopoli menjual komputer melalui wang EPF sebanyak RM3,500. Tujuan kerajaan untuk melalui Pos Malaysia adalah untuk menghentikan penyalahgunaan skim KWSP ini untuk membeli komputer

kerana melalui satu kajian yang dijalankan, Pos Malaysia telah menerima sebelum skim ditukar melalui Pos Malaysia pada 15 November, Pos Malaysia telah menerima 57 ribu permohonan untuk membeli komputer tetapi yang membeli cuma 1,200 yang membeli melalui Pos Malaysia tetapi selepas 15 hari bulan di mana skim EPF ini melalui Pos Malaysia, cuma 1000 telah membuat permohonan dan setakat ini sebanyak 1,300 komputer telah dibekalkan oleh Pos Malaysia melalui skim EPF ini dan anggaran yang dibuat oleh Yang Berhormat berkenaan dengan beberapa bilion itu tidaklah semua akan membeli komputer, kalau untuk membeli komputer, kalau untuk membeli karaoke, mungkin. Ini cuma satu yang dibangkitkan oleh kartun Lat ya.

Tuan Pengerusi, Pos Malaysia mempunyai lebih daripada 10 syarikat untuk membekalkan komputer dari pelbagai model dan *brand* dan kebanyakan *brand* ini adalah *brand* ternama dan yang lain adalah *brand* tempatan. Jadi Pos Malaysia rela untuk membuka peluang kepada syarikat-syarikat lain untuk mengambil bahagian dalam skim ini dan inilah satu skim atau satu tindakan yang diambil supaya wang EPF ini tidak disalahgunakan untuk membeli alat peralatan yang lain.

Berkenaan dengan kaunter Pos Malaysia yang dikatakan kurang memuaskan. Saya ingin menjelaskan bahawa sebuah Jawatankuasa Pemodenan Kaunter Pos Malaysia Berhad telah diwujudkan bagi memastikan kemudahan perkhidmatan kaunter dimodenkan termasuk tambahan pejabat-pejabat baru, tambahan kakitangan, alat pendingin hawa dan yang berkenaan. Pos Laju Malaysia mempunyai sistem pengesahan elektronik bagi mengesahkan penghantaran, penyerahan dokumen Pos Laju yang dipos. Sistem ini dikenali sebagai Jejak dan Kesan dengan izin, *Track and Trace*. Semua aduan berhubung dengan perkhidmatan Pos Laju boleh dibuat dengan memberikan butir-butir yang terdapat dalam resit pemprosesan pos itu. Fakta adalah diperlukan untuk membolehkan penyiasatan dibuat terhadap kehilangan dan kelewatan perkhidmatan Pos Laju.

**Tuan Pengerusi:** Yan bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa:** Terima kasih Tun, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya membangkitkan pada pagi tadi tentang nama Pos Laju itu tadi yang sepatutnya perkhidmatan juga laju. Saya tidak mempersoalkan

isu *Track and Trace* tetapi banyak kesnya surat yang kita pos dengan pos biasa akan sampai jauh lebih cepat daripada pos yang dikatakan laju tetapi jauh lebih lambat daripada pos biasa.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Seperti yang saya kata tadi Tuan Pengerusi, kalau ada masalah atau bukti mungkin boleh laporkan barulah tindakan boleh diambil.

Yang Berhormat bagi Penampang pun ada membangkitkan tentang fiber optik di Sabah. Penggunaan fiber optik memerlukan kos yang tinggi. Oleh sebab itu kerajaan sangat berhati-hati untuk menimbangkan permohonan dan kelulusan daripada mana-mana pihak bagi menyediakan kemudahan infrastruktur ini. Untuk makluman Yang Berhormat, di Semenanjung, kadar penggunaan fiber optik yang telah dipasang cuma lebih kurang 30% sahaja.

**Tuan Bung Moktar bin Radin:** Terima kasih Yang Berhormat. Ini fiber optik di Sabah ini, dia sudah ada, kerajaan negeri sudah luluskan kepada sebuah syarikat dan syarikat tersebut telah membelanjakan lebih kurang RM8 hingga RM10 juta tetapi kegagalan oleh syarikat ini kerana Telekom Malaysia tidak mahu menggunakan line yang diberi kerana Telekom berkehendakkan pemasangan fiber optik itu diberi kepada Telekom *direct*, bukan melalui syarikat-syarikat yang lain tetapi kuasa untuk memberi kelulusan fiber optik ini di bawah kuasa kerajaan negeri. Jadi tidak ada jalankah kerajaan negeri dan kementerian berunding supaya fiber optik yang sedia ada itu boleh digunakan oleh Telekom Malaysia supaya dapat *win-win situation* bukan satu mahu cari siapa yang menang sahaja. Cari kaedah yang semua menang, rakyat untung, kerajaan untung, kementerian pun untung.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Pengerusi, yang patut berunding mungkin adalah syarikat yang berkenaan dan syarikat Telekom dan apa juga kalau boleh tolonglah supaya kedua-dua syarikat swasta ini mungkin boleh berunding..

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Bandau, dia pun tidak ada *[Melihat tempat duduk Yang Berhormat bagi Bandau]* Beliau telah membangkitkan tentang penswastaan Lembaga Letrik Sabah dan prestasi bekalan elektrik. Bilangan *breakdown* yang diminta setakat ini saya tidak ada dan kalau boleh saya akan hantar secara bertulis.

Berkenaan dengan telefon awam yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Larut, saya ingin memaklumkan bahawa kerajaan telah pun menetapkan garis panduan kepada pihak syarikat yang mengendalikan telefon awam di mana setiap dua pasangan di bandar maka sebuah hendaklah dipasang di luar bandar. Pihak kerajaan juga telah menetapkan supaya syarikat-syarikat yang mengendalikan telefon awam dikehendaki memasang untuk sekurang-kurangnya satu telefon awam setiap kampung.

Yang Berhormat bagi Larut juga ada membangkitkan tentang syarikat dot com dan e-dagang. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tempoh 1997 hingga September 1999, statistik yang saya ada setakat ini ialah sejumlah 3699 syarikat telah didaftarkan dalam bidang IT. Daripada jumlah tersebut, 1207 atau 33% adalah bumiputera sementara bakinya adalah bukan bumiputera dan syarikat luar negara. Setakat ini saya tidak ada maklumat berkenaan dengan syarikat bertaraf MSC dan sejauh yang saya tahu, lebih daripada 3% syarikat adalah syarikat bumiputera.

Yang Berhormat bagi Sungai Benut ada membangkitkan tentang Internet desa dan e-village. Tuan Pengerusi, tujuan kerajaan untuk membangunkan e-village atau perkampungan pintar adalah untuk mewujudkan sebuah pusat pembangunan media dan kandungan dengan izin, *world trust center for media* dan *content development* yang bertaraf dunia. E-village akan merealisasikan hasrat kerajaan untuk menjadikan peneraju utama dalam bidang teknologi maklumat bagi rantau ini khususnya dalam industri kreatif, multimedia dan perfileman. Projek e-village merupakan satu daripada penyumbang dan penggerak utama yang kritikal ke arah pencapaian matlamat dan kejayaan Koridor Raya Multimedia atau Multimedia Super Corridor. Jadi dengan

**Tuan Pengerusi:** Ya Yang Berhormat.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Berkaitan dengan, hampir habis Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Internet desa yang dibangkitkan oleh Sungai Benut juga, kerajaan mempunyai satu projek Internet desa di mana secara perintis, sebuah pejabat pos di setiap negeri akan mengadakan sebuah pusat Internet desa dan setakat ini 12 pusat Internet desa telah diwujudkan dan kerajaan berhasrat untuk mengadakan lebih daripada 200 pusat Internet desa di pejabat pos pada tahun depan.

Jadi, Tuan Pengerusi, dengan ini saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang mengambil bahagian dan yang mana tidak dapat diberi penjelasan, saya akan ambil perhatian dan sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih. Sekian.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM61,504,400 untuk Maksud B.49 di bawah Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM61,504,400 untuk Maksud B.49 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM31,358,200 untuk Maksud P.49 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2001 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM31,358,200 untuk Maksud P.49 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2001.

***Majlis Mesyuarat bersidang semula***

**Tuan Yang di-Pertua:** Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang.

***Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang .***

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah] ***mempengerusikan Mesyuarat]***

***Majlis bersidang sebagai Jawatankuasa.***

**Maksud B.51 [Jadual] –**
**Maksud P.51 [Anggaran Pembangunan 2001] –**

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.51 dan Kepala Pembangunan P.51 di bawah Kementerian Luar Negeri terbuka untuk dibahas. Ya, Larut.

**2.31 ptg.**

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut):** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin turut sama dalam perbahasan B.51 Kementerian Luar Negeri di bawah Butiran 02000,03000, 030100, 030300.

Saya ingin memulakan perbahasan dengan merujuk kepada peranan Duta dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di luar negara. Saya difahamkan beberapa tahun lalu Wisma Putra dan MITI perlu berganding bahu menjual Malaysia, bukan sahaja untuk tujuan menarik pelancong tetapi juga meningkatkan perdagangan dua hala. Saya tidak pasti sejauh mana peranan ini masih diteruskan. Berkaitan dengan peranan Duta ini saya mencadangkan supaya mereka yang dilantik benar-benar layak dan bukan dianggap satu jawatan penghormatan atau anugerah.

Sesuai dengan peranan kita yang semakin penting, kakitangan di kedutaan ataupun Pesuruhjaya Tinggi kita di luar negeri perlu memainkan peranan sesuai dengan tuntutan semasa. Dalam hubungan ini, saya mencadangkan juga di sini dalam melantik Duta pemimpin belia hendaklah juga diambil kira kerana mereka *energetic*, muda dan bersemangat. Saya juga meminta kakitangan kita di kedutaan supaya memberikan penjelasan sebenar bagi negara bukan sahaja kepada pelajar tetapi juga kakitangan kedutaan asing dan pegawai-pegawai di negara mereka yang bertugas, kerana peranan ini penting untuk negara berkenaan yang berminat datang untuk melabur dan sebagainya. Jangan kita tunggu hanya apabila ada kempen-kempen memburukkan negara kita barulah kita hendak bertindak dengan lebih agresif. Ini mungkin kadang kala terlambat, sebagaimana yang berlaku baru-baru ini.

Tuan Pengerusi, perkara kedua ialah peranan kita dalam isu Palestine. Kita tahu bahawa peranan Malaysia begitu bertenaga dan konsisten dalam isu ini. Kita tidak seperti pembangkang yang hanya tahu berdemonstrasi. Kita melaksanakan tanggungjawab kita melalui rundingan dan penyertaan dalam institusi antarabangsa, memperjuangkan hak rakyat Palestine ini. Kesempatan ini juga saya mengalu-alukan penyertaan Menteri Luar yang turut berada pada hari ini…..

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ada yang berdiri minta penjelasan, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** Penjelasan.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Saya ingat biar saya habis dahulu, baru sangat, belum panas lagi ini, ya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak beri lagi.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Biar saya habiskan sedikit, boleh saya beri laluan, sebab saya pun takut masa…..

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** Satu minit

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Kesempatan ini saya mengalu-alukan penyertaan Menteri Luar kita dalam delegasi Persidangan Menteri-menteri Luar Islam yang mendesak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) supaya mengambil langkah segera bagi menghentikan keganasan terhadap rakyat Palestine. Menteri Luar sebagai pengerusi ICFM ke-27 baru-baru ini telah menyertai delegasi tersebut dan menemui Setiausaha Agung PBB. Kita bersama-sama Qatar, Mesir Maghribi, Palestine dan Iran dalam memainkan peranan ini. Kita telah menyatakan pendirian kepada Setiausaha Agong PBB mengenai sentimen dan sokongan Malaysia dan negara-negara Islam bagi perjuangan rakyat Palestine.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri lagi, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Dan kemerdekaan berdasarkan prinsip keamanan yang menyeluruh.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Mengetuk-mengetuk pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak payah ketuk *mike*lah.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Boleh, sebab baru balik daripada luar negara, daripada negara Arab.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila, silakan.

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** Ini tidak adil.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Sekejaplah beri ini dahulu, nanti kita berilah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Itu hak dia.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Kita menyokong…..

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Saya akan beri.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ini konsep keadilankah atau menyokong konsep keadilan tetapi adil kepada semua, yang kita sokong adil cuma satu yang dia tidak sokong. Ini Yang Berhormat bagi Larut saya hendak bertanya dan meminta penjelasan kepada Yang Berhormat Larut, tadi Yang Berhormat Larut ada mengatakan bahawa kerajaan membela Palestine, membela Islam yang dianiayai di Palestine tetapi pembangkang tidak. Pembangkang bukan sahaja senyap sunyi sekarang, yang kita dengar adalah suara-suara kerajaan tetapi bukan sahaja senyap sunyi kadang-kadang nampak bersubahat dengan mereka yang menganiayai Palestine. Bersubahat dengan media asing, ini betul ini, *[Disampuk]* tidak, it is true, kalau betul-betul mengapa tidak dengar, senyap sunyi sahaja. Palestine dibunuh 200 orang pembangkang senyap sunyi. Tidak ada kalau betul-betul hendak buat Mujahiddin buatlah Mujahiddin PAS pergi angkat senjata, tidak. Ini saya ingat hendak Yang Berhormat bagi Larut beri penjelasan sedikit.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Rompin. Memang daripada awal-awal lagi dalam ucapan saya, saya telah pun menyebut sedikit tetapi oleh kerana ini bulan puasa, sayalah terutamanya menghormati bulan puasa.

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Nanti dahulu Yang Berhormat, dia tengah jawab.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Jadi itulah dia keadaan situasi yang sebenarnya. Kita dalam memperjuangkan sesuatu hak mestilah lebih konsisten, tidak di depan lain, di belakang lain. Sila.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya. Sila.

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada kekanda saya daripada Larut. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat bagi Larut berhubung dengan usaha yang telah dibuat oleh rakan-rakan kita daripada Barisan Alternatif terutamanya Ketua Pemuda PAS Saudara

Mahfuz yang telah sama-sama menentang kehadiran Israel di Malaysia dan mereka telah dipenjarakan. Bagaimana sikap *double standard* ini boleh berlaku dalam Barisan Nasional dalam masa yang sama di Dewan ini bercakap soal Palestine…..

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ya, saya faham, terima kasih.

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** …..memenjarakan orang yang memperjuangkan untuk menentang golongan yang menindas Palestine ini.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ya, terima kasih. Pertama, saya tidak mengiktirafkan Ketua Pemuda Barisan Alternatif, kerana ia ditubuhkan dan tidak berdaftar. Tetapi kalau itu satu jalan yang diambil, itu jalan bunuh diri namanya. Saya minta maaflah kerana saya terpaksa menggunakan perkataan itu dalam bulan puasa, saya minta maaf. Jadi boleh saya teruskan, Tuan Pengerusi.

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** Apakah Yang Berhormat setuju maknanya kemasukan Israel ke Malaysia.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz***:* *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Nanti dahululah, Yang Berhormat.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ini beri kepada Sri Gading. Dia ini macam menteri pula, Tuan Pengerusi.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ketua Pemuda PAS masuk penjara itu atau dikenakan tindakan undang-undang itu bukan kerana menentang Israel, tetapi kerana membuat tunjuk perasaan haram. Dia dituduh atas kesalahan membuat tunjuk perasaan ataupun berpiket secara haram. Apakah pendapat Yang Berhormat?

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** Menteri jawabkah ini?

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Memang jelas, ia menyalahi undang-undang. Kita ada undang-undang dalam negara kita ini. Jadi kita kena akur dan patuhi. Kita terimalah. Itulah saya katakan tadi pembangkang ini saya minta maaf dalam bulan puasa tetapi sebab itu saya kadang-kadang, tidak apalah cukuplah setakat itu. Selepas bulan puasa kita boleh.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Minta penjelasan, adakah Yang Berhormat setuju kalaulah Pemuda PAS mahu membela Palestine, adakah lebih sesuai pergi ke Palestine daripada masuk jel.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Itulah yang lebih baik. Tuan Pengerusi, Malaysia turut menyuarakan kebimbangan masyarakat Islam mengenai kekejaman berterusan oleh Israel sebagai kuasa yang menduduki wilayah itu ke atas rakyat Palestine ini sehingga menyebabkan kehilangan nyawa.

Saya memohon kerajaan supaya bergerak cergas bagi membolehkan penghantaran Pasukan Pengaman PBB bagi melindungi nyawa rakyat Palestine. Kita jangan tunduk dengan suara Barat yang menolak pengamanan. Ini adalah helah barat dan Israel semata-mata. Rakyat Palestine tidak boleh dijadikan umpan kepada latihan ketenteraan Yahudi.

Saya juga menyokong usaha kerajaan dan negara Islam untuk mendesak PBB menubuhkan suruhanjaya, mengumpul maklumat dalam sebuah tribunal jenayah perang bagi membawa ke pengadilan mereka yang bertanggungjawab terhadap kematian orang awam Palestine yang tidak berdosa.

PBB memainkan peranan lebih berkesan untuk memastikan kejayaan proses damai Asia Barat, sambil menyatakan PBB mempunyai tanggungjawab moral dan politik kepada rakyat Palestine sehingga penyelesaian yang adil dan menyeluruh dicapai. Seboleh-bolehnya kita perlu menyekat peperangan berlaku di Palestine kerana ini akan membuka peluang kepada kuasa besar untuk campur tangan.

Saya juga memohon Wisma Putra supaya lebih tegas dalam memperjuangkan hak rakyat Islam seperti di Kashmir, Chechnya, Rohingya, Myanmar, Sudan dan beberapa buah negara lagi, di samping mempertingkatkan kerjasama dua hala dengan negara-negara Islam baru seperti Albania, Bosnia dan beberapa negara Asia Tengah. Saya juga ingin menyatakan kesal terhadap sebilangan negara Islam yang memburuk-buruk kita, sedangkan selama ini kita telah berusaha mengadakan hubungan erat dengan mereka.

Adalah wajar jika Perdana Menteri menyelar negara-negara berkenaan kerana sepatutnya perpaduan dan keikhlasan yang diperjuangkan, bukannya cuba menimbulkan suasana tegang. Kita menghormati negara lain dan rasa tidak campur

tangan menjadi teras kita. Tetapi ternyata negara-negara Islam berkenaan seolah-olah mematuhi telunjuk kuasa lain atau yang berada di belakang tabir. Saya mencadangkan kita jangan berputus asa dan berilah penerangan sewajarnya. Selama ini pun Perdana Menteri yang melawat negara-negara Islam dan tidak orang lain. Jadi saya memohon Perdana Menteri teruskan usaha ini kerana ia juga merupakan usaha murni bagi memperkukuhkan persahabatan antara negara Islam.

Dalam konteks hubungan kita dengan negara-negara di sebelah sini saya mencadangkan agar Wisma Putra menjamin supaya usaha mewujudkan ASEAN+3 menjadi kenyataan. Usaha harus diteruskan untuk mempertingkatkan dialog antara ASEAN dengan China, Korea Selatan dan Jepun.

Tuan Pengerusi, tumpuan kita ketika hendaklah juga diasaskan kepada usaha yang telah saya sebutkan tadi dan tidak perlu memperluaskannya kepada penubuhan perkumpulan kecil dengan memasukkan Australia sebagai contohnya dan juga New Zealand di bawah Forum Ekonomi Asia Pasifik atau APEC. Akhir sekali kita perlu ingat bahawa ASEAN+3 adalah satu manifestasi perlindungan ekonomi Asia Timur atau EAEC yang dicadangkan oleh Malaysia, yang tidak dapat dilancarkan secara rasmi berikutan bantahan daripada Amerika Syarikat.

Sekian, saya menyokong.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya saya beri Kuala Terengganu dahulu.

**2.43 ptg.**

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi [Kuala Terengganu]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya juga ingin turut membahaskan tentang Maksud Bekalan B.51 di bawah Kementerian Luar Negeri di bawah 020100, 030100, 030300 serta 040200.

Yang pertamanya saya ingin menyentuh tentang kerjasama ASEAN, yang mana kalau kita melihat penubuhan ASEAN ini telah pun begitu lama dan ianya boleh kita anggap sebagai penubuhan yang begitu matang. Tetapi sejak akhir-akhir ini terlalu banyak pandangan yang melihat bahawa ASEAN ini sendiri perlu kepada sesuatu yang disebut sebagai *thorough overhaul* dan dilihat dari sudut perubahan-perubahan yang berlaku dalam konteks ekonomi, politik dan sosial yang berlaku di

kalangan negara-negara anggota ASEAN ini sendiri. Sebagaimana yang disebut dengan izin, *ASEAN will have to move in the direction of pluralism, of openness, of democracy, transparency, accountability, both within the membership and within the organization.* Jadi inilah satu realiti yang ada sekarang ini. Negara kita perlu melihat dalam konteks yang lebih meluas dalam peranan yang dimainkan dalam ASEAN ini sendiri, kerana kemungkinan-kemungkinan sebagai contohnya polisi-polisi usang yang ada dalam ASEAN ini sendiri, sebagai contohnya not…

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Pengerusi, saya minta sekejap penjelasan sahaja , dengan izin, berkenaan dengan ungkapan tadi yang di quote itu daripada siapa itu?

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Perdana Menteri Thailand.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Perdana Menteri Thailand.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Polisi usang, saya ingin menambah iaitu dari segi polisi-polisi usang yang ada di dalam ASEAN ini sendiri, yang dengan izin, *not allowing members to comment on each other* dalam persoalan-persoalan yang disebut tadi, terutamanya dari sudut *openness*, dari sudut demokrasi dan juga dari sudut *transparency* yang berlaku di kalangan negara-negara anggota ASEAN ini sendiri.

Dan ada cadangan yang dibuat supaya diwujudkan apa yang disebut sebagai *flexible engagement* di kalangan negara-negara anggota ini sendiri, untuk sekurang-kurangnya membuat penelitian dan juga membuat sikap dalam isu-isu yang berlaku di kalangan negara-negara ASEAN. Isu-isu yang dilihat sebagai isu-isu yang penting, isu-isu hak asasi, isu-isu yang berkaitan dengan pencabulan hak asasi, demokrasi dan sebagainya, perlulah setiap negara-negara ASEAN itu mempunyai sikap-sikap yang bersendirian bukannya sikap yang berbentuk *unified* yang berlaku sehingga ini.

Jadi, kalau kita melihat kepada perkembangan-perkembangan yang terakhir yang berlaku di wilayah kita ataupun di kalangan anggota-anggota negara ASEAN ini sendiri memanglah kalau kita melihat kes-kes yang terakhir yang berlaku. Kalau kita mengambil kepada kes yang berlaku ke atas negara kita sendiri di mana di dalam kes

bekas Timbalan Perdana Menteri di mana, di kalangan beberapa pemimpin-pemimpin ASEAN sendiri membuat *an open criticism*, dengan izin, terhadap apa yang berlaku ke atas bekas Timbalan Perdana Menteri. B.J. Habibie sendiri, Estrada sendiri membuat *criticism* yang terbuka terhadap polisi ataupun apa yang dilakukan oleh kerajaan Malaysia sendiri.

Jadi, ASEAN sendiri sekarang ini mungkin akibat daripada perubahan-perubahan yang berlaku ini *they are dividing*, dengan izin, *partly along age line* dari sudut umur, ianya mungkin lebih berbentuk *generational* di mana pemimpin-pemimpin yang lama, yang lebih bersifat *dictatorship* telah lama meninggalkan kepimpinan mereka di negara-negara ASEAN sendiri. Suharto di Indonesia, Marcos di Filipina. Yang tinggal mungkin pemimpin kita iaitu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sahaja yang ada antara pemimpin-pemimpin lama yang mungkin tidak dapat melihat persoalan-persoalan ataupun perubahan-perubahan yang diinginkan di kalangan anggota ASEAN ataupun perubahan-perubahan yang berlaku di negara-negara anggota ASEAN ini sendiri.

Jadi, negara-negara anggota ASEAN kalau kita melihat seperti Indonesia, Filipina dan Thailand kini lebih terbuka. Dari sudut *openess* mereka lebih terbuka, dari sudut transparency mereka lebih terbuka dari sudut demokrasi mereka sendiri. Kita sendiri perlulah bersedia menerima hakikat perubahan-perubahan yang berlaku di sekitar kalangan negara-negara anggota ASEAN ini sendiri. Inilah merupakan cabaran besar yang perlu dilihat oleh kita sebagai sebuah negara anggota ASEAN dalam menghadapi cabaran ke arah keterbukaan dari sudut demokrasi dan hak asasi manusia itu sendiri.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sri Gading berdiri, Yang Berhormat. Hendak bagi?

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Sekejap sahaja saya bagi.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya rasa terkejutlah apabila Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu hendak membandingkan kita dengan negara-negara yang lain dalam soal kepimpinan. Kalau hendak dikatakan lama, Lee Kuan Yew, 25 tahun lebih di Singapura, kalau hendak dibandingkan dengan Dato' Seri Dr.

Mahathir cuma belum sampai 20 tahun pun. Jadi, soalnya tidaklah lama ataupun sekejap pemimpin itu membayangkan demokrasi ataupun tidak. Dato' Seri Dr. Mahathir dipilih oleh rakyat negara ini yang mengamalkan demokrasi dan Barisan Nasional dipilih secara majoriti. Jadi, soal kita hendak mengatakan bahawa pemimpin ini tidak mengikut aliran zaman ataupun aliran wilayah, saya rasa tidak berapa tepat.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Terima kasih. Ya, saya menyebut tentang perubahan-perubahan yang berlaku dalam konteks perubahan kepimpinan yang berlaku di negara-negara anggota ASEAN ini sendiri. Begitu jugalah dalam konteks negara kita supaya timbul ataupun supaya adanya kesedaran-kesedaran tentang perubahan-perubahan yang berlaku di kalangan anggota ASEAN sendiri dalam menghadapi realiti perubahan yang berlaku di dunia ini sendiri. Saya ingin menambah dari sudut cabaran-cabaran anggota ASEAN sendiri dalam menghadapi suasana yang ada dengan kemasukan contohnya Vietnam dan Laos yang kita lihat dari sudut keanggotaannya diterima sebagai sebahagian daripada anggota ASEAN yang mana Vietnam dan Laos ini merupakan negara komunis dari segi keterbukaan mereka, dari segi hak asasi mereka adalah begitu *limited* dalam konteks perubahan-perubahan yang berlaku.

Begitu juga Myanmar yang kalau kita lihat masih lagi di bawah junta militri yang berlaku terlalu banyak pelanggaran hak asasi manusia di Myanmar ini sendiri dan kita walaupun sebahagian daripada anggota ASEAN perlulah melihat dalam suatu perspektif yang lebih luas bukan hanya dalam konteks kepentingan dari sudut ekonomi semata-mata. Jadi, dalam bentuk perubahan-perubahan ini, saya ingin merujuk kepada apa yang dicadangkan dari segi mengekalkan *the relevancy of ASEAN* ini sendiri sebagaimana yang disebut dalam sebuah makalah yang antara lain ia menyatakan dengan izin, *it must adapt to handle not only the economic thermal but also the level 'fluss' including illegal immigration, democratization and human rights, environmental declaration, transnational crime and non-traditional security issues.* Inilah persoalan-persoalan yang perlu dilihat.

Seterusnya saya ingin menyentuh tentang apa yang berlaku ataupun dalam konteks yang berlaku terhadap negara Palestin. Sebagaimana yang telah saya bawa

usul di Parlimen ini memanglah kezaliman yang berlaku di hadapan mata kita ini adalah suatu yang begitu menyayat hati kita. Kekejaman yang dilakukan oleh rejim zionis Israel ini adalah merupakan suatu *crime* yang begitu besar yang dilakukan oleh mereka. Tetapi kita perlu ingat dalam hal ini siapa yang berdiri di belakang rejim zionis ini sendiri. Tidak lain daripada kuasa-kuasa besar yang ada di belakang rejim zionis ini sehingga ianya masih mampu mengekalkan kedudukan dan juga kekuatan yang ada di negara itu sendiri.

Begitu juga di rantau kita ini. Kita perlu ingat siapakah di kalangan anggota ASEAN yang mempunyai hubungan yang begitu intim dan begitu rapat dengan rejim zionis ini sendiri dan mereka mempunyai hubungan bukan sahaja dalam bentuk sosial ataupun ekonomi tetapi dari sudut politik dan ketenteraan, negara yang begitu kecil, yang begitu dekat dengan kita yang mempunyai begitu ramai penasihat tentera yang didatangkan khas daripada rejim zionis Israel sendiri, malahan tentera-tentera mereka mendapat latihan di negara Israel ini sendiri. Kita sebagai sebuah negara umat Islam perlu mempertegaskan sikap kita terhadap negara ataupun jiran kita yang terdekat ini kerana dalam konteks sikap kita terhadap Israel, kita tidak boleh berkrompomi lagi.

Dalam hal ini saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan walaupun sikap telah pun dibuat ataupun penegasan telah pun dibuat dalam persidangan OIC yang lalu tetapi pengalaman-pengalaman yang lalu dalam OIC, OIC hanyalah menjadi "*Oh I see*" hanya dengan keadaan ataupun sekadar melihat sahaja sikap-sikap mereka lakukan lebih banyak yang dilakukan mereka di bawah telunjuk kuasa-kuasa besar.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa Yang Berhormat sudah habis.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Sebagai akhirnya, saya ingin mencadangkan dalam sikap kita terhadap Palestin ini yang pertamanya, kerajaan kita janganlah sekali-kali mengulangi kesilapan-kesilapan yang lalu dengan cuba untuk mengadakan hubungan dengan zionis Israel ini.

Yang keduanya, sebagaimana yang telah dikeluarkan fatwa oleh beberapa ulama yang besar. Yang pertamanya, Sheikhul Azhar dan juga Sheikh Yusof Qardawi yang mempertegaskan supaya umat Islam di seluruh dunia memboikot semua barangan yang mempunyai kepentingan negara zionis Israel ini sendiri. Saya

mengharapkan Malaysia sebagai sebuah negara umat Islam yang dikatakan memperjuangkan hak Palestin ini mempertegaskan hal ini kepada seluruh rakyat dan umat Islam di Malaysia dalam memboikot barangan yang boleh memberi kepentingan kepada negara haram zionis Israel ini sendiri.

Yang ketiganya, saya ingin menyambut cabaran yang diberikan di dalam Dewan ini supaya kerajaan Malaysia membenarkan mana -mana rakyat Malaysia yang beragama Islam terutamanya yang mahu berjuang di Palestin untuk pergi berjuang di sana ataupun berjihad di sana dan, Insya-Allah, Parti Islam Se-Malaysia akan menghantar rombongan yang ada di kalangan ahli-ahli dan mereka yang mahu berjuang dengan izin kerajaan Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya bagi Parit Sulong

**2.55 ptg**.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada B.51, 030100 - Pertubuhan Serantau - Kerjasama ASEAN dan juga mengenai 040200 - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia atau Suhakam.

Mengenai ASEAN, Tuan Pengerusi, saya berpandangan bahawa waktunya sudah tiba. Mungkin ada persamaan antara saya dengan Kuala Terengganu supaya dikaji semula peranan ASEAN. Dalam hal ini saya tidak mahu ASEAN *being totally overhaul* tetapi ASEAN ini rejuvenation, must be rejuvenated dalam dia punya segala aspek.

Saya katakan demikian oleh kerana pada asasnya ASEAN yang terdiri daripada empat negara pada ketika itu, iaitu Malaysia, Thailand, Singapura dan Filipina diwujudkan sewaktu di wilayah kita ini berhadapan dengan satu peperangan yang amat dahsyat. Satu peperangan yang cuba akan menjadi satu kesimpulan sama ada *the domino theory works all or fails* iaitu, satu peperangan di Vietnam yang dibelakangi oleh kuasa komunis dan juga oleh pendukung, so-called pendukung demokrasi Amerika Syarikat. Sebab itulah ASEAN membawa satu banner slogan yang membawa *zon of peace freedom and neutrality*.

Tetapi kebelakangan ini masalah kebebasan dan juga neutrality itu telah pun menjadi satu perkara yang sebati dan timbul lain-lain perkara yang perlu ditangani

oleh pihak ASEAN khususnya bagaimana kah ASEAN mahu menghadirkan diri dia dalam situasi di mana muncul blok-blok perdagangan, umpamanya perdagangan-perdagangan NAFTA dan juga bagaimana ASEAN menangani kerenah setengah-setengah ahlinya yang bertindak secara bebas yang mempunyai *direct* perhubungan dua hala dengan negara yang tidak sesuai dengan majoriti negara ASEAN umpamanya. Bagaimanakah ASEAN sekarang ini telah dianggotai oleh banyak negara yang amat ketara disperity perkembangan dan pembangunannya. Umpamanya dengan kemasukan Myanmar dan Vietnam. Ini dua negara yang dikategorikan dengan pelbagai negara komunistikkah, negara yang terlalu dikongkong oleh tentera dan sebagainya. Pembangunannya amat berbeza dengan pengasas ASEAN kalau kita ambil Thailand, Malaysia, Indonesia dan Filipina sebagai contoh.

Dalam empat yang asas ini juga Filipina mempunyai kecondongan kepada Amerika Syarikat terlalu amat jelas. Singapura memang menjadi satu kroni bukan sahaja kepada Amerika Syarikat malah kepada satu kuasa yang memang sangat-sangat dikutuk oleh Islam iaitu, sangat rapat dengan Israel. Apabila negara Indonesia sekarang ini terkorban, di situlah kuasa Islam yang terbesar jumlahnya di dalam dunia. Bagaimanakah pendirian ASEAN terhadap Indonesia contohnya. Apabila Singapura pula mengambil satu keputusan untuk mengizinkan kapal-kapal perang Amerika Syarikat untuk mengisi minyak sahaja di pangkalan Singapura, adakah Singapura mengambil kira sensitiviti sahabat-sahabat mereka dalam ASEAN?

Jadi perkara ini saya rasa telah menjadi satu perkembangan yang melunturkan kejituan semangat setiakawan dalam ASEAN pada hari ini. Saya minta pemimpin-pemimpin ASEAN supaya bertindak dengan lebih ikhlas, jangan kita simpan apa yang terbuku dalam hati. Umpamanya memanglah apa yang dilakukan oleh Gus Dur contohnya, dia dengan berani dan bersuara lantang maka dia membuat satu kenyataan terbuka yang menyebabkan mungkin satu ketegangan diplomasi di antara Indonesia dengan Singapura. Kita tidak mahu pemimpin kita bertindak oleh kerana ASEAN ini adalah satu arena diplomasi. Tetapi dalam kita menangani dan juga mengemudikan arena diplomasi ini kita harus sesuaikan dengan kehendak, tuntutan dan latar belakang semasa.

Kita tidak mahu lagi bergerak ASEAN ini dalam latar belakang tahun 60'an, 70'an, kerana cabaran hari ini telah pun berbeza dengan cabaran yang dulu. Saya minta perkara ini kita kajilah betul-betul. ASEAN juga harus menerima keterbukaan di antara kepimpinan ASEAN supaya ada satu tindakan yang ikhlas. Jangan kita bertindak baling batu sembunyi tangan, kita jadi talam dua muka, kita tidak mahu. Ini semua melunturkan ASEAN dan ini juga merendahkan kredibiliti ASEAN kalau kita berhadapan dengan pakatan-pakatan sewilayah yang lain. Bagaimanakah orang daripada NAFTA mahu menghormati negara-negara ASEAN sekiranya dalam negara ASEAN itu penuh dengan cerita-cerita perbalahan. Kalau pun tidak perbalahan secara terbuka, tindakan-tindakan sesetengah anggota ASEAN menyebabkan anggota yang lain berasa masam muka atau tidak senang. Contoh yang terbaru umpamanya tindakan yang dilakukan oleh Singapura apabila ia memateraikan perjanjian perdagangan secara terus dua hala dengan negara-negara lain, sedangkan kita mempunyai satu pakatan dagangan ASEAN. Bagaimanakah orang-orang ini besok akan menghormati Malaysia umpamanya, Filipina ataupun Indonesia yang sekarang ini sedang problem-stricken yang sedang dilanda oleh masalah yang tidak putus-putus.

Semua perkara ini saya rasa saya sebagai generasi muda yang mengikuti ASEAN sejak keluar dari kolej lagi saya mengikuti perkembangan ASEAN bagaimanakah ASEAN yang pertama sekali diadakan di Kuala Lumpur dulu bagaimana Suharto dengan Ferdinan Marcos mahu datang ke sini. Waktu itu saya rasa kesepakatan itu kental tetapi hari ini renggang dan penuh dengan hipokrasi kadang-kadang. Jadi adakah kita mahu terus berpijak di atas wadah kerjasama yang nampaknya tegang yang nampaknya diwarnai oleh kepura-puraan atau kita mahu bertindak memperbaiki keadaan demi kebaikan semua pihak di masa akan datang. Itu mengenai ASEAN Tuan Pengerusi.

Seterusnya adalah mengenai apa saya katakan tadi mengenai Suhakam (Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia). Kemunculan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia memang sangat dialu-alukan. Tindakan yang diberikan oleh Parlimen menerusi perkara-perkara yang diluluskan kepada Suhakam adalah satu perkara yang wajar. Tetapi dalam hal ini saya harap masyarakat juga harus menerima jangan kita pula kadang-kadang kita kritik Suhakam habis-habisan seolah-olah

Suhakam itu bukan kita yang tubuhkan. Kita memberi garis panduan, kita memberi mandat kepada dia kita bagi dia blue print perjuangan tetapi kadang-kadang kasihan bukanlah kerana bos saya dulu yang jadi pengerusi, Tan Sri Musa Hitam. Memang dia dulu pernah jadi bos saya tetapi kadang-kadang Tan Sri Musa Hitam terpaksa memainkan peranan sebagai Pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia. Kadang-kadang suara itu mungkin melanggar kepentingan majoriti tetapi majoriti juga yang menggubal undang-undang Suhakam.

Jadi kita harus didik diri kita kalau boleh Suhakam ini anjurkan saya minta masa saya cakap dulu anjurkan kursus-kursus apa dia yang mahu diperjuangkan atas landasan hak asasi manusia. Priority kita apa yang pertama, bermakna educate the public kita harus menyedarkan masyarakat umum tentang apa itu hak asasi manusia. Apa priority Malaysia mengenai hak asasi. Jadi apabila Suhakam bersuara minda kita telah pun disiapkan we are already prepared the minds. Jangan kita tubuhkan satu suruhanjaya tetapi the ground masih lagi bercelaru dengan dia punya perception hak asasi manusia ini. Adakah kita hendak berpegang teguh kepada piagam hak asasi Bangsa-bangsa Bersatu yang sekarang ini hanya diterjemah dari sudut politik ataupun kita mahu berpegang kepada apa yang kita yakin iaitu hak asasi juga berkaitan dengan pembangunan, dengan kesejahteraan, dengan keselesaan, dengan kesamarataan ataupun menghormati suara majoriti.

Adakah kita mahu rakyat Malaysia ini mengukur prestasi hak asasi manusia yang kita wujudkan itu menurut kaca mata politician di Barat atau kita mahu menurut cita rasa rakyat Malaysia. Perkara ini wajar dilakukan kalau tidak Suruhanjaya Hak Asasi Manusia yang kita wujudkan akan menjadi *punching bag* kepada mana-mana pihak yang tidak suka kepada suara yang disuarakan oleh Suhakam itu sendiri.

Kita amat kesal oleh kerana Suruhanjaya Hak Asasi Manusia diwujudkan menerusi Parlimen tetapi di kalangan kita juga oleh kerana kita mempunyai perception hak asasi yang berbeza maka hak itu juga menjadi target kita punya hentaman dan kritikan yang melulu. Ini tidak adil saya rasa. Saya rasa tidak adil kita letakkan Tan Sri Musa Hitam sebagai pengerusi lepas itu kita lanyak dia daripada dalam. Saya rasa tidak adil.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih. Yang menjadi masalah dari kaca mata pembangkang Suhakam itu harus memihak kepada mereka barulah itu hak asasi manusia. Jadi apabila kadangkala kita di Parlimen walaupun kita menubuhkan kita memberikan pandangan-pandangan bukan bermakna kita anti Suhakam cuma kerana kita hendak menentukan bagaimana Suhakam ini berperanan. Dari segi pembangkang, pembangkang hendak supaya Suhakam pro kepada mereka barulah itu ada hak asasi. Kalau maknanya kalau dia di tengah-tengah tidak menguntungkan pembangkang dia kata dia tidak memperjuangkan hak asasi. Dan kita di kerajaan pula bagaimana ini. Minta penjelasan.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Terima kasih. Sebab itu Tuan Pengerusi saya katakan harus kita mewujudkan satu pertembungan minda di sini di antara pembangkang dengan Barisan Nasional menerusi Parlimen apakah sebenarnya yang kita mahu what do we expect out of this suruhanjaya. Apa yang kita mahukan menerusi kewujudan suruhanjaya ini, memperjuangkan soal-soal hak asasi manusia. Kalau itu yang mahu diperjuangkan dari sudut hak asasi manusia yang mana sebab itu tadi saya katakan adakah kita mahu menurut kajian dan kaca mata dan persepsi Barat sahaja ataupun kita mahu menurut kajian hak asasi manusia yang serasi dan juga menurut keutamaan Malaysia pada waktu ini.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa Yang Berhormat sudah cukup Yang Berhormat.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Sikit dulu Tuan Pengerusi. Suhakam tadi belum putus tadi soalan daripada Sri Gading. Kadang-kadang saya merasa kasihan kepada Tan Sri Musa Hitam. Sana hentam dia apabila tidak selera dengan pembangkang, pembangkang hentam dia, tidak selera dengan kita, kita hentam dia. Penghabis dia mati kurus dekat tengahlah. Inilah kata….

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Minta penjelasan.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tidak payahlah waktu tidak ada sudah habis.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, masa sudah cukup.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Jadi Tuan Pengerusi…

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Sikit sahaja saya hendak sokong.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa sudah cukup.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tidak ada masa Yang Ber hormat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduk, duduk.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Takut.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Bukan takut. Jadi Tuan Pengerusi, harapan saya untuk kita mengelakkan kita rasa tidak puas hati mereka tidak rasa puas hati kita kata Suhakam dia juga menjadi satu badan yang mengkaji sama ada ada perlanggaran kepada ciri-ciri hak asasi. Pelanggaran ciri-ciri hak asasi ini kita *priority* kan apa dia. Dan pada waktu yang sama kita mesti kena prepare the ground, prepare the mind, educate the public mengenai hak asasi yang serasi dengan kita supaya timbul satu pertembungan dan Suhakam akan dapat berkembang menjadi satu mouthpiece ataupun jurucakap kepada hak asasi manusia yang diterima oleh semua pihak menurut acuan Ma laysia. Itu yang penting. Jangan kita mewujudkan satu suruhanjaya kita tidak siapkan dia punya acuan kita tidak siapkan dia punya blue print, tidak ada dia punya garis tindakan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat cukuplah.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, terima kasih Tuan Pengerusi teguran itu tetapi saya hendak langgar satu minit lagi saya harap perkara ini akan diambil perhatian serius oleh Yang Berhormat Menteri yang turut hadir, tidak ramai Menteri yang hadir macam Dato' ini supaya dielakkan kekeliruan dan rasa kadang-kadang tidak puas hati terhadap pengerusi Suhakam itu akan terelak dengan seterusnya. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sri Gading ya. *[Ketawa]*

**3.08 ptg.**

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya bagi belaka. Dulu kemudian sahaja.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga hendak ucap tahniah kepada Menteri Luar Negeri kitalah. Satu-satunya Menteri yang akan menjawab antara beberapa Menterilah. Tahniahlah contoh …

**Tuan Husam bin Haji Musa:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya ada apa?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya hendak menyokong B.21…

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia baru hendak cakap Yang Berhormat. Apa hendak jelaskan kalau baru hendak bercakap.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Adakah Menteri lain…

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hendak bagi dia hendak minta penjelasan. Yang Berhormat baru bercakap.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Kemudian tidak apa.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak tahulah belum mula lagi sudah..*[Ketawa]*

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat bagi Sri Gading adakah dengan kenyataan tadi Yang Berhormat menteri-menteri lain kurang bertanggungjawab.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya tidak kata yang lain tidak bertanggungjawab. Cuma saya tahniah yang ini dia datang. Itu jadi terima kasihlah. Yang lain itu bertanggungjawab juga tetapi mungkin ada kerja-kerja lain. *[Ketawa]* Soal you boleh soal, jawab saya jawab.

Saya menyokong Tuan Pengerusi B.51. Ini tentang peranan Kementerian Luar Negeri peranan duta-duta kita ini. Saya ingin ucapkan tahniah dan syabas kepada duta-duta kita yang bekerja di luar negara yang meningkatkan nama baik negara kitalah. Seperti sekarang ini seperti ada satu kejernihan tanggapan-tanggapan luar yang selama ini disalahgunakan oleh pembangkang yang merosakkan nama pemimpin kita berkaitan dengan isu-isu semasalah, dalam satu dua tahun yang lalu ini yang

diputarbelitkan oleh mereka yang ada kepentingan dalam negara kita khususnya parti pembangkang yang menyebabkan pemimpin-pemimpin di negara ASEAN salah faham sedikit masa dahulu. Tetapi dengan peranan Kementerian Luar Negeri alhamdulillah hari ini segala salah faham itu telah dapat kita jernihkan. Sebab itu banyak pemimpin-pemimpin luar negara yang tidak mahu campurlah dengan urusan apa yang berlaku dalam negara ini kerana pada mereka sudah jelas sudah faham dan terang apa yang sebenar-benarnya berlaku kerana mereka dapat penjelasan daripada kedutaan ataupun Kementerian Luar Negeri kita.

Jadi saya harap perkara itu diteruskan untuk menjaga nama baik negara kita. Yang jadi masalah ini kerana nama negara kita ini diburukkan oleh rakyat kita sendiri yang tidak bertanggungjawab. Itu jadi masalah sebenarnya kerana kalau orang luar yang memburukkan itu mudah sedikit kita hendak jawab, mungkin dia ada cemburu iri hati dan sebagainya tetapi apabila rakyat sendiri memburukkan negara sendiri, pemimpin sendiri, tanah air sendiri kita hendak membersihkan itu agaknya gandaannya berlipat gandalah dari segi untuk kita menerangkannya.

Saya rasa banggalah dengan pemimpin negara kita ini, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir dengan kerajaan Barisan Nasional yang ditulangbekangkan oleh UMNO sehingga sekarang dari sejak berpuluh tahun kita tidak pernah luntur menyokong rakyat Arab Palestin menentang Yahudi Israel. Kitalah di antara negara-negara bukan Arab di dunia ini yang secara berani berterusan menyokong secara kuat zahir batin menyokong Palestin dan kitalah antara orang yang paling nyaring untuk memperjuangkan masjid mulia yang ketiga di kalangan orang Islam iaitu Masjidil Aqsa di Baitulmuqaddis, Palestin. Jadi saya harap ini akan dapat diteruskan dipertingkatkan. Kita tidak ada main-main politiklah.

Kita memang cerita Islam, cerita Masjidil Aqsa, cerita menentang Yahudi ini kita bukan ambil secara politik, memang kita ambil lillahitaala kerana ini sebahagian daripada perjuangan kita. Tidak ada orang lain boleh nafi walaupun ada orang sanggup masuk jail dan sebagainya itu semua temberang. Yang sebenar-benarnya perjuangan untuk rakyat Palestin ialah Kerajaan Barisan Nasional yang ditunjangi oleh UMNO pemimpinnya Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Itu sebab Yasser Arafat kita punya brother dia apa pun benda pun yang berlaku di Palestin dia mesti datang Kuala Lumpur ataupun dia datang ke Kementerian Luar ataupun Datuk Seri Hamid sendiri agaknya diberikan fahaman, taklimat dan sebagainya kerana keyakinan orang Palestin tentang sokongan kita yang tidak berbelah bahagi. Itu satu perkara yang tidak dapat dinafikan oleh semua mana-mana pihak pun. Mesti sama ada Yasser Arafat ataupun Menteri Luar kita sendiri sentiasa berbincang secara rapat, secara ikhlas sebagai hubungan antara sesama Islam dalam usaha hendak menyelamatkan rakyat Palestin lebih-lebih lagi sejak akhir-akhir ini.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Fadhal, fadhal, fadhal. Jemput.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan ayahanda Sri Gading. Saya hendak bertanya sedikitlah tentang betapa serius dan bersungguhnya Yang Berhormat tentang keseriusan negara kita menyokong dan membantu 'Israel' supaya mereka mendapat sebuah negara yang berdaulat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Israel?

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Israelkah Palestin?

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Palestin, supaya mereka mendapat sebuah negara yang berdaulat. *[Ketawa]* Tetapi bagi pandangan Yang Berhormat apakah alasan yang digunakan oleh negara kita di dalam membenarkan pasukan kriket dan juga ping pong Israel datang ke tanah air kita dan kita dimaklumkan diberi layanan hampir-hampir permaidani merah. Sekian terima kasih.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Kita ini sebuah negara yang bertamadun dan Islam sebenarnya agama yang *tolerate* sangat, bertolak ansur. Tentang kriket itu ialah Persatuan Kriket Dunia , memilih Kuala Lumpur menjadi tuan rumah. Antara ahli kriket dunia dan persatuan kriket antarabangsa ini, antara ahlinya ialah Yahudi. Oleh sebab Kuala Lumpur dipilih menjadi tuan rumah, Yahudi menjadi sebahagian daripada ahli kriket antarabangsa, dia datang bukan atas undangan kita. Kita bukan mengundang dia. Yang mengundang dia ialah Persatuan Kriket Dunia. So, hendak diapakan?

Jadi, bukan bermakna kita bersetuju dengan Yahudi tentang penindasannya kepada Palestin. Tidak. Itu isu yang lain. Sebab itu saya kata, kita negara ataupun tamadun kita sudah tinggi, kita kena faham. Jiran saya makan babi, takkanlah saya kata awak tidak boleh makan babi dan takkanlah pula saya mesti makan babi. Ini soal jiran. Ini soal biasalah. Duduk sebelah-menyebelah, ini biasalah. Takkanlah kita pula boleh dikatakan oleh sebab berkawan dengan Yang Berhormat bagi Sandakan, beliau makan babi, saya pun makan babi. Tidaklah begitu. Tamadunlah, berkawan, berkawanlah. Yang Berhormat bagi Sandakan hendak makan babi, makanlah dia. Tetapi kalau dia makan ayam, saya kongsilah sama-sama. Tiada masalah, inilah dia.

Tetapi yang menjadi masalah ini sebenarnya pemutar belit dan parti pembangkang. Isu sebenarnya tidak macam itu tetapi digambarkan begitu. Yang jadi kalut ini ialah pemikiran parti pembangkang dan parti pembangkang memang berkehendakkan rakyat ini supaya fikirannya keliru kerana dalam kekeliruan rakyat inilah, dia mendapat keuntungan. Itu sahajalah cerita sebenarnya, ya. Okay.

Saya harap Yang Berhormat bagi Jeli, sahabat saya jelas dengan penjelasan saya tadi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, teruskan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Kemudian satu lagi, saya menyokong sangat Kementerian Luar Negeri kita dan kerajaan kita, membela Iraq ini yang ditekan oleh sekatan Bangsa-Bangsa Bersatu yang didalangi oleh Amerika. Saya harap segala usaha yang dilakukan oleh kerajaan kita dalam membela rakyat Iraq ini, harus berterusan dan jangan jemu-jemu. Ajaklah OIC sekali. OIC ini, kadang-kadang saya setuju dengan Kuala Terengganu tadi, OIC *(Oh! I see)* Itu sahaja kerana kadang-kadang cuma jadi tempat perjumpaan antara negara-negara Islam yang 55 negara Islam yang hari itu berjumpa di Kuala Lumpur. Kadang-kadang selepas perjumpaan, *khalas!* Ha, sudah tidak ada apa-apa ya.

Jadi, saya harap Malaysia yang mempunyai pengalaman-pengalaman di forum-forum antarabangsa. Kita Malaysia ini, alhamdulillah. Dunia pun kita tuntut, akhirat pun kita tuntut. Kita mempunyai…..

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila gulung Yang Berhormat. Gulung ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya ada empat, lima lagi, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, tidak ada sudah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tidak dapat ya? Supaya dapat memberi kekuatan kepada OIC. Sekretariatnya umpamanya, jawatankuasa teknikalnya agaknya, boleh agaknya Malaysia menjadi pengerusinya kerana pengalaman-pengalaman kita yang boleh membantu OIC ini sebagai satu badan yang benar-benar bernyawa, berjasad dan mempunyai peranan-peranan yang benar-benar boleh menguntungkan negara-negara Islam se dunia. Jadi, saya *[Bertanya kepada Tuan Pengerusi]* Tidak boleh tambah lagi, Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak boleh Yang Berhormat ya. Sudah habis Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Okaylah. Dengan ini, saya menyokong.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, saya bagi ini Kota Melaka.

**3.20 ptg.**

**Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka]:** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya juga ingin memuji kehadiran Yang Berhormat Menteri. Saya pernah bertikam lidah dengan dia tetapi saya rasa beliau memang *qualified to receive the praise*. Inilah teladan yang kita ingin lihat dan mungkin Yang Berhormat Menteri boleh beritahu rakan semua datanglah ke Parlimen ini supaya kita boleh meningkatkan mutu perbahasan di Parlimen ini.

Saya ingin merujuk kepada perkara berkenaan dengan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) iaitu Butiran 040200.

Walaupun Tan Sri Musa tidak pernah jadi bos saya, walaupun dia seorang ahli UMNO tetapi DAP adalah parti yang pertama sekali mengalu-alukan pelantikannya sebagai Pengerusi Suhakam. Jadi, saya sokong apa yang dikata oleh Yang Berhormat bagi Parit Sulong iaitu jangan kita hentam Suhakam seolah-olah beliau adalah seorang

yang perlu atau harus disingkir walaupun kerajaan tidak setuju dengan pendapat Suhakam.

Saya pernah sebut dalam Dewan ini, tidak ada gunanya kalau kita menubuhkan Suhakam tetapi mentaliti ahli-ahli politik kita, terutama sekali daripada pihak kerajaan tidak tukar. Saya sokong apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Parit Sulong dan saya ingin menegaskan di sini, orang yang betul-betul hentam Pengerusi Suhakam yang teruk adalah daripada ahli-ahli politik Barisan Nasional melalui akhbar-akhbar yang dikuasai dan ini tidak akan membayangkan satu *sincerity* dengan izin, kerajaan hendak menubuhkan Suhakam.

Jadi, saya harap Yang Berhormat Menteri boleh mengambil berat tentang perkara ini walaupun dahulu, Yang Berhormat Menteri pernah menjawab soalan saya dan mengatakan bahawa dia ada berkempen untuk menjatuhkan Suhakam. Saya terima apa yang telah dijelaskan tetapi kita kena membuktikan dengan tindakan kita bahawa memang tidak ada niat kerajaan untuk menjatuhkan imej Suhakam terutamanya Pengerusinya apabila beliau pernah mengeluarkan pendapat yang berbeza dengan pendirian atau pendapat kerajaan.

Perkara yang kedua, yang saya ingin sentuh ialah berkenaan dengan Butiran 030000 –Hubungan Pelbagai Hala.

Tuan Pengerusi, pada 3 Disember tahun ini iaitu beberapa hari yang lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berkata, saya *quote* di sini ya, "*Some Muslim nations helping oppositions*". Saya tidak tahu apakah yang telah berlaku dan saya tidak dapat apa-apa berita susulan dan ini kepada saya adalah satu kenyataan yang begitu serius, oleh kerana kalau memang terdapat adanya negara-negara Islam yang membantu pembangkang di negara ini. Saya rasa ada perlunya kerajaan memberikan bukti bagaimana negara-negara Islam ini telah membantu pembangkang di negara ini.

Siapakah negara-negara Islam itu dan juga mana satu parti pembangkang yang telah dibantu oleh negara-negara jiran. Oleh kerana kalau ada negara-negara asing yang membantu parti pembangkang di dalam negara ini, ini bermakna bahawa *this is the interference internal affairs of Malaysia.* Dan ini adalah satu perkara yang begitu serius sekali dan saya tidak lihat apa-apa kenyataan kemudian yang dikeluarkan oleh sesiapa kecuali apa yang telah dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana

Menteri. Jadi, saya juga ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri, adakah Kementerian Luar Negeri telah memberikan protes *note* kepada negara-negara yang berkenaan.

Sebenarnya, tidak lama dahulu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah berkata, semasa terdapat begitu banyak negara yang mengkritik sistem kehakiman di negara ini dan Yang Amat Berhormat telah berkata di Langkawi bahawa saya *quote*, "*Do not interfere in Malaysia's affairs. Other countries should not make allegations that our judiciary is not good*". Apabila dia ditanya oleh pemberita, dia juga berkata, "*We know who our friends and who our enemies*". Saya rasa kenyataan semua ini di mana beliau berkata bahawa ada negara-negara Islam yang membantu pembangkang dan kita juga tahu siapa kawan kita dan siapa musuh kita.

Ini bukan ucapan politik yang kita harus buat. Kita harus buat kenyataan ini apabila kita mempunyai bukti. Oleh kerana ini akan menjejaskan hubungan baik di antara negara kita dengan negara lain dan yang penting sekali ialah bahawa ini melibatkan soal *interference of Malaysia's internal affairs*, itu satu. Yang kedua ialah sekiranya ada bukti bahawa ada parti pembangkang mendapat bantuan, apakah bantuan itu saya tidak tahu, mungkin Yang Berhormat Menteri boleh jelaskan, maka ini adalah satu tuduhan yang serius di mana saya rasa pendaftaran parti itu boleh digantung atau parti itu boleh dibubarkan.

Jadi, dahulu saya memang pernah bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada kerajaan mempunyai bukti untuk menuduh bahawa ada parti pembangkang yang telah menerima wang bantuan daripada negara asing dan kerajaan telah enggan menubuhkan satu siasatan Diraja untuk membuktikan apa yang telah dituduh oleh kerajaan sendiri.

Saya rasa kalau kerajaan enggan memberikan bukti atau memberikan nama negara-negara dan parti-parti pembangkang yang terlibat dan juga enggan menubuhkan satu badan untuk menyiasat apa yang telah dituduh oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya rasa kredibiliti kerajaan akan lagi jatuh dengan teruknya.

Jadi, saya rasa perkara-perkara ini bukanlah perkara yang kita boleh cakap seolah-olah ia adalah perkara yang kecil, oleh kerana akhbar-akhbar asing akan memetik ucapan-ucapan ini dan ini bukan cara sesuatu negara yang mempunyai integriti atau profesionalisme, harus berlaku. Jadi, saya minta Yang Berhormat Menteri hari ini memberikan penjelasan yang baik. Kalau tidak, saya rasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri haruslah menarik balik apa yang telah dikatakan. Dan kalau Yang Berhormat Menteri seperti dahulu masih menegaskan bahawa apa yang dikatakan oleh kerajaan itu betul, saya cabar supaya satu Suruhanjaya Diraja ditubuhkan untuk menyiasat sama ada betul-betul ada parti pembangkang yang telah menerima wang bantuan itu dan ini juga termasuk sama ada parti-parti kerajaan sendiri pernah menerima apa juga bantuan daripada negara asing.

Itu sahaja, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sipitang.

**3.27 ptg.**

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Di bawah B.51, Kementerian Luar Negeri, saya ucap tahniah juga kepada Menteri Luar Negeri dan terima kasih kepada Menteri Luar Negeri semasa Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York, saya bersama rakan-rakan Ahli Parlimen yang lain diberi peluang untuk hadir di Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu dan nampak memang pengiktirafan antarabangsa terhadap negara kita dan juga kepimpinan negara kita dan Menteri Luar Negeri sendiri telah pun dapat sambutan yang baik dan kita harus teruskan perkara ini. Syabas kepada Menteri.

Di bawah 030100 iaitu Pertubuhan Serantau-Kerjasama ASEAN. Kita melihat sekarang ini, ASEAN semakin kuat dan keinginan negara-negara rantau ini menjadi ahli telah pun bertambah. ASEAN juga dilihat sebagai rantau yang berpotensi. Kalau kita lihat dari segi pertumbuhan ekonomi dunia bahawa selepas Eropah, Amerika, ASEAN dan negara Asia yang lain adalah sebagai tempat ketiga dari segi pertumbuhan ekonomi yang begitu berpotensi. ASEAN telah mendapat pengiktirafan dengan blok-blok Asian yang lain seperti China, Jepun, Taiwan dan juga Korea. Ini menjadikan kita lebih kuat lagi.

Tetapi dalam masa yang sama, saya juga merasa risau sedikit, soal masalah sesama ASEAN sendiri, masih banyak yang belum kita selesaikan. Persefahaman di antara kita tidak begitu kukuh dan kita seolah-olah tidak ada satu hala tuju yang begitu jelas, agak kabur sekarang ini apabila ada negara-negara ASEAN sendiri yang melihat diri mereka lebih penting daripada negara lain. Jadi, bila ini berlaku, sudah tentu apa-apa juga pertubuhan bila ada satu orang yang mungkin berlagak sebagai ketua kampung, sedangkan kampung lain dan ahli lain tidak mengiktiraf, ini akan menjadi masalah.

Saya minta penjelasan daripada Menteri Luar Negeri, apa sebenarnya keadaan dan kedudukan kita sekarang ini dari segi kedudukan ASEAN ini dari segi persefahaman di antara pemimpin-pemimpin ini. Sejauh manakah persefahaman? Bolehkah Menteri Luar Negeri ataupun pemimpin menteri ini bertukar pendapat secara peribadi dan secara ikhlas untuk menyelesaikan masalah ASEAN.

Contohnya sekarang ini, soal persempadanan kita. Saya tidak melihat ada penyelesaian yang dekat mengenai dengan persempadanan ataupun perebutan wilayah di rantau ASEAN ini, misalnya, Malaysia sendiri sekarang ini, kita belum boleh menyelesaikan soal Pulau Ligitan dan juga Pulau Sipadan, masih dituntut oleh negara jiran, Filiipina, masih menuntut Sabah sebagai wilayahnya. Kemudian, Pulau Batu Putih masih tidak jelas pendirian dengan negara Singapura.

Kemudian, wilayah kepulauan Spratly masih lagi tuntutan bertindih. Ini akan menjejaskan rundingan-rundingan seterusnya. Inilah yang kekaburan pihak luar untuk melihat rantau ini satu rantau yang stabil. Kita takut ini berpanjangan dan menghambat pertumbuhan ekonomi di rantau ini. Saya mohon penjelasan Menteri bagaimanakah cara kita menyelesaikan masalah ini. Apakah pendirian kita?

Dari segi hubungan antara pemimpin, masih lagi ada pemimpin yang tidak begitu faham tentang hubungan antara ASEAN ini. Tidak seperti dahulu, misalnya zaman Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman, dia boleh bercakap sendiri dengan Tun Adam Malik, masa itu Menteri Luar yang boleh menyelesaikan konflik konfrontasi antara Malaysia dengan Indonesia secara perhubungan peribadi.

Dan, saya mencadangkan supaya hubungan seperti ini dipupuk dari awal, kalau boleh Menteri Luar mengatur, saya tidak tahu peranan pembangkang sendiri

dan juga Pemuda Barisan Nasional, apakah mereka ini ada hubungan sebagai pewaris pentadbir negara akan datang, ada hubungan dengan bakal-bakal pemimpin negara ASEAN misalnya Indonesia, Filipina, Thailand dan negara-negara lain.

Kalau boleh diaturkan program supaya mereka yang bakal pemimpin ini bukan sahaja boleh berhubung semasa masing-masing jadi Menteri Luar tetapi dipupuk dari awal supaya mereka ini mengenal antara satu dengan lain pemimpin yang akan mewarisi negara ini dan juga negara ASEAN yang akan datang.

Dan, apabila masing-masing menjadi Perdana Menteri, jadi Menteri akan datang, mereka ini bukan kenal baru tetapi telah pun kenal lama dan boleh berhubung meluahkan pendapat untuk kebaikan rantau ini. Bukan maknanya, bila baru jadi Menteri Luar barulah kenal mereka itu sebagai pemimpin. Dan, ini akan mengambil masa, sudah tentu. Kalau kita tidak mengenal pemimpin-pemimpin ini soal keyakinan, kepercayaan itu agak sukar dipupuk, lebih-lebih lagi bila sudah agak lambat dan dewasa.

Tuan Pengerusi, perkara yang lain juga, iaitu soal saya katakan tadi iaitu persefahaman di antara negara ASEAN ini. Saya tidak faham bagaimana misalnya Singapura bila kita ingin menubuhkan AFTA, Singapura sendiri mempunyai hubungan yang tersendiri dengan negara Australia dan New Zealand. Dan, ini sepatutnya kita selesaikan. Saya harap Menteri dapat memberi sedikit gambaran bagaimana ini boleh berlaku.

Yang penghabisan, Tuan Pengerusi, di bawah 040100 – Program Mendampingi Pelajar-Pelajar Malaysia di Seberang Laut. Saya mengalu-alukan program ini ada sebanyak RM 2 juta. Saya minta penjelasan sedikit, setakat ini berapa banyakkah program seberang laut ini telah kita aturkan. Kita tahu, kita selalu dengar, baca surat khabar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Luar tetapi bagaimana dengan pemimpin-pemimpin yang lain.

Kalau boleh daripada perjumpaan secara tertutup, kita bagi publisiti, kita adakan program perjumpaan di antara pelajar Malaysia di luar negara ini berjumpa dengan ahli-ahli Parlimen, ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, tidak kisah sama ada Barisan ataupun Pembangkang. Kita satukan sekali dalam *function* atau aturcara

tertentu. Kita gabungkan di antara pemimpin Barisan Nasional, pemerintah dan juga pembangkang. Daripada pembangkang diam-diam buat perhimpunan tanpa kita ketahui, lebih baik kita buat secara terbuka dan kita buat publisiti bahawa kita mengambil berat tentang pelajar ini. *[Tepuk]*

Tujuannya ialah untuk mengelakkan daripada perjumpaan yang sulit ini, yang menghasut ini. Kerana kalau kita buat perjumpaan terbuka tentu mereka tidak boleh mengeluarkan kata-kata yang tidak baik dan kita akan ada dalam masa yang sama boleh membetulkan apa yang mereka kata tidak betul kepada pelajar-pelajar kita.

Saya mencadangkan supaya setiap tahun dibuat beberapa program yang bukan sahaja lawatan Menteri tetapi lawatan ahli-ahli Parlimen, pemimpin-pemimpin untuk berhubung, bergabung dengan pelajar-pelajar ini kerana Barisan di kalangan kita ini adalah ahli-ahli Parlimen *Backbenchers* ini mungkin pemimpin masa akan datang yang akan mewarisi kepimpinan.

Apabila mereka balik nanti merekalah juga pemimpin ataupun ketua-ketua jabatan, pegawai kerajaan yang akan bertugas di jabatan-jabatan kerajaan dan sudah tentu kefahaman mereka, kenalan mereka itu akan memudahkan soal pentadbiran negara dan juga lebih mudah memberi kefahaman kepada pegawai-pegawai kerajaan ini.

Jadi, dengan kata-kata itu, Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tebrau

**3.36 ptg.**

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan [Tebrau]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya mengambil bahagian sedikit sahaja walaupun sahabat saya baru menyentuh tadi berhubung dengan Program Mendampingi Pelajar Malaysia 040100 peruntukan sebanyak RM2 juta, sebelum itu tidak ada peruntukan.

Jadi, saya ucap tahniah kepada kementerian yang telah pun membuatkan satu peruntukan yang agak memberi faedah yang besar kepada negara terutama dalam masa sekarang ini, kita banyak kedengaran ada pihak-pihak yang tertentu yang telah pun memberikan pandangan, penjelasan di luar negara, memburukkan negara kita dan pelbagai perkara lain yang boleh menjejaskan ekonomi negara, perpaduan rakyat dan sebagainya.

Maka untuk itulah peruntukan ini diwujudkan dan saya harap dengan adanya peruntukan ini pihak kementerian dapat mengatur lawatan bukan sahaja daripada ahli Parlimen – saya setuju ahli Parlimen Barisan Nasional sahaja, sebab kalau kita bawa perempuan yang lagi satu ini, siang dia jumpa kita, malam dia jumpa lain, jadi dia tidak selesai Yang Berhormat. Dia ini memang pandai. Jadi, ini saya tidak setuju kerana dia – tahulah – kita buat pagi, jumpa bagus, malam dia jumpa lain lagi. Jadi, tidak ada baik dia punya jalan. Jadi, saya ingat bawa Barisan Nasionallah.

Dan bukan itu sahaja, bawa kumpulan-kumpulan dan mereka yang mempunyai bidang tertentu. Kita pilih pemimpin-pemimpin yang luar daripada kerajaan yang boleh membantu kerajaan, yang dapat memberi penerangan yang lebih jelas kepada penuntut-penuntut luar – negara kita. Jadi, ini dapat berkesan sedikit.

Tuan Pengerusi, jadi, saya haraplah di atas peruntukan ini dapat digunakan dengan sebaik-baiknya kerana kita takut, supaya negara kita pada masa akan datang tidak akan terjejas dengan ada pihak-pihak yang lain yang cuba memburukkan negara kita.

Yang kedua, saya hendak menyentuh sedikit lawatan-lawatan pemimpin Singapura, terutama Menteri Kanan, Lee Kuan Yew. Saya hendak tahulah kedudukan Menteri Kanan ini, kadangkala lawatannya, dia berbincang, bertemu, bertukar pendapat dengan Kerajaan Malaysia ini kerana kadangkala kuasa dia ini saya tidak faham. Ada kala macam lebih daripada Menterinya, adakala macam Perdana Menteri, jadi kuasa dia ni tidak tahu ke mana ni, Yang Berhormat. Supaya kita tidak mahu, kita runding dengan Menteri ini, tidak tahulah kalau lepas itu dia balik kerajaan dia bersetuju.

Tetapi kadangkala, ada pula percakapan Menteri Kanan ini menggugat negara kita. Dan Kerajaan Singapura tidak memberikan pendapat, sama ada membangkang atau sebagainya. Diamkan diri. Jadi, saya ingat, saya hendak mintalah kementerian melihat sikit lawatan Menteri Kanan ini supaya lawatan dia betul-betul memberi kesan, tidak datang melawat tetapi nampak sekarang ini, lawatan dia bukan sahaja ke negara kita, seluruh dunia. Dia melawat ini dan lawatannya seperti Perdana Menteri Singapura. Jadi, saya hendakkan penjelasan di atas lawatan-lawatan Menteri Kanan

Singapura ini, adakah ia memberikan keputusan seperti keputusan Kerajaan Singapura itu.

Jadi, Tuan Pengerusi, itu dua sahajalah saya hendak sentuh. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tumpat.

**3.39 ptg.**

**Datuk Kamaruddin bin Jaafar [Tumpat]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya juga ingin turut membahaskan maksud B.51 – Kementerian Luar Negeri. Pertama Butiran 030000 – Perhubungan Pelbagai Hala. Secara khusus, saya ingin merujuk kepada persoalan berkaitan dengan negara Palestine bertentangan dengan negara haram Israel.

Tuan Pengerusi, kita mendengar pelbagai pandangan dan nampaknya sekurang-kurangnya sama ada dari pihak pembangkang ataupun pihak kerajaan, pandangannya serupa iaitu menganggap bahawa Israel ini mesti kita tentang selagi kedudukan Palestine tidak diiktiraf dan tidak diberikan kedudukan yang sah oleh Israel dan oleh seluruh komuniti antarabangsa ini.

Tetapi saya agak keliru dengan pandangan sahabat-sahabat saya daripada pihak UMNO terutamanya. Saya keliru kerana Yang Berhormat sahabat saya bagi Sri Gading dalam menjawab teguran dan penjelasan daripada Jeli telah menjelaskan bahawa sikap negara kita dalam soal Palestine dan Israel ini adalah suatu sikap yang tamadun, yang mana katanya, kita boleh menerima kedatangan pasukan kriket Israel kerana kita bersikap tamadun dan kita masih berpegang kepada prinsip tidak mengiktiraf dan tidak bersetuju dengan tindakan Israel terhadap Palestine.

Kalau kita ingat, di sebelah pagi ini, Yang Berhormat Pengerusi pun mempengerusikan sidang itu, Yang Berhormat daripada Parit Sulong mengkritik tentang Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia dalam soal iklan dan mengatakan bahawa iklan-iklan di Malaysia ini dipengaruhi oleh syarikat yang dipunyai atau dikuasai oleh syarikat-syarikat Yahudi, Israel, *Zionist*. Jadi, Parit Sulong, UMNO juga, baru dalam iklan Israel, Yahudi pun di tentangnya. Yang Sri Gading ini, sepasukan kriket pun boleh masuk ke Malaysia dan itu katanya negara tamadun.

Negara tamadun, dia ada prinsip dan kalau kita ada prinsip, kita mesti jelas dalam prinsip kita itu. Tidak boleh sekali kita kata, kita tentang Israel, sekali lagi kita kata kita boleh biarkan Israel membawa pasukan kriketnya ke negara kita ini. Sebab kalau iklan yang kita takut sangat dipengaruhi oleh Yahudi, Israel, *Zionist* itu, maka kemasukan pasukan kriket Israel ke Malaysia adalah bahan iklan yang boleh digunakan oleh Israel ke seluruh dunia, mengatakan Malaysia sebagai sebuah negara Islam sanggup menerima pasukan Yahudi ke negara ini dan ini adalah bahan publisiti yang terbesar untuk negara kita.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kubang Kerian bangun.

**Datuk Kamaruddin bin Jaafar:** Ya, Kubang Kerian.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Tumpat. Saya pohon penjelasan. Adakah lawatan kriket Yahudi ini adalah satu *testing* untuk menguji reaksi rakyat negara kita, iaitu jika sekiranya tidak ada sebarang bantahan yang berkesan, maka satu jalinan, hubungan diplomatik akan dilakukan. Tetapi oleh kerana ada rakan-rakan kita yang telah membantah, termasuk rakan kita daripada Pokok Sena, telah masuk penjara, maka rancangan tersebut telah dikaji semula. Dan, dalam hubungan inilah kita sepatutnya menghargai pengorbanan Yang Berhormat bagi Pokok Sena.

**Datuk Kamaruddin bin Jaafar:** Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian itu dan oleh itu saya menyeru kepada Yang Berhormat Menteri yang hadir bersama-sama kita hari ini untuk mengambil berat akan kegiatan negara Israel yang meningkatkan kegiatan-kegiatan mereka untuk menyeludupkan idea-idea mereka untuk mendapat penerimaan mereka bukan sahaja oleh negara Malaysia tetapi oleh rakyat Malaysia. Saya juga ingin menambah bahawa kedutaan …

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Parit Sulong bangun.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, cuma satu pembetulan rekodlah. Apabila saya membangkitkan soal *Zionisme* pagi tadi, jangan diambil perkara itu sebagai *synonymous* dengan Israel. *Yahudi doesn't mean Israelis*, saya kata Yahudi *Zionism*. Jadi, saya tidak membangkitkan soal Israel dalam perbincangan saya pagi tadi, jadi janganlah hendak diadu-dumbakan Parit Sulong dengan Sri Gading dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih. *[Ketawa]*

**Datuk Kamaruddin bin Jaafar:** Itu saya rasa lebih bahaya pandangan begitu sebab Israel ini adalah hasil daripada perjuangan *Zionism*, hasil daripada suatu persidangan yang berlangsung di Switzerland pada tahun 1917 yang mencetuskan konsep *Zionism* dan konsep melalui *Zionism* ini memperjuangkan negara yang bernama Israel, yang terwujud dalam tahun 1948 itu.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, saya faham dengan penjelasan oleh Tumpat, tetapi saya tidak menyebut perkataan negara Israel 'per se' pagi tadi, apabila saya membangkitkan soal pengaruh iklan, saya kata pengaruh zionisme di belakang iklan-iklan itu. Itu sahaja. Terima kasih.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Itu pada saya adalah masalah simentik. Saya ingin tambah lagi iaitu masalah bahawa kedutaan Israel di Singapura sedang giat bukan sahaja bertugas untuk negara Singapura ……

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Jeli bangun.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Saya habiskan dahulu. Tetapi juga saya dapati bahawa kedutaan Israel di Singapura menghantar kertas-kertas, newsletter, magazine, majalah dan sebagainya dalam bahasa Malaysia ke Malaysia dan saya yakin jika ke Malaysia dihantar, maka kedutaan Israel di Singapura juga menghantar bahan-bahan yang sama ke negara Indonesia juga. Ya, sila.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih Tuan Pengerusi, dan Yang Berhormat Tumpat. Tidakkah dengan secara langsung, bila mana kita mengiktiraf wakil-wakil ataupun pasukan-pasukan sukan mana-mana negara hadir ke negara kita, secara automatik kita mengiktiraf negara tersebut. Jadi, apa pandangan Dato' tentang ini?

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Itu yang saya maksudkan juga bahawa implicit terpendam dalam tindakan kita membenar masuk pasukan kriket Israel itu

adalah kemungkinan besar juga membayangkan pengiktirafan tidak rasmi kita terhadap negara tersebut.

Saya ingin beralih kepada perkara Butiran 030100 – Pertubuhan Serantau - Kerjasama ASEAN. Saya sepandangan dengan sahabat saya Parit Sulong dalam menyeru kepada kementerian untuk memberi pandangan dan perhatian yang lebih kepada urusan kerjasama kita dalam kerjasama serantau ASEAN ini.

Saya bersetuju tetapi kita perlu faham bahawa jika kita bandingkan ASEAN dengan EC atau dengan NAFTA dan pertubuhan-pertubuhan serantau yang lainnya, mereka mempunyai persamaan kebudayaan yang amat rapat berbanding dengan asal usul kita negara-negara Asia Tenggara ini.

Negara-negara Asia Tenggara ini yang mempunyai hubungan yang agak rapat dari segi kebudayaannya persamaannya ialah Malaysia, Indonesia dan Brunei. Malaysia dan Indonesia ada hubungan kebudayaan yang rapat tetapi tak usahkan kita hendak kira Malaysia dengan Myanmar atau dengan Vietnam atau dengan Thailand yang lain kebudayaannya. Dengan Indonesia yang sama bahasa, hampir-hampir sama agamanya juga ada perbezaan. Dua, tiga tahun yang lalu, Indonesia bersemarak dengan semangat reformasi, perubahan politik, perubahan keadilan dan sebagainya, Malaysia walau sama kebudayaan, sama agama pun merasa bimbang akan pergolakan yang berlaku di Indonesia ini dan kita di Malaysia terpaksa menangkap, menahan Timbalan Perdana Menteri dan lain-lainnya ke ISA dan sebagainya.

Ini bermakna bahawa betapa susahnya hendak menggerakkan kerjasama serantau di negara-negara Asia Tenggara ini kerana di kalangan negara yang sama kebudayaannya pun ada perbezaan-perbezaan yang amat ketara di kalangan kita.

Saya beralih kepada Butiran 040100 – Program Mendampingi Pelajar Malaysia di Seberang Laut. Saya bersetuju kalau matlamatnya ialah untuk memberikan penjelasan tentang dasar-dasar negara dan masalah-masalah negara untuk memberi kefahaman kepada pelajar-pelajar kita di luar negara. Saya amat bersetuju dengan pandangan daripada Sipitang yang menggalakkan supaya dilibatkan juga ahli-ahli daripada pembangkang untuk menyertai program-program seperti ini. Malah pembukaan beliau berkenaan dengan Ahli-ahli Parlimen backbenchers dibawa ke Bangsa-Bangsa Bersatu beberapa minggu itu pun seharusnya diberi peluang untuk

ahli-ahli yang lain jika dasarnya ialah untuk membuka kononnya mata kami di pembangkang ini kepada masalah menjadi kerajaan kerana tidak berapa lama lagi kami akan menjadi kerajaan, Insya-Allah. *[Tepuk]*

Tetapi yang saya hendak tekankan di sini ialah bahawa dalam program yang berbelanja RM2 juta ini, kita hendak tahu apakah sebenarnya yang dicadangkan oleh pihak kementerian untuk menggunakan wang tersebut sama ada untuk misalnya di Cambridge dan Manchester dua bulan yang lalu untuk belanja mengangkut pelajar-pelajar daripada seluruh United Kingdom ke Manchester atau ke Cambridge dan mengikuti Perdana Menteri sahaja ataupun program itu akan digunakan dengan lebih penuh manfaatnya untuk memastikan bahawa pelajar-pelajar menerima bahan-bahan fakta berkaitan dengan pergolakan-pergolakan dalam negara kita di Malaysia ini.

Saya beralih kepada Butiran 040400 – Sewaan Pejabat di Putrajaya. Jumlahnya RM41,600,000. Saya tidak faham kenapa di Putrajaya perlu dibayar sewaan untuk pejabat dan jika sewaan untuk satu tahun jumlahnya RM41,600,000, itu saya fikir jumlah sewaan yang amat besar sekali berbanding dengan apa yang dibayar oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Selangor hanya RM200 juta dan RM7 juta setiap tahun. Jadi, nampak sedikit kesongsangan dalam jumlah yang digunakan untuk bayar sewa dengan nilaian sebenar sama ada tanah ataupun bangunan di kawasan Putrajaya ini. Jadi, saya pohon …..

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa cukup.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Okay. Yang terakhir sekali ialah 00100 – Pejabat-pejabat dan Bangunan-bangunan di Seberang Laut.

Saya sekali lagi ingin mengulangi hasrat ramai masyarakat terutama yang pernah belajar di London, United Kingdom berkaitan dengan Dewan Malaysia (Malaysia Hall) di London. Yang Berhormat Menteri pernah menjadi penuntut undang-undang di sana, pernah menjadi Pengurus Bank Bumiputra di London sudah tahu dan faham nilai sejarah dan budayanya tentang bangunan itu, jadi saya memohon Kementerian Luar Negeri untuk memberi perhatian yang berat tentang bagaimana untuk tidak melepaskan bangunan yang bersejarah, yang sebelumnya ini dinamakan Malaya Hall yang mana tokoh-tokoh pejuang kemerdekaan negara kita banyak

menggunakan forum di dewan dan bangunan tersebut untuk memperjuangkan kemerdekaan pada tahun 50-an yang lalu lagi. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Seputeh.

**3.51 ptg.**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Pertama sekali saya terima kasih atas kehadiran Yang Berhormat Menteri dalam sidang ini kerana saya masih ingat dalam sidang belanjawan yang lepas di mana kedua-dua Menteri dan Timbalan Menteri Luar Negeri tidak hadir dalam sidang perbahasan Jawatankuasa di mana Menteri Pembangunan Usahawan yang mengambil alih tanggungjawab untuk menjawab soalan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Rujuk kepada mana satu butiran. Mana satu butiran, Yang Berhormat?

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Tuan Pengerusi, sekarang saya akan masuk dalam Buitran 040200 – Suhakam. Suhakam memang telah menjalankan tugas mereka dengan baik sehingga hari ini dan ia telah menjadikan satu-satu harapan bagi rakyat untuk menuntut keadilan di negara kita.

Saya memang tertarik atas cadangan Suhakam untuk memasukkan pendidikan hak asasi manusia dalam kurikulum sekolah dan juga kursus latihan pasukan polis. Ini memang satu cadangan yang baik dan saya juga ingin mencadangkan selepas mendengar ucapan-ucapan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, bahawa saya rasa kursus hak asasi manusia ini juga haruslah dimasukkan dalam mungkin kursus ataupun seminar untuk Ahli-ahli Yang Berhormat yang berada di Dewan yang mulia ini, khususnya mereka daripada Barisan Nasional yang jarang berpeluang untuk menjalani kursus hak asasi manusia seperti ini.

Sekarang saya beralih kepada Butiran 020200 – Penerangan Dasar, 020300 – Penerangan Luar Negeri, 030100 – Pertubuhan Serantau - Kerjasama ASEAN.

Dalam sidang Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 4 Disember tahun ini iaitu hari Isnin yang lepas, suatu usul yang mengutuk Kerajaan Militeri Burma kerana membenarkan jenayah-jenayah seperti rogol, penyeksaan, buruh paksaan dan pelbagai bentuk keganasan terhadap rakyat dan tokoh politik parti pembangkang berlaku di negara itu diluluskan dalam sidang Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Pada 14 November 2000 majoriti ahli di International Labour Organisation (ILO) mengangkat tangan menunjukkan ketidakpuasan mereka terhadap keadaan kerja di Burma, khususnya terhadap isu buruh paksaan. Kelulusan usul tersebut akan membawa kepada sangsi ataupun sekatan para negara ahli ILO terhadap Kerajaan Burma. Walau bagaimanapun, saya merasa sedih kerana Malaysia bersama-sama dengan Negeri China, Rusia dan India mengangkat tangan menyatakan mereka berpuas hati terhadap keadaan kerja di Burma dan menolak usul tersebut.

Pendirian wakil Malaysia di ILO pun membayangkan sikap penggalakan Malaysia terhadap pelbagai keganasan dan penindasan yang berlaku di Burma, yang mana juga membayangkan pendirian double standard dari segi dasar luar negara kita.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita selalu membuat kritikan yang lantang terhadap negara-negara Barat yang menindas negara-negara yang miskin dan tidak mempedulikan rakyat yang tertindas di Bosnia, Israel dan Iraq. Saya menyeru kerajaan mengadakan suatu dasar luar yang konsisten di mana kita harus menunjukkan keprihatinan kita terhadap golongan rakyat yang tertindas di mana-mana negara di dunia ini termasuk di rantau ASEAN.

Ini bermaksud Kerajaan Malaysia haruslah mengamal dasar luar yang sama terhadap negeri Burma yang mana kerajaannya telah pun membenarkan dan malah melakukan kezaliman terhadap rakyatnya. Sejak parti politik yang diketuai oleh Aung San Suu Kyi, iaitu National League of Democracy (NLD) memenangi pilihan raya umum dengan 82% kerusi majoriti di Parlimen pada tahun 1990, Parlimennya masih belum mengadakan persidangan sehingga hari ini, tetapi sebaliknya, kebanyakan Ahli Parlimen dan pemimpin NLD ditahan dan diseksa oleh kerajaan militari Burma. Aung San Suu Kyi sebagai Setiausaha Agung NLD malah ditegah keluar dari Rangoon dalam tempoh sepuluh tahun ini. Apa yang sedih adalah sekarang beliau sekali lagi diletak di bawah tahanan rumah sejak 22 September tahun ini apabila beliau gagal meninggalkan Rangoon dan adakan satu stand off dengan kerajaan militari. Sehingga hari ini, tiada siapa dibenarkan untuk berjumpa dengan beliau dan tiada siapa tahu keadaannya dia sekarang.

Kerajaan Malaysia haruslah menyuarakan keprihatinan dan sokongan terhadap nasib yang ditimpai oleh Aung San Suu Kyi sekarang. Dalam sidang informal

ASEAN yang keempat yang diadakan di Singapura pada 20 hingga 25 November tahun ini, Menteri Luar Negeri Thai, Surin Pitsuwan menolak pujukan daripada Menteri Luar Burma, Win Aung, untuk menyokong dasar buruh Burma yang membenarkan buruh paksaan di ILO.

Saya menyeru Kerajaan Malaysia supaya mencontohi Negeri Thai dalam dasar luar kita terhadap Burma, yang telah pun membangkitkan cadangan flexible engagement untuk menggantikan dasar tidak campur tangan dalam hal ehwal dalaman negara ASEAN, dan juga cadangan beliau untuk menggantikan dasar constructive engagement kepada flexible engagement terhadap Burma ini.

Sehubungan dengan itu, saya ingin menyeru kesemua Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, untuk menyokong kempen tandatangan sedunia yang menyeru kerajaan militari Burma untuk membuka semula Parlimen di Burma, yang dilancarkan oleh kerajaan buangan Burma iaitu National Coalition Government of the Union of Burma (NCGUB).

Saya ingin merujuk juga kepada Mesyuarat Asia dan Eropah (ASEM). Saya ingin mencadangkan bahawa kerajaan juga menggalakkan kehadiran Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini untuk mengadakan sesi dialog dengan Ahli-ahli Parlimen di rantau ASEAN dan juga dengan negara-negara Eropah supaya merapatkan hubungan dan persefahaman di antara Ahli-ahli Parlimen di rantau ASEAN dan juga Eropah.

Saya juga ingin menyeru kerajaan untuk menyokong cadangan untuk memasukkan dimensi ataupun klausa sosial dalam mesyuarat ketua-ketua negara di dalam Mesyuarat ASEM yang termasuk perbincangan dalam isu hak asasi manusia, alam sekitar dan demokrasi dan bukan hanya tertumpu pada hal ehwal pelaburan dan ekonomi sahaja. Klausa sosial ini telah pun disetujui oleh Kerajaan Korea Selatan. Saya ingin menyeru Kerajaan Malaysia juga menyokong cadangan memasukkan klausa sosial dalam Mesyuarat ASEM tersebut.

Selain itu, saya juga menyeru pemimpin kerajaan supaya menyemak diri semasa membuat ucapan dasar luar kita. Kerajaan kita selalu mengkritik negara-negara Barat bercampur tangan dalam hal ehwal dalaman negara kita, tetapi bagi pihak yang lain, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bercampur tangan pula dalam pemilihan Presiden di Amerika Syarikat di mana beliau berkata hubungan dua

hala di antara Malaysia dan Amerika Syarikat akan terjejas sekiranya Al Gore menang dan kenyataan ini dibuat sebelum rakyat Amerika Syarikat membuang undi mereka. Bukankah kenyataan ini juga merupakan kenyataan bercampur tangan dalam urusan politik dalaman di Amerika Syarikat.

Selain itu, …

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Shah Alam bangun.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Berilah laluan, kalau tidak takut. Kalau saya boleh faham maksud Yang Berhormat Seputeh ini bahawa Yang Berhormat Kubang Pasu, Perdana Menteri ini campur tangan dalam pilihan raya Presiden Amerika yang baru-baru ini dan adakah ini bermaksud bahawa telah terbukti dan nyata bahawa Kubang Pasu ini seorang pemimpin yang terkemuka dan unggul dalam dunia ini, fasal Al Gore kalah. Kalau macam itu 'bet'lah, jadi saya jemput Yang Berhormat masuk Barisan Nasional.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Saya rasa ini satu soalan yang kurang baik, saya pun tidak faham apa yang ……. *[Ketawa]*

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Kalau tidak fahamkah ataupun pemahaman bahasa Melayu Yang Berhormat Seputeh ini tidak cukup lengkap ini, tidak cukup baik.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat kalau tidak faham macam mana …..

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Bukan, saya ambil satu contoh, apakah perasaan Ahli Yang Berhormat dari Shah Alam sekiranya satu hari Presiden Amerika Syarikat berkata sebelum pilihan raya umum negara kita, bahawa Barisan Alternatif haruslah menang dalam pilihan raya umum Malaysia, kalau tidak, hubungan dua hala di antara Malaysia dan Amerika Syarikat akan terjejas. Tentu Shah Alam akan rasa marah.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Yang Berhormat, orang kata submit to the principle of democracy freedom of expression, freedom of opinion. Kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendak melahirkan pandangan dan cita rasa peribadi dia, kepada apa-apa pun masalah, adakah itu satu kesalahan ataupun campur tangan urusan negara lain?

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Kalau mengikut apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Shah Alam ini, kenapakah negara kita dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri begitu marah apabila Al Gore datang ke Kuala Lumpur dan memuji mereka yang menyokong reformasi dan bekas Timbalan Perdana Menteri itu sebagai orang yang gagah berani. *[Tepuk]*. Kenapa adakan itu kempen tandatangan, adakan *banner* di sana-sini, adakan talian khas untuk menerima bantahan daripada rakyat jelata?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa pun cukup.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Boleh, sedikit. Kalau Yang Berhormat .....

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Nanti tanya Yang Berhormat Menteri. *[Ketawa]*

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Cukup, cukup. Yang ini.....

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Ya, saya ingin teruskan. Ada sedikit sahaja. Selain itu, semasa kerajaan menyalahkan tokoh parti pembangkang mencemarkan nama baik Malaysia di luar negeri hanya kerana mereka membentangkan realiti politik negara kita kepada orang luar, jadi apakah pendirian Kementerian Luar Negeri terhadap ucapan yang pernah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mengkritik Allahyarham Tunku Abdul Rahman di Melbourne dan juga di Filipina selepas beliau dipecat daripada UMNO dan kerajaan? Apa kah kerajaan juga membidas kenyataan yang pernah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah lepas itu?

Sekian, terima kasih.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** *[Bangun]*

**Tuan Husam bin Haji Musa:** *[Bangun]*

**Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya ingat dua orang sahaja.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** 15 minit seorang. Pasal tinggal dua orang sahaja, 20 minit seorang.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Jeli.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ya?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Jeli.

**4.03 ptg.**

**Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Assalamualaikum Wwarahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Dewan sekalian.

Seterusnya saya ingin merujuk B.51 di bawah Butiran 020300 - Penerangan Luar Negeri. Kira-kira 10 tahun dahulu negara kita cukup masyhur. Kemasyhuran Malaysia ini tambah pula berada dalam satu kumpulan yang dinamakan ASEAN. Pada ketika itu negara-negara ASEAN belum lagi diturut serta oleh Myanmar, Cambodia dan Vietnam. Pada waktu itu yang terlibat menyertai negara-negara ASEAN ialah Thailand, Singapura, Malaysia, Indonesia, Brunei Darussalam dan Filipina. Tetapi pada waktu kita lihat keyakinan pelabur-pelabur luar dan berkeyakinan pemimpin-pemimpin luar negara kepada Malaysia dan juga kepada ASEAN dibuktikan bila mana pelaburan terutama pelaburan jangka panjang ataupun FDI dengan izin, dan juga pelaburan jangka pendek dalam sektor-sektor Bursa Saham negara-negara di dalam Asia Tenggara, mereka membawa masuk wang yang begitu banyak sehinggakan pada waktu itu Malaysia merupakan negara yang terbesar sekali mendapat FDI di kalangan negara-negara ASEAN pada ketika itu.

Bahkan pernah berlaku pada waktu itu dagangan harian di Bursa Saham Kuala Lumpur untuk beberapa ketika melebihi jumlah dagangan harian di Bursa New York, pernah berlaku pada sekitar 1993. Itu cerita dahulu. Tetapi selepas daripada kita membawa masuk negara Myanmar, Cambodia dan Vietnam sebagai anggota-anggota negara ASEAN, kita dapati bahawa kedudukan kita dan juga dengan ASEAN itu sendiri tidak begitu teguh, tidak begitu dihormati di kalangan pemimpin-pemimpin dan penganalisis politik antarabangsa. Ini ditambah pula seluruh dunia tahu bagaimana Myanmar terang-terang menafikan hak demokrasi itu sendiri. Mereka habis-habisan tidak mahu membenarkan demokrasi hidup di Myanmar itu sendiri, bila mana kita melihat bahawa semasa cuba diadakan pilihan raya, cuba diadakan pilihan raya di Myanmar, Parti Aung San Suu Kyi telah menang besar tetapi telah tidak diterima oleh Junta tentera Myanmar. Tetapi kenapa kita sebuah negara yang mengamalkan demokrasi dan negara-negara anggota ASEAN yang lain juga mengamalkan demokrasi sanggup menerima salah sebuah negara yang terang-terang

menolak demokrasi menjadi anggota di dalam negara ASEAN. Sudah semestinya seekor kerbau membawa lumpur, habis semua terpalit, itu kaedah yang biasa. Sebab itu kita mesti mengkaji balik kedudukan Myanmar ini di dalam negara ASEAN kerana kita lihat bahawa Perdana Menteri kita sangat lantang, cukup lantang mengkritik ketidakadilan, mengkritik negara-negara juara demokrasi dunia yang hanya mengamalkan demokrasi di peringkat mereka tetapi tidak di peringkat-peringkat negara-negara membangun.

Jadi, kita melihat bahawa kalau Perdana Menteri kita boleh mengkritik negara-negara besar dunia dari sudut demokrasi, kenapakah Perdana Menteri kita sendiri sanggup menerima sebuah negara yang terang-terang tidak menerima demokrasi di dalam negara kita? Sebab itu saya melihat bahawa imej negara kita agak sedikit terencat. Bukan sedikit, saya hendak guna perkataan sedikit, agak terencat selepas pada peristiwa 1997. Banyak artikel-artikel yang kita tidak pernah temui sebelum ini. Walaupun kita banyak ke luar negara kita tidak pernah temui artikel-artikel, rencana-rencana sama ada di *Asiaweek, Far Eastern Economic Review* dan mana-mana majalah antarabangsa sendiri pun sama ada akhbar-akhbar versi Inggeris negara-negara lain yang menceritakan tentang keburukan ataupun amalan tidak sihat yang berlaku dalam negara kita. Tetapi selepas peristiwa 1997, keadaan sebaliknya telah berlaku dan yang paling menyedihkan bila mana mereka mempertikaikan tentang sistem kehakiman di dalam negara kita sendiri.

Ini bukanlah satu *dakyah* yang cuba dibawa oleh pemimpin-pemimpin pembangkang kerana kita memang kalangan ahli-ahli politik pembangkang, memang kita dengan sendiri beritahu terus terang kita tidak mempunyai kekuatan wang untuk pergi ke luar negeri untuk menceritakan perkara-perkara seperti sebegitu rupa. Kita tidak pernah menceritakan keburukan negara di luar negara kerana kita sememangnya berhasrat bercita-cita hendak tinggal di Malaysia kerana kalau tiada kepercayaan kerajaan, cubalah buktikan mana ada pemimpin-pemimpin terutama daripada pembangkang yang mempunyai harta, yang mempunyai wang di luar negara tetapi kita tidak tahu sama ada pemimpin-pemimpin pihak kerajaan ada ataupun tidak rumah-rumah dan wang-wang di luar negara.

Mengikut apa yang diberitahu oleh bekas Timbalan Menteri, jelas bahawa pemimpin-pemimpin negara kita mempunyai wang, mengeluarkan wang dan yang begitu besar ke luar negara. Tetapi kita barisan pembangkang tetap menyatakan bahawa negara kita negara Malaysia dan kita ingin tinggal dan hidup selama-lama di Malaysia sampai kita menemui akhir hayat kita.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Sri Gading, bangun.

**Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad:** Okay, sila.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Soal hendak memburuk-burukkan nama negara di luar negara ini tidak perlu hendak duit banyak, kita pun tahu beberapa tahun yang lepas dan beberapa bulan yang lalu, pemimpin-pemimpin pembangkang pergi ke luar negara, pergi ke negara-negara di luar daripada negara kita memburuk-burukkan kepemimpinan dan negara kita. Jadi, itu bukannya satu perkara yang boleh kita tutup sudah menjadi kenyataan. Saya minta komen sedikit.

**Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih, di atas soalan tersebut. Kita mesti beza antara negara dengan pemimpin. Itu dua perkara yang berbeza. Sudah semestinya kami daripada pembangkang ada beberapa perkara yang tidak bersetuju dengan pemimpin kerajaan. Umpamanya, apakah Yang Berhormat Menteri Luar akan menceritakan tentang kebaikan Tuan Guru Nik Aziz di Dewan ini ataupun menceritakan tentang kebaikan Menteri Besar Terengganu? Sudah semestinya semasa berceramah di tempat-tempat awam, di kalangan-kalangan penyokong mereka, mereka tetap tidak mengaku kebaikan Tuan Guru Nik Aziz ataupun Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang, itu tentang individu. Tetapi tentang negara, kita minta bukti daripada pihak Kementerian Luar Negeri tentang bagaimana Ezam memburukkan negara, itu kita mahu bukti di Dewan ini, jangan hanya baling batu, sembunyi tangan. Kalau dia memburukkan Perdana Menteri, itu mungkin ada kena-mengenanya kerana dia mengikut apa yang Perdana Menteri telah buat pada 1970-an dahulu. Jadi, kalau itu salah maka kita pertama sekali mengutuk apa yang Perdana Menteri kita buat dahulu, itu mesti beza. Sekarang dalam Dewan yang mulia ini, kita mesti bezakan antara individu dengan negara. Jadi, sekarang kita tidak mahu

lagi menuduh, mengkritik pemimpin itu biasa tetapi jangan menghina negara. Itu kita tidak benarkan sama sekali.

Kemudian kita pergi kepada Butiran 040100....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, kita ada berada di Peringkat Jawatankuasa, jadi tumpukan pembahasan kepada peruntukan ini, kita mohon.

**Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memperingatkan saya.

Seterusnya kita pergi kepada Butiran 040100 - Program Mendampingi Pelajar Malaysia di Seberang Laut. Ini melibatkan peruntukan RM2 juta. Program ini akan menjadi baik sekiranya pihak kementerian atau menteri-menteri kerajaan tidak menyalahgunakan kedudukan kerana apa yang kita perhatikan mengikut trend yang lepas-lepas, selepas mereka pergi mungkin atas *platform* kerajaan menghadiri mesyuarat tetapi selepas itu mereka menggunakan trip yang sama, lawatan yang sama untuk bertemu dengan Kelab-kelab UMNO sama ada di London, Kaherah dan juga Washington.

Ini saya fikir tidak adil kerana lawatan tersebut dibiayai oleh wang rakyat, wang negara tetapi menteri-menteri di pihak kerajaan telah menggunakan kesempatan itu untuk bertemu dengan Kelab-kelab UMNO di London. Sebab itu kita kena jelas bila mana kita menjadi menteri, kita adalah menteri rakyat Malaysia, sama ada rakyat Malaysia itu UMNO, PAS dan sebagainya. Kita bukan menteri untuk orang UMNO sahaja. Sebab itu saya memohon, saya rasa tidak jelas kenapakah Kelab-kelab UMNO dibenarkan, diwujudkan di luar-luar negeri? Apakah sah untuk Kelab-kelab UMNO diwujudkan di luar negeri? Kalau Kelab-kelab UMNO sah diwujudkan di luar negeri maka kerajaan hendaklah mengakui dan menerima juga maka sahlah juga untuk diwujudkan Kelab-kelab PAS di luar negeri. Cuma yang sedihnya sekarang kebanyakan pertubuhan-pertubuhan pelajar di mana-mana sama ada di dalam Malaysia, luar Malaysia, pertubuhan-pertubuhan itu semasa pilihan raya pertubuhan-pertubuhan pelajar itu hampir-hampir 100% dimenangi oleh ahli kelompok yang menyokong, yang selari dengan perjuangan Barisan Alternatif sekarang ini.

Seterusnya kita pergi kepada Butiran 030000 - Perhubungan Pelbagai Hala. Saya ada terbaca satu artikel di dalam *Majalah Rabitah* dan juga satu akhbar yang dibawa pulang daripada Mekah, *Riyadh Daily* kah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad:** Sedikit. *Riyadh Daily* yang meminta negara-negara yang menghadiri Persidangan OIC itu supaya memutuskan hubungan - kalau benar kenyataan akhbar itu, memutuskan hubungan dengan mana-mana negara yang menyokong negara haram Israel, bukan yang menyokong terutamanya Amerika Syarikat. Jadi, sehubungan itu izinkan saya membaca sebuah Firman Allah S.W.T yang berbunyi *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* yang bermaksud, *"Maha suci Tuhan yang telah menjalankan hambanya di malam hari daripada Masjidil Haram, Mekah ke Masjidil Aqar di Baitulmaqdis dan diberkati sepanjang perjalanan tersebut sebab itulah sebagai tanda-tandanya. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat".*

Jadi, kita minta kerajaan menimbangkan balik mana-mana selepas ini sama ada pasukan kriket kah, sama ada pasukan kebudayaan kah, sama ada pasukan ping-pongkah daripada Israel dalam apa juga bentuk, jangan sama sekali membenarkan datang ke negara kita barulah nampak benar-benar kita tidak bersetuju dengan negara entiti haram Israel tersebut. Kalau kita iktiraf pasukan hoki itu, kalau kita iktiraf pasukan kriketnya, automatik kita mengiktiraf negara Israel itu sendiri.

Sekian, terima kasih.

**4.14 ptg.**

**Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk Butiran 030300 - Perhubungan Antarabangsa.

Saya yakin bahawa peruntukan ini ialah untuk meningkatkan kemesraan dan hubungan antarabangsa yang baik di antara negara kita dengan negara-negara yang lain. Tetapi sejak akhir-akhir ini disebabkan oleh kenyataan-kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, telah menjadikan hubungan negara kita dengan negara-negara lain telah menjadi lebih hambar. Saya merujuk apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka yang terakhir sekali ialah kenyataan Perdana

Menteri dua hari yang lalu, terdapat negara-negara Islam yang telah menyokong pembangkang di Malaysia untuk menjatuhkan kerajaan yang ada. Saya yakin bahawa kenyataan ini adalah kenyataan politik bahawa Yang Berhormat Menteri Luar Negeri tidak boleh membuktikan dalam Dewan ini adanya negara-negara Islam yang telah membantu pembangkang bagi menjatuhkan kerajaan di Malaysia.

Walaupun Dewan ini berhak untuk mendapatkan penjelasan, manakah negara yang telah membantu pembangkang seperti yang dimaksudkan oleh Perdana Menteri. Sebelum daripada ini, Perdana Menteri telah membantai negara-negara Barat bahawa negara-negara Barat telah berniat jahat untuk menghancurkan negara kita dalam politik, ekonomi, kewangan dan lain-lain. Kesemua kenyataan-kenyataan ini sudah tentu akan merosakkan kebijaksanaan politik dan diplomasi yang telah dibina sekian lama, yang telah meletakkan negara kita dalam arena diplomasi sebagai sebuah negara yang dihormati sebelum daripada ini.

Kenyataan-kenyataan inilah yang telah merosakkan bukannya para pembangkang yang telah merosakkan negara kita. Oleh kerana itu jika ingin menilai semula kedudukan kita dalam arena antarabangsa, maka yang perlu dilakukan ialah mencerminkan diri kerajaan sendiri terlebih dahulu. Saya berharap kenyataan-kenyataan provokatif di peringkat antarabangsa ini dihentikan supaya kebijaksanaan diplomatik kita dapat dijaga dengan lebih baik pada masa-masa akan datang.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Saya hendak tanya sikit, adakah Yang Berhormat Kubang Kerian sedar, baru-baru ini nampaknya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bukan sahaja hentam negara Barat, beliau juga baru-baru ini hentam negara Islam dan beliau baru-baru ini juga hentam komuniti dalam negara kita seperti Dong Jiao Zhong, adakah ini mencerminkan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mempunyai satu *pitch mentality.*

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Jika saya kata ya kepada Yang Berhormat, saya akan dianggap sebagai terlalu pesimis dengan Perdana Menteri tetapi secara matang saya rasa sudah tiba masanya untuk komuniti negara kita mengkaji dan menilai adakah Perdana Menteri masih layak untuk kekal sebagai Perdana Menteri dengan keseluruhan senario yang ada di hadapan kita.

Saya menyuarakan ini secara ikhlas, saya menyuarakan ini atas kepentingan negara kita bahawa kepentingan negara kita mesti lebih diutamakan daripada mana-mana orang dan mana-mana pihak. Jika Yang Berhormat Kota Melaka hendak mendesak saya selangkah lagi, saya berani menyebut dalam Dewan ini, saya berpandangan bahawa sudah tiba masanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengundurkan diri sebagai Perdana Menteri *[Tepuk]* kerana *cause* yang telah diakibatkan oleh kenyataan-kenyataannya adalah memudaratkan negara dalam semua aspek dan segi. Adakah saya masuk tajuk ini?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, adakah butiran yang lain ingin membangkitkan? Kalau tidak ada, ada Ahli Yang Berhormat lain ingin berucap.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** *[Ketawa]* Ya, ya, saya akan masuk butiran lain, Tuan Pengerusi.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Minta penjelasan, Tuan Pengerusi.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Tidak, tidak, kalau saya teruskan, nanti masuk butiran yang sama. *[Ketawa]*

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Penjelasan, penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Dia hendak minta penjelasan.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Boleh bagi? Boleh bagi ya? Okay.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Terpulang kepada Yang Berhormat.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya hendak minta penjelasan kepada Kubang Kerian. Kewujudan konspirasi setengah-setengah kelompok Barat terhadap kita atau terhadap Islam atau terhadap negara ASEAN atau terhadap wilayah ini, memang wujud tetapi hanya boleh dibuktikan menerusi bukti-bukti yang *circumstantial*. Jadi dalam hal ini, tidakkah Saudara menaruh sedikit rasa apa orang kata, meletak satu rasa syak bahawa sebahagian yang terjadi kepada negara ini bukan akibat kenyataan-kenyataan Perdana Menteri tetapi juga adalah akibat *intensified* yang mana satu gerakan konspirasi yang diperhebatkan lagi terhadap negara ini. Mungkin oleh kerana kewujudan senario-senario yang menjadi orang kata *suitable*

*bet,* hendak menjadi satu wadah yang sesuai dirasai pada hari ini untuk memanjangkan agenda-agenda itu sendiri, terima kasih.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Sebelum saya memberikan reaksi kepada Parit Sulong, saya berharap Yang Berhormat Menteri Luar dapat menjelaskan apakah tindakan yang telah ataupun dirancangkan akan diambil terhadap negara-negara Islam yang telah dikatakan membantu pembangkang seperti Kota Melaka adakah nota bantahan telah dihantar, adakah kita akan menarik duta-duta kita dan kenyataan ini telah saya rasa mengejutkan diplomat-diplomat yang ada di Kuala Lumpur dan memberikan kesan perhubungan dalam jangka panjang dan rakyat berhak untuk mendapatkan penjelasan yang menyeluruh terhadap perkara ini dan jangan meletakkan pembangkang dalam satu keadaan pertuduhan yang tidak diberi kesempatan untuk membela diri. Jika tidak, kita akan beranggapan ini hanyalah memenuhi *domestic political purpose* Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan memperjudikan kedudukan negara bukan sahaja dalam negeri bahkan di peringkat antarabangsa dan trend ini adalah sangat membimbangkan, sangat membahayakan, sangat merugikan.

Saya beralih kepada 040200 – Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam). Saya merujuk kepada apa yang telah dinyatakan oleh Tan Sri Anuar Zaini, salah seorang daripada Ahli Suruhanjaya ini bahawa pihak kerajaan pada mulanya telah menjanjikan kakitangan seramai 31 orang tetapi sehingga kini Suhakam baru mendapat kakitangan seramai 7 orang dan ini telah menyebabkan Suhakam mengalami kekurangan untuk berfungsi secara berkesan dan saya berharap Yang Berhormat Menteri Luar dapat mengambil perhatian dengan seberapa segera dan saya yakin peruntukan RM5.4 juta yang diberikan pada Suhakam dalam Belanjawan ini adalah kecil memandangkan tugas dan tanggungjawab Suhakam adalah besar.

Saya merujuk kepada apa yang telah terjadi dalam sesi *inquiry* yang pertama ke atas perhimpunan yang tidak diberikan izin, berlainan dengan perhimpunan haram. Perhimpunan yang tidak diberikan izin padahal dia patut mendapat izin adalah berbeza daripada perhimpunan haram yang telah berlaku di Jalan Kebun pada 5 November di mana Suhakam telah mengadakan satu *inquiry* dan telah meminta kerjasama polis dalam beberapa perkara seperti yang kita semua tahu, polis telah tidak

hadir dan tidak bekerjasama terhadap perkara-perkara yang telah dimaklumkan pada mereka untuk diberikan kerjasama.

Saya ingin mendapat penjelasan Yang Berhormat Menteri, adakah perkara ini telah dibangkitkan dalam Kabinet dan Kementerian Luar bagi pihak Suhakam mencapai satu persetujuan dengan Kementerian Dalam Negeri supaya polis diarahkan memberikan kerjasama kepada Suhakam. Ini adalah satu contoh bahawa yang menjadikan Suhakam tersepit, bukan pembangkang, bukan siapa, ialah sikap kerajaan itu sendiri. Saya bersetuju dengan Parit Sulong supaya satu pendidikan diberikan tetapi pendidikan itu bukan kepada public, tidak perlu sangat kepada public. Pendidikan itu adalah kepada pemimpin-pemimpin kerajaan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Masa cukup, Yang Berhormat.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Saya ikut jam saya baru 8 minit, Tuan Pengerusi. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Masa akan datang. *[Ketawa]*

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Saya menggulung sekarang, Tuan Pengerusi. Ya, saya sekarang sedang menggulung. Saya berharap kementerian ini dapat membangkitkan perkara ini dalam Kabinet dan mengarahkan polis untuk bekerjasama dan ini akan memberikan satu contoh bagaimana kerajaan menghormati Suhakam dan menghormati hak-hak asasi manusia.

Saya juga suka menarik perhatian Yang Berhormat bahawa hak asasi manusia lebih tinggi daripada perisytiharan atau deklarasi Bangsa-Bangsa Bersatu. Ia adalah satu perkara yang asasi dalam ajaran Islam itu sendiri. Bila kita bercakap tentang hak asasi, kita bercakap tentang hak yang kita kena tunaikan supaya tanggungjawab kita di hadapan Allah S.W.T. dapat kita selesaikan dan hak asasi sangat dipentingkan dalam Islam.

Oleh kerana masa yang terhad, saya tidak bercadang untuk menjelaskannya satu persatu tetapi apabila kita melaksanakan hak asasi ini ataupun kita telah dianggap mencabul mana-mana pihak, maka kita mestilah meletakkan perasaan takut dan gerun kepada pertanggungjawaban kita dengan Allah S.W.T. Ini yang paling penting, jika perasaan ini wujud, saya yakin bahawa satu, keadaan sinergi, keadaan penyelarasan di antara tuntutan kebebasan dan perlaksanaan hak-hak oleh rakyat dengan perlaksanaan

hak-hak oleh kerajaan akan dapat diselaraskan dan pada waktu itu kita tidak perlu bergaduh, satu pihak melanggar hak-hak asasi pihak yang lain ataupun menafikan hak asasi pihak yang lain kerana kita semua bertanggungjawab kepada Allah S.W.T dalam memenuhi sama ada hak kita sebagai rakyat ataupun hak kerajaan ke atas rakyat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ya? Tidak boleh langgar sikit-sikit lagi?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Peraturan perlu dipatuhi.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Tolong bagi ya, *[Ketawa]* Kuala Kedah.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya belum membenarkan *[Ketawa]* Kuala Kedah. Selepas ini Menteri menjawab.

**4.25 ptg.**

**Tuan Mohamad bin Sabu [Kuala Kedah]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. 020100 – Hubungan Dua Hala Politik dan Ekonomi. Kita boleh akui dan sedikit kita kata beri, bukan sedikit, banyak pun tidak apa ujian kepada kerajaan tentang peranan yang dimainkan di Bosnia dahulu terutama membantu pelarian-pelarian dan menjaga keselamatan rakyat Bosnia. Peranan Malaysia dalam hal Bosnia ini alhamdulillah agak baik tetapi saya tidak berani puji Menteri sebab dulu yang saya puji, semua tidak jadi calon.

Saya puji Balik Pulau, Balik Pulau tidak jadi calon, saya puji Padang Terap, Padang Terap pun tidak jadi calon, saya puji Kuala Pilah, Kuala Pilah tidak jadi calon. Jadi sekarang pembangkang, kami hendak hentam sahaja, kalau puji tidak jadi calon *[Ketawa]* Sebab itu ada yang baik pun kami kata tidak baik kali ini sebab kalau puji Perdana Menteri tidak senaraikan sebagai calon. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, peranan kita di Bosnia-Herzegovina….

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, mengapa Yang Berhormat tidak berani pandang ke sini. *[Ketawa]*

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Sekarang saya pandang. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, pandang ke sini. *[Ketawa]*

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Peranan di Bosnia-Herzegovina tentera-tentera kita yang pulang bertugas di sana ada di antara mereka yang boleh membaca Quran di peringkat basis tetapi mereka ajar anak-anak Bosnia ini belajar Al-Quran . Apa salahnya selepas perang ini Kementerian Luar kirim ustaz-ustaz kita, guru-guru Quran kita kepada penduduk Bosnia kerana ada di antara mereka yang tidak boleh baca langsung Al-Quran yang mereka ini hanya tinggal nama Islam sahaja.

Kalau kerajaan beri galakan termasuk orang-orang NGO misalnya, ustaz-ustaz yang hendak pergi, pihak Kementerian Luar boleh sedia tambang, tempat tinggal dan sebagainya, adakah tidak boleh diadakan usaha ini untuk kita menolong kawan-kawan ataupun sahabat-sahabat kita di Bosnia yang begitu dahagakan ilmu ataupun cara membaca Al-Quran.

Tuan Pengerusi, satu pelarian yang dapat publisiti misalnya pelarian Afghanistan, pelarian Bosnia-Herzegovina maka ramailah pihak antarabangsa menolong, NGO-NGO di peringkat antarabangsa dan juga negara-negara Barat. Bagaimana pelarian yang kurang mendapat publisiti misalnya pelarian di Selatan Filipina, hasil daripada serangan yang dibuat oleh kerajaan Estrada, kita dapat tahu bahawa lebih kurang satu juta terutamanya umat Islam menjadi pelarian di sana dan mereka tinggal di khemah-khemah, bantuan antarabangsa adalah terlalu kurang.

Bagaimana sikap Malaysia bila pelarian di dalam negeri berlaku iaitu kita hubungan baik dengan Filipina dalam negara ASEAN tetapi pelarian-pelarian di Selatan Filipina begitu banyak sekali. Kalau ada badan-badan NGO yang hendak membantu mereka menghadapi masalah sedikit sebanyak dengan Kerajaan Filipina sedangkan pelarian-pelarian itu begitu teruk, begitu ramai, mereka meninggalkan kampung halaman hasil daripada serangan bertubi-tubi yang dilancarkan oleh pihak pemerintah Filipina itu sendiri.

Begitu juga Tuan Pengerusi, pelarian dalam negeri juga iaitu pelarian Rohingya masih lagi teruk, masih lagi hebat dan negeri yang terdekat dengan mereka adalah Bangladesh. Kalau mereka lari ke Bangladesh, rakyat Bangladesh pun banyak lari ke sini. Jadi bagaimana usaha kita untuk membantu pelarian-pelarian Rohingya yang masih lagi banyak berada di sempadan antara Burma dengan Bangladesh sebab kadangkala kita lihat di dunia ini pun pelik. Ada pelarian yang dapat publisiti, ada

kekecohan politik yang dapat publisiti, ada yang tidak dapat publisiti. Misalnya kalau perjuangan kemerdekaan di Timor Timur begitu hebat dapat publisiti di negara Barat tetapi kalau perjuangan di Rohingya kurang mendapat publisiti.

Begitulah juga perjuangan rakyat Acheh untuk mencapai pemerintahan sendiri agak kurang mendapat publisiti walaupun kita lihat kejadian pembunuhan, seksaan yang berlaku di Timor Timur itu lebih dahsyat lagi berlaku di Acheh dan kebelakangan ini sahaja baru didedahkan di peringkat antarabangsa, kezaliman dan kekejaman yang berlaku di Acheh.

Jadi, di samping kita bersahabat dengan negara Barat dan negara Barat ini sudah tentu ada agenda mereka tersendiri, kenapa satu tempat pergolakan politik diberi publisiti yang cukup hebat, satu tempat pergolakan politik direndahkan publisiti dan pelarian yang banyak kadangkala pun tidak ditolong dengan begitu hebat. Begitulah juga pelarian di Chechnya yang kita lihat mereka masih lagi menderita dalam perjuangan mereka. Kita bukan bincangkan soal tentera, askar tetapi rakyat jelata. Apakah usaha-usaha Malaysia dalam membantu mereka.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, tentang Palestine ini, sampai bila mereka hendak baling batu untuk menghadapi tentera yang lengkap bersenjata. Apakah tidak ada usaha di kalangan OIC supaya mereka menghadapi kezaliman itu dengan kekuatan yang agak setimpal. Memang sudah ada dalam kamus pemikiran rakyat di atas muka bumi ini bahawa Yahudi satu bangsa yang tidak boleh dikalahkan. Mereka adalah tentera yang paling hebat di atas muka bumi ini, tetapi kebelakangan ini kita lihat Hizbullah dengan kekuatan persenjataan dan keimanan berjaya mengalahkan Israel, bahkan Israel undur daripada Selatan Lubnan dengan kekalahan dalam medan tempur. Ertinya tentera Israel ini boleh dikalahkan jikalau orang Palestine bersedia berjuang dan mempunyai kelengkapan senjata seperti sedikit sebanyak yang dimiliki oleh Hizbullah.

Tidak adakah OIC berusaha ataupun mana-mana negara yang hendak memberi senjata kepada Palestine ini tidak ada halangan di negeri-negeri sempadan…..

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Aman.

**Tuan Jimmy Lim Donald:** Terima kasih, saya ingin minta penjelasan dari Yang Berhormat. Semasa menyenaraikan rakyat yang ingin meminta kebebasan, mengapa Yang Berhormat tidak menyenaraikan rakyat yang berperasaan sebegitu juga dari Irian Jaya.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Irian Jaya, hendak sebut semua panjanglah. Pola Syrio, Irian Jaya, Nigeria, saya sebut secara umum. Irian Jaya lagi satu, dapat publisiti yang hebat kalau dibandingkan dengan Acheh. Di sini kita kena lihat, kena tanya kenapa Irian Jaya, Timor Timur publisitinya begitu hebat kalau dibandingkan dengan Acheh ataupun Selatan Filipina yang pelariannya begitu dahsyat sekali.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya harap OIC, mana-mana negara yang bersedia untuk membekalkan senjata kepada golongan Palestine ini terutama sekali golongan Hamas ataupun golongan jihad Islam, mereka ini kita ingat sebab selama-lamanya kita tidak boleh melihat kanak-kanak ditembak, wanita dibunuh, orang tua dibunuh dengan keangkuhan kekuatan senjata yang ada kepada mereka. Oleh itu, kita harap Malaysia yang aktif dalam OIC lebih hebat memainkan peranan untuk membela orang-orang yang tertindas di atas muka bumi sama ada Timor Timur, Irian Jaya, Pattani, Kashmir, Acheh dan lain-lain lagi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri di minta menjawab.

**4.35 ptg.**

**Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]:** Tuan Pengerusi, izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi *[pembesar suara tidak dibuka]* Larut, Kuala Terengganu, Parit Sulong, Sri Gading, Kota Melaka, Sipitang, Tebrau, Seputeh, Tumpat, Jeli, Kubang Kerian dan juga yang akhir daripada Kuala Kedah yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan belanjawan semasa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2001 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2001, di peringkat Jawatankuasa daripada 16 November hingga 6 Disember yang mana telah menyentuh beberapa perkara di bawah Kementerian Luar Negeri.

Ahli Yang Berhormat bagi Larut menyentuh berkenaan pelantikan Duta Pesuruhjaya kita di luar negeri supaya mereka mengambil kira perkembangan semasa dalam menjalankan bidang tugas mereka. Kementerian Luar Negeri sememangnya mengambil perhatian yang serius dan teliti di dalam pelantikan seorang Duta ataupun Pesuruhjaya Tinggi ataupun Ketua Perwakilan kita di luar negeri, di mana kita akan mengambil kira pendekatan bukan sahaja dari segi diplomasi tetapi kemampuan dalam segi bahasa, ekonomi, politik dan perkara-perkara yang membolehkan seorang duta ataupun perwakilan kita melaksanakan tugas dengan baik dan sempurna.

Yang Berhormat bagi Larut juga membangkitkan persoalan berkenaan isu Malaysia di dalam isu Palestine sehingga membawa kepada peranan kita di Bangsa-bangsa Bersatu dan di OIC. Sebagaimana kita semua maklum, Tuan Pengerusi, Malaysia telah memainkan peranan penting dalam isu Palestine di arena antarabangsa terutamanya di OIC, di PBB. Malaysia telah menyokong perjuangan Palestine dan mendesak masyarakat antarabangsa supaya menekan rejim Israel mematuhi segala resolusi PBB untuk menentukan bahawa kawasan Palestine yang ditakluk oleh mereka semenjak 1997 dan 'Al Qusha Shariff' dijadikan sebagai ibu negara Palestine, sebagai sebuah negara yang merdeka. Sebagai ahli bukan tetap Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu, peranan Malaysia ini dirasai dan disegani oleh semua pihak walaupun mungkin ada pihak yang tidak menyenanginya.

Dasar kita ialah bukan dasar yang berasaskan kepada hipokrasi ataupun kita melaksanakan dengan tidak bersungguh-sungguh. Ianya dilakukan dengan penuh kepercayaan di atas kebenaran dan perkara-perkara yang hak. Kita sering mempersoalkan mengapa negara-negara Barat dan kuasa besar yang sering kita mengambil kira pendapat mereka. Apabila bercakap berkenaan resolusi Bangsa-bangsa Bersatu, mereka hendak melaksanakan resolusi Bangsa-bangsa Bersatu tetapi apabila tiba kes untuk ke Israel, resolusi Bangsa-bangsa Bersatu tidak dilaksanakan oleh Israel tetapi tindakan tidak diambil. Inilah double standard yang Malaysia suarakan supaya dihapuskan dan tidak dilakukan dan negara Palestine patut tertubuh dan menjadi sebahagian daripada ahli Bangsa-bangsa Bersatu.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu telah membangkitkan berkenaan ASEAN, berkenaan dasar yang dikatakan bahawa dasar ASEAN tidak mencampuri hal ehwal dalaman sesebuah negara sebagai satu dasar yang lapuk dan tidak boleh dipakai pada masa kini. Ingin saya jelaskan bahawa prinsip dan dasar yang kita pegang tidak campur tangan telah membolehkan ASEAN untuk menjadi satu badan yang kohesi, dihormati dan terus berjaya memainkan peranan di rantau ini sebagai satu-satunya pertubuhan rantau yang berjaya bertahan di dalam keadaan yang berubah-ubah. Oleh itu, kita akan terus memainkan peranan kita untuk mengatakan bahawa ASEAN perlu memegang kepada prinsip tidak campur tangan dan prinsip yang berasaskan kepada consensus.

Yang Berhormat bagi Parit Sulong membangkitkan persoalan berkenaan memandangkan perlunya ASEAN memperbaharui pendekatannya dan menghadapi cabaran-cabaran baru sebagaimana juga dengan Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Ingin saya jelaskan di sini bahawa ASEAN dapat mempertahankan kedudukannya oleh kerana ASEAN sentiasa mengemaskinikan pendiriannya. Kita tidak bersikap bahawa semua negara ASEAN akan mempunyai pandangan yang sama. Di satu-satu masa perbezaan pandangan adalah perkara yang biasa berlaku di dalam arena antarabangsa ataupun di dalam politik rantau. Tetapi ia tidak bermakna bahawa kedudukan pertubuhan telah menjadi lemah ataupun ianya tidak lagi mempunyai makna.

Di dalam sidang kemuncak ASEAN di Singapura pada 24-25 November, 2000 negara-negara ASEAN telah bersepakat untuk mengukuhkan hubungan di antara ASEAN bagi menghadapi cabaran-cabaran masa kini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah menegaskan bahawa ASEAN mesti bertindak sebagai satu organisasi, mempunyai sikap yang membolehkan ASEAN untuk diintegrasikan dalam bidang ekonomi, politik dan sosial apabila kita berhadapan dengan organisasi ataupun negara-negara lain.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kepong bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, penjelasan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa dengan keadaan di Indonesia sekarang dan di Filipina, ASEAN

nampaknya 'cohesiveness'nya sudah lemah sedikit, tidak begitu kuat dibandingkan dengan tahun 70-an, 80-an kita lebih kuat. Sekarang ini nampaknya ada lemah sedikit terutamanya mengenai……

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Soalannya apa, Tuan Pengerusi? Dia akan membuat ucapan kalau tidak ada soalan penjelasan…..

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak, tidak, bukan ucapan, macam mana sensitif begitu. Saya bukan Lee Kuan Yew…. *[Ketawa]*

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tengok, apa kena mengena *[Ketawa]*. Saya suka Yang Berhormat bagi Kepong ini boleh dia tanya kalau dia bertanya dalam keadaan yang waras tetapi dia suka jenaka, jadi susah saya sedikit.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak payah membuat ucapan, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak, bukan ucapan, adakah dia sedar mengenai kekurangan di dalam ASEAN sekarang kerana pergolakan politik serantaunya. Bagaimana kita dapat merapatkan kerana beliau tadi ada menyebutkan, kita hendak merapatkan hubungan lagi dengan ucapan Yang Amat Berhormat dan sebagainya. Bagaimana kita dapat merapatkan memandangkan bila dunia luar memandang ke ASEAN dia tengok Indonesia. Apa yang berlaku di Indonesia dia tengok Malaysia, Indonesia ada masalah dan Malaysia pun ada masalah…..

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Apa soalannya ini?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Apakah kaedah dan cara Yang Berhormat untuk mempertahankan Malaysia misalnya dan ASEAN secara amnya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ada banyak lagi, Tuan Pengerusi. Baiklah.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Pengerusi, oleh kerana ini dalam sidang Jawatankuasa, dia akan mengambil masa yang lama kalau saya hendak berhujah dan berdebat. Tetapi saya ingin menyatakan bahawa kalau kita menghadapi masalah, tidak bermakna kita tinggalkan rakan-rakan kita dan kita tidak sepakat. Kalau Indonesia menghadapi masalah tidak bermakna kita kata kita tidak mahu. Soal itu ada di hadapan kita dan kita perlu tangani dengan baik. Kita terima

hakikat bahawa ada masalah di dalam negara-negara ASEAN tertentu. Kita akan usahakan untuk menjamin bahawa negara ASEAN dan rantau kita akan menjadi rantau yang aman dan damai. Tetapi kalau ada masalah sahaja, kita pun kata ini sudah tidak cohesive, kita tinggalkan sahaja pertubuhan ini, ini bukan satu pendekatan yang baik dan mendatangkan faedah yang positif. Jadi saya fikir cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat akan tanya saya hal-hal lain, saya ingin berhujah dengan Yang Berhormat tetapi tidak ada masa.

Kita kena tengok dari segi tujuan kita, pendekatan kita. Kita hendak mengadakan sambungan kereta api di antara Singapura ke Kunming yang akan menggabungkan semua negara ASEAN. Begitu juga kita melihat kepada sistem pengangkutan untuk menghubungkan negara melalui sungai, laut termasuk di negara-negara Kalimantan. Oleh kerana pegangan kita ialah jika negara-negara ASEAN aman damai dan ada pembangunan ekonominya, keadaan kestabilannya dapat dijamin maka ia akan melahirkan satu ASEAN yang kukuh dan kuat. Oleh itu, cabaran kepada kita pada masa ini lebih hebat lagi dan kita terus kena berusaha.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tidak usahlah, nanti. Yang Berhormat, dalam prosedur kalau saya tidak beri jalan, tidak boleh. *[Ketawa]* Duduklah dahulu. Saya pun hendak habiskan cepat-cepat..

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ada 45 minit lagi.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Nanti 45 minit saya beri chance nanti. Pasal Yang Berhormat suka bercakap, sebab itulah yang saya susah, dalam bulan puasa ini sepatutnya saya kurang bercakap tetapi kerana Yang Berhormat banyak bercakap, saya terpaksa jawab.

Yang Berhormat bagi Sri Gading, saya mengucapkan terima kasih di atas perhatian Yang Berhormat mengenai tugas kedutaan, perwakilan kita menjalankan tanggungjawab menjelaskan kepada masyarakat luar tentang keadaan sebenar di Malaysia yang stabil dan maju. Sering duta-duta kita ataupun Kementerian Luar Negeri punya tugas kurang difahami oleh masyarakat luar daripada Wisma Putra, ataupun kadangkala di salah faham kerana duta-duta kita ataupun perwakilan kita tidak semestinya di dalam melaksanakan tugas akan berhadapan dengan media atau

dibuat pengumuman umum, siapa mereka berjumpa dan bagaimana mereka melaksanakan tugas. Tetapi percayalah bahawa mereka telah menjalankan tugas mereka bagi menentukan nama negara, bukan nama individu, nama negara yang termasuk kerajaannya dan organisasi yang memimpin negara akan sentiasa di dalam keadaan yang boleh dapat difahami dan membawa keyakinan orang luar terhadap Malaysia.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Parit Sulong dan ada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain seperti Yang Berhormat bagi Kota Melaka, Seputeh berkenaan Suhakam. Saya fikir bila kita menubuhkan Suhakam, ini menunjukkan kejujuran dan keikhlasan kerajaan untuk melahirkan keinsafan dan kesedaran terhadap soal-soal hak asasi dan soal-soal yang melibatkan kebebasan dalam kita berinteraksi dalam sebuah negara yang demokrasi dan merdeka. Di masa yang sama, Suhakam juga mempunyai kuasa dan bidang kuasanya yang tersendiri untuk menentukan pendidikan dan pendedahan terhadap isu-isu hak asasi dapat difahami oleh rakyat dengan baik dan sempurna.

Dalam hal ini, Suhakam mempunyai pendapat dan tidak semestinya dan mana-mana negara pun yang mempunyai NGO hak asasi yang kerajaan pada suatu masa, akan mempunyai pendapat yang sama. Jadi, kita jangan menganggap pendapat yang berbeza yang disuarakan oleh Suhakam dengan kerajaan bermakna bahawa setengah-setengah pemimpin kerajaan menghentam ataupun mengutuk apa yang dilakukan oleh Suhakam Ini adalah menunjukkan demokrasi di dalam negara kita bergerak dengan subur dan baik dan mereka memberi pendapat yang berbeza dengan Suhakam itu, adalah perkara biasa dan lumrah berlaku di mana-mana tempat sekali pun. Oleh itu, kita memang menjadi sebahagian daripada bidang tugas Suhakam untuk mengadakan seminar, *workshop*, forum dan penerangan melalui media seperti televisyen dan radio. Mereka sebenarnya akan mengadakan hari dengan izin Tuan Pengerusi, *the Observant of the Human Rights Day* pada 10 Disember ini yang dianjurkan oleh Suhakam. Jadi, terpulang kepada kita untuk melibatkan diri kita dan bersama-sama membincangkan.

Kata putus ialah apa juga Suhakam lakukan dia mesti mengikut lingkungan undang-undang. Terangkum di dalam undang-undang. Jika ianya terkeluar daripada undang-undang, memang suatu tindakan perlu diambil bukan ke atas Suhakam tetapi

mereka yang melanggar undang-undang kerana Suhakam bukan bergerak tanpa undang-undang. Dia mempunyai undang-undang tubuhnya sendiri dan orang yang hendak mengambil bahagian misalnya dalam demonstrasi juga walaupun Yang Berhormat bagi Kubang Kerian tadi dengan cantiknya menggunakan bahasa membezakan di antara perhimpunan tanpa izin dengan perhimpunan haram, tetapi akibat sebenarnya *the bottom line* dengan izin, ialah kalau tidak mempunyai izin, bertentangan dengan undang-undang, bermakna ia adalah haram.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ada yang bangun.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Dalam perhimpunan di Jalan Kebun. Perhimpunan ini telah berlaku di lebuh raya iaitu, apabila kereta-kereta telah disekat dan mereka tidak boleh bergerak. Bila sudah *jammed*, orang keluar daripada kenderaan dan berhimpun secara dipaksa oleh pasukan keselamatan.

**Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Saya memang berminat hendak nampak bukan main elok dia jadi dengan tidak sengaja tetapi banyak perkara yang dilakukan oleh pembangkang itu nampak tidak sengaja tetapi dirancang dengan baik. *[Tepuk]* Jadi, biar kita jagalah apa juga yang kita hendak lakukan, biar kita lakukan dengan betullah. Kita tidak mengatakan bahawa kita boleh membuat apa sahaja yang kita suka. Macam tadi Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu mengatakan bahawa negara kita patut mencontohi Filipina, Thailand dan negara-negara lain, sedangkan negara-negara ini pula mengata kepada Kuala Terengganu. *[Yang Berhormat bagi Kepong menggeleng-gelengkan kepala]* Apa pula Yang Berhormat bagi Kepong yang menggeleng kepala *[Ketawa]* Tadi Kepong tidak ada dalam itu pun. Saya fikir lebih baik Yang Berhormat puasa. *[Ketawa]* Puasa daripada menggeleng kepala dan bercakap.

Dia ada mengatakan bahawa kita patut mencontohi Thailand dan kita tengok Filipina. Kalau kita tengok negara Thailand dan Filipina, ini adalah negara-negara yang baru kenal kepada demokrasi dan rakyat mereka sendiri suruh pemimpin-pemimpin mereka melihat kepada Malaysia, melihat apa yang dilakukan oleh Malaysia. Sebagai contoh, untuk menunjukkan bahawa kepentingan rakyat diperjuangkan, pembangunan berlaku dengan baik dan sempurna. Jadi, kita kadang

kala bila kita ambil contoh, kita kena ambil contoh yang tepat, yang baik supaya dia tidak menunjukkan bahawa kita tidak menggunakan maklumat dengan tujuan untuk mendatangkan sesuatu yang boleh memanfaatkan kita.

Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Sipitang, saya bersetujulah dengan Yang Berhormat bagi Sipitang supaya kita mendampingi rakyat Malaysia di luar negara termasuk para pelajar, tetapi penting sekali bahawa di dalam kita mengaturkan program-program ini, program-program ini adalah program yang diaturkan bagi tujuan dan kepentingan menerangkan kedudukan negara. Parti-parti pembangkang dia punya minat adalah untuk bertujuan membawa kepentingan parti politik. Sebab itu kita tidak boleh merangkumkan di dalam program kerajaan untuk membawa parti pembangkang. Kalau kerajaan dia di Kelantan dan Terengganu pun, dia tidak masukkan kita di dalam program dia. Oleh itu, saya tidak bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat supaya di dalam program-program kita yang bersifat untuk menjelaskan dan memberi kefahaman terhadap dasar kerajaan supaya kita membawa parti-parti pembangkang yang semestinya sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Kedah, akan menghentam dan membangkang.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Apa salahnya Menteri Luar yang berani ini buat contoh. Bawa pembangkang, bawa saya sekali ke luar negeri. *[Ketawa]* Saya sebut tadi bila kita puji ahli-ahli kerajaan ini bahaya. Itu sahaja, itu saya tidak berani puji sekarang. Saya puji dahulu, tiga-tiga orang tidak jadi calon. Nasib baik Ahli Yang Berhormat bagi Parit Sulong saya tidak puji dahulu. Kalau saya puji dia, dia pun tidak jadi calon. Itu yang saya takut hendak puji itu.

**Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Saya fikir manusia ini boleh merancang. Allah yang menentukan. Jadi, kalau Yang Berhormat meletakkan diri Yang Berhormat sebagai orang yang mengetahui ke hadapan, itu saya tidak tahulah. Tetapi, segala-galanya yang berlaku pada kita adalah milik Allah, jadi kita tidak tahu kalau hendak puji, hendak hentam pun hentam, tidak apa. Kita akan menerima kerana kita tahu ini sebahagian daripada proses demokrasi yang diamalkan di dalam negara kita.

Jadi, Yang Berhormat bagi Sipitang juga menyentuh berkenaan dengan sama ada, ada persefahaman di kalangan negara ASEAN. Persefahaman antara pemimpin-

pemimpin ASEAN adalah baik. Perjumpaan dan mesyuarat-mesyuarat memupuk persefahaman dan kerjasama. Ini saya sendiri hadir di dalam mesyuarat-mesyuarat. Mungkin mereka tidak bersetuju di antara satu sama lain berkenaan perkara-perkara tertentu, tetapi persefahaman itu tetap wujud. Negara-negara ASEAN mencapai kata sepakat dalam menyelesaikan soal-soal sempadan dan tuntutan bertindih secara aman dan rundingan macam.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Kepong bangun pula.

**Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Nanti dahululah, saya habiskan ini. Kalau tidak saya punya bercakap pun tidak bersambung. Misalnya Sipadan dan Ligitan kita cuba berunding. Kita tidak dapat menyelesaikan melalui perundingan, kita bersetuju supaya perkara ini dibawa ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa. Begitu juga dengan Pulau Batu Putih. Kita berunding dengan Singapura, tetapi kita tidak dapat menentukannya melalui perundingan, maka kita merujukkannya kepada Mahkamah Antarabangsa. Kita ambil contoh jika di Kepulauan Spratly, kita bersetuju supaya ada satu dengan izin, *Code of Conduct* di Kepulauan Spratly untuk menentukan perjalanan *the sea line* iaitu, jalanan laut dan juga ada keamanan di kepulauan-kepulauan tersebut.

Jadi, kita mengambil langkah-langkah yang efektif, yang berkesan bagi menjamin tidak ada pertembungan secara fizikal ataupun *aggression* di antara negara-negara ASEAN. Ini satu pencapaian yang perlu kita iktiraf dan kita juga telah memberi keutamaan di dalam bidang ekonomi untuk menentukan bahawa kita mewujudkan kawasan perdagangan bebas. Kita ada AFTA, kita ada AIA - ASEAN Investment Area, AICO dan masing-masing bertujuan untuk memperkukuh ASEAN sebagai satu unit ekonomi dengan penduduknya yang 500 juta itu, kita dapat mempengaruhi pasaran dan kedudukan di peringkat antarabangsa bila kita berhadapan dengan organisasi-organisasi lain ataupun negara lain.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, kita ada 55 minit lagi. Banyak masanya dan penjelasan Tuan Pengerusi. Saya memang seronok dengar hujah tadi. Baik jugalah kita adakan itu secara aman damai untuk menyelesaikan masalah-masalah sempadan dan sebagainya. Ini memang satu perkara yang baik termasuk

kepulauan Spratly, sikap kita itu betul juga. Bukan tidak betul, cuma saya dengar pada dua tahun yang lalu yang lepas itu Tuan Pengerusi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri masa itu kata masalah di antara Malaysia dengan Singapura termasuk air, Kastam Imigresen dan Kuarantin di Tanjung Pagar sudah pun diselesaikan ataupun akan diselesaikan. Kalau tidak silap saya, dalam tempoh 60 hari kita akan selesaikan masalah air dan sebagainya dan kita sekarang hendak merancang daripada Singapura, kita hendak membina landasan kereta api ke Hanoi kalau tidak silap ataupun ke Beijing *[Disampuk]*

**Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** 'Goan' Ming

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kunming

**Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Pengerusi, saya bercakap Orang Putih.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Haah...haah.. Kalau Kunming pun baik juga. Itu baik semua. Tetapi masalah di hadapan sekarang itu, perjanjian untuk air, apakah masalah sekarang dan juga Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ).

**Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Pengerusi saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kepong yang membawa kita kepada tajuk yang lain. Dia selalu bercakap berkenaan saya dengan Singapura, tetapi nampaknya dia punya perhatian ke Singapura sahaja dan dia terkepung *siege with Singapore* dengan izin. Jadi, berkenaan dengan Singapura tidak ada had masa sebenarnya yang kita tetapkan untuk mencapai apa yang dipersetujui di antara pemimpin Singapura dengan Perdana Menteri Malaysia ialah supaya kita tidak menyelesaikan pertikaian kita satu persatu tetapi diambil secara total, secara satu pakej, secara satu kumpulan. Jadi, semuanya dapat dihubungkaitkan kerana ia mempunyai kepentingan sosial, politik dan ekonomi di antara kedua-dua buah negara.

Kita sudah mengadakan tiga perbincangan di peringkat pegawai oleh kerana itu adalah keputusan di antara kedua-dua pemimpin kerajaan. Di dalam kita berbincang, kita tidak dapat menemukan pendapat-pendapat kita di dalam beberapa isu. Sebab itu, kita mengatakan kita akan meneruskan perbincangan tetapi tidak ditetapkan tarikh. Selepas lawatan Menteri Kanan Singapura, ada beberapa perkara yang disebut di bawah yang menarik minat dan kita juga mempunyai beberapa

pendekatan yang kita fikir boleh merumuskan keadaan yang kita berada sekarang iaitu, tidak ada penyelesaian. Jadi, akan ada pendekatan berkenaan CIQ, pendekatan berkenaan air, tetapi perkara ini mengambil masa untuk dibincangkan dan saya tidak dapat mengumumkan secara terperinci kerana dia masih di peringkat dengan izin *testing the ground*, macam mana dia memberikan pendapat begini dan kita memberikan pendapat. Tetapi, ada pendekatan-pendekatan baru seperti yang ditanya kepada saya oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Kerian di dalam mesyuarat dua hari dahulu, saya fikir. Dia tanya berkenaan sama ada ada pendekatan baru. Memang ada pendekatan baru, tetapi kita perlu bincangkan.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Pengerusi, dalam buku Lee Kuan Yew 'memori' dia itu,

**Seorang Ahli:** Memoir.

**Tuan Mohamad bin Sabu**: 'Memoya'.

**Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Bukan 'memoya', *memoir. [Ketawa]*

**Tuan Mohamad bin Sabu:** *Memoir*, memori dia, buku Lee Kuan Yew itu. Yang keduanya lebih dahsyat lagi *From the Third World to the First World* buku yang pertamanya itu. Dia begitu bimbang dengan Almarhum Tan Sri Jaafar Albar kerana Jaafar Albar ini ada kait mengait dengan ketua tentera yang ada di Singapura pada waktu itu. Sekarang anak Almarhum Tan Sri Jaafar Albar jadi Menteri Luar Negeri. Adakah prejudis itu ada lagi? Itu yang kita hendak tanya. *[Ketawa]* Sebab dalam buku itu cukup prejudis kita pandangan dia lihat terhadap Tan Sri Jaafar Albar.

**Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Saya kena jawab itu apabila saya tulis *memoir* saya. *[Ketawa]*. Kalau tuhan panjangkan umur, ada masa untuk tulis insya-Allah saya akan ceritakan. Tetapi persoalannya ialah jangan kita menerima andaian dan anggapan. Saya mengatakan bahawa akhbar-akhbar Singapura misalnya sentiasa mempunyai anggapan sikap terkepung, *siege mentality* kerana mereka merasa khuatir apa negara lain akan buat kepada mereka dan ini tidak menjadi satu perkara yang sihat di dalam menjalin hubungan dua hala yang baik. Sebab itu saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat sudah baca kedua-dua *memoir* itu. Saya fikir kalau Yang Berhormat sudah baca itu, ada satu buku lagi yang

ditulis oleh seorang penulis Australia, Michael Diva saya fikir dan satu lagi yang ditulis oleh seorang wanita iaitu, Delima Singapura mungkin ia akan memberi kefahaman yang lebih mendalam terhadap sikap dan persepsi seseorang pemimpin.

Berbalik kepada … Tuan Pengerusi saya minta maaf. Yang Berhormat bagi Sri Gading juga menyentuh berkenaan peranan kita dengan Iraq, berkenaan soal sekatan Iraq. Kita berpegangan ini adalah satu pegangan ….

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Tuan Pengerusi…

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** …iaitu satu rejim sekatan tidak …

**Tuan Pengerusi:** Ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Yang Berhormat Menteri….

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Nantilah, saya belum …

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Tidak, tidak, bukan. Yang ASEAN, takut nanti sudah terlepas, adakah ada lagi ASEAN selepas ini?

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Mana tidak ada, mesti ada ini.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** ASEAN ada lagi. Okay.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Saya duduk tengok apa yang saya tulis. Jadi kalau ini saya akan bercakap baliklah kalau ada masa, kalau tidak, tidak bolehlah.

Rejim sekatan ini tidak boleh ia tidak mempunyai tempoh dan dia patut bertempoh dan ianya patut dilaksanakan secara seimbang dan kita mendapati bahawa Amerika Syarikat di dalam hal ini tidak mengambil kira soal-soal kemanusiaan yang telah berbangkit. Sebab itu kita menentang sekatan dan kita mahu sekatan ditarik balik kerana kesan buruknya.

Dan di peringkat OIC juga kita telah mengambil pendirian yang sama dan OIC juga mengambil pendirian yang sama. Saya berharap terlebih-lebih lagi orang-orang yang bercakap berkenaan Islam ini supaya kita tidak pandang OIC ini sebagai "Oh I see" fasal pada saya apa yang berlaku di dalam walaupun kita nampak mungkin dia lemah, mungkin kita nampak lembap tetapi dia menjalin pengetahuan dan perkenalan yang membolehkan kita untuk mengetahui berkenaan soal-soal masing-masing dan

bantu-membantu. Kalau dari segi ekonominya bagus, dari segi politiknya bagus, dari segi sosial dan budayanya bagus, dan ini semua kerana adanya badan-badan seperti OIC. Kalau tidak ada OIC mungkin kita tidak dapat menghantar satu rombongan untuk bertemu dengan Setiausaha Agung Bangsa-Bangsa Bersatu, selepas itu bertemu dengan Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk menekan di atas soal Palestin. Dan kita berjumpa dan semua ahli Majlis Keselamatan hadir dan mendengar hujah tiap-tiap ahli rombongan yang dilantik oleh OIC.

Dan kerana tekanan kita maka ada pendekatan yang lebih lembut lagi apabila mereka mengatakan bahawa mereka akan menghantar pasukan penyiasat. Pasukan penyiasat ini mereka menyatakan kepada kita pasukan penyiasat tidak boleh dihantar melainkan Israel bersetuju. Kita mengatakan kepada mereka bahawa Israel bersetuju atau tidak penyiasatan patut dibuat mengapa kejadian kezaliman dan keganasan berlaku di Tebing Barat dan di Gaza. Dan sekarang Israel sudah menerima kehadiran pasukan-pasukan penyiasat antarabangsa sebagaimana diputuskan dalam perjanjian Sham al-Sheikh di antara pemimpin-pemimpin negara-negara terlibat.

Jadi, ini semua perkara yang kita lakukan di dalam konteks OIC dan kita dapat penerimaan. Jadi, saya fikir kita kena tentukan ….

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Nantilah, saya belum habis lagi. Ini Yang Berhormat mengikutikah atau sakit kepala? *[Ketawa].* Jadi, saya berharap kita punya persepsi terhadap OIC itu sendiri dapat kita perbetulkan.

Malaysia memainkan peranan yang amat berjaya sekali dalam OIC dan dihormati. Kalau hendak kata Perdana Menteri kita dibenci atau tidak disukai atau dianggap pemimpin yang bertentangan dengan Islam kerana kita memudaratkan negara kita kerana Yang Amat Berhormat membuat komen berkenaan negara-negara lain, ini adalah satu tuduhan yang tidak mempunyai asas. Yang Amat Berhormat tidak mahu pergi ke mesyuarat ASEM. Ini saya boleh beritahu pasal saya terlibat tetapi negara Korea minta kepada saya, telefon saya tolong minta Perdana Menteri Malaysia hadir di dalam mesyuarat ASEM kerana mustahak seorang yang mempunyai pendapat yang bebas, yang mempunyai pendapat yang berbeza, mungkin orang tidak suka tetapi pendapat yang berbeza untuk hadir untuk memberikan kedudukan dan

status kepada mesyuarat itu. Dan akhirnya saya berbalik kepada Perdana Menteri mengatakan elok kalau dia boleh hadir dalam mesyuarat ASEM, dia hadir.

Begitu juga di dalam mesyuarat OIC di Qatar di Doha. Satu *special envoy* dengan izin, dihantar untuk meminta. Saya memberitahu mereka bahawa Yang Amat Berhormat mempunyai program untuk menghadiri mesyuarat APEC di Brunei oleh itu tidak boleh. Mereka kata tolong minta untuk hadir di dalam mesyuarat di Qatar supaya kita dapat mendengar suara yang tidak semestinya sama dengan suara-suara yang lain tetapi tegas, berani menerangkan soal keadilan dan soal-soal sejagat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Nanti dulu. Dan perkara begini dia terus berlaku dan akhirnya kita dapat menjadi tuan rumah untuk persidangan kemuncak OIC pada tahun 2003 walaupun gilirannya adalah giliran untuk negara Afrika, melalui perundingan kerana kehadiran Yang Amat Berhormat di situ.

Jadi, kita kena terima bahawa perkara-perkara yang dilakukan olehnya tidak semestinya sedap didengar oleh telinga orang tetapi dia perkara yang benar dan perkara yang benar kadang-kadang pahit. Dan bukan untuk Yang Berhormat bagi Kubang Kerian yang beritahu kepada kita supaya Perdana Menteri kita menarik diri atau mengundur daripada menjadi Perdana Menteri - yang akan menentukan kedudukan ini adalah rakyat di dalam pilihan raya dan ahli-ahli parti di dalam Barisan Nasional. *[Tepuk]* Jadi saya fikir jangan masuk campur dalam hal kitalah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Ya, apa Yang Berhormat?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, penjelasan. Saya memang tertarik kepada hujah mengenai OIC tadi dan mesyuarat di Doha, Qatar dan sebagainya. Dua perkara – yang pertamanya iaitu adakah Yang Berhormat berusaha untuk menolong Malaysia mendapat berjaya dalam Sukan Asia kerana dia pergi ke Doha mungkin kerana ada mesyuarat OIC di situ diberi kepada Doha untuk Sukan Asia yang pada pendapat saya tidak patut.

Walau bagaimanapun, perkara kedua, saya memang melihat walaupun pasukan penyiasat sudah diterima di dalam perjanjian perjanjian Sham al-Sheikh

tetapi memang mereka tidak sampai ke situ lagi dan sementara itu bilangan yang terkorban itu meningkat. Sekarang lebih…..

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** 300, lebih 300.

**Dr. Tan Seng Giaw:** 300.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Jadi, Yang Berhormat hendak tahu apa?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Apakah masalahnya, pasukan itu tidak sampai sekarang.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Sebab itu saya hendak Yang Berhormat terlibat sama buat bising DAP ada pendirian berkenaan kedudukan Israel dan tindakan zalim Israel. Bercakap banyak-banyak.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kita sudah buat.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tidak ada, ini bercakap perlahan-perlahan sahaja.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Mana perlahan-perlahan pula.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Jadi, Tuan Pengerusi *[Ketawa]* saya ingin memberitahu kalau ada apa-apa pun bidang sukankah, kalau ada perkara-perkara yang Malaysia terlibat, Kementerian Luar akan terlibat sama di dalam berkempen. Di dalam hal ini kita punya nasib ialah sudah ada satu pakej yang diberikan oleh Qatar yang dapat diterima oleh ahli-ahli jawatankuasa sukan itu. Kita mengucapkan selamat maju jaya kepada mereka dan kita insya-Allah akan menengok pada masa-masa lain yang dapat kita menganjurkan.

Kita berasa kecewa tetapi kekecewaan kita tidak patut menjadi satu perkara yang mematahkan hati kita untuk cuba di masa depan. Kita tidak dapat satu, kita dapat perkara yang lain. Ini tidak bermakna kita tidak berusaha. Semua pihak sudah berusaha, kita tidak dapat menganjurkan mungkin ada peluang-peluang lain untuk kita berbuat demikian. Jadi, jangan Yang Berhormat cuba perlilah.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Terima kasih, Datuk Menteri. Saya hendak bangkitkan balik apa yang disebut oleh Datuk Menteri berkenaan dengan masalah Amerika Syarikat dan negara-negara besar dunia ini cuba menghalang Iraq daripada menikmati hasil minyaknya. Iraq ini, Tuan Pengerusi, adalah negara ketiga terbesarnya pengeluar minyak di kalangan negara-negara OPEC. Tetapi oleh kerana

masalah politik Amerika Syarikat telah menyekat hasil minyak Iraq ini daripada dijual ke negara lain dan mendapat keuntungan dan pendapatan daripadanya. Dan sekarang ini ada sedikit kelonggaran dan Amerika Syarikat seolah-olah berlagak yang Iraq itu dapat menjual minyak dan sebagainya hanya kerana ihsan Amerika Syarikat. Adakah Yang Berhormat fikir patut Amerika Syarikat terus dengan dasar itu terhadap Iraq ini dari segi keadilan dan sebagainya?

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Saya bersetuju dengan Yang Berhormat. Itu yang sentiasa disuarakan. Yang Berhormat sependapat dengan kita. Apa yang kita sudah buat Yang Berhormat buat. Terima kasih Yang Berhormat bagi Tumpat. Jadi, sebab itu kita minta jangan pergi ke Amerika atau mendapat ihsan daripada Amerika untuk tujuan-tujuan melaksanakan kempen-kempen kita. Jadi, itu kadang kita pun tidak berapa…

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, soalan saya tidak jawab lagi mengenai pasukan penyiasat…

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Hendak apa?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Pasal pasukan penyiasatan…

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Okay, okay.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak jawab ini.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Dia sudah kacau ini. Okay, okay, saya jawab ini sekarang. *[Ketawa]* Tuan Pengerusi, dia ingat pula itu. *[Ketawa]* Tuan Pengerusi, berkenaan dengan pasukan ini mungkin Yang Berhormat tidak mengikuti perkembangan terbaharu. Apa yang berlaku ialah Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu walaupun ada *Sham al-Sheikh* mereka mahu Israel bersetuju dengan penghantaran pasukan keselamatan. Jadi, pada masa kita berjumpa dengan Setiausaha Agung dia kata dia sedang mendapat persetujuan daripada Israel untuk menerima pasukan penyiasatan untuk Tebing Barat dan Wilayah Gaza.

Jadi, sekarang Israel telah memberitahu mereka bersetuju untuk pasukan penyiasat antarabangsa datang ke kawasan itu. Jadi akan berlakulah dalam beberapa hari saya harap. Pasal kita dalam perjumpaan. Kita pun dengan mereka kita hendak datang secepat mungkin oleh kerana pembunuhan dan kezaliman berlaku dengan

kejam sudah lebih daripada 300 orang dan kita tidak boleh memberikan apa alasan sekalipun jika kita menembak budak-budak dan perempuan menembak kepala-kepala mereka dengan tujuan untuk membunuh.

**Tuan Jimmy Lim Donald:** *[Bangun][Mengetuk-ngetuk pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat jangan ketuk, Yang Berhormat. Saya tengok, saya tengok ya. *[Ketawa]*

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Saya nampak itu tetapi soalnya saya tengah bercakap itu…..

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Jeli dulu. Terima kasih Tuan Pengerusi dan…

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Yang mana satu ini?

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri. Alhamdulillah, maknanya pihak Bangsa-Bangsa Bersatu dan pihak Israel bersetuju supaya satu badan penyiasat dibenarkan masuk ke Israel untuk menyiasat tentang kejadian-kejadian pembunuhan yang telah memakan jiwa yang melebihi 300 orang. Tetapi apakah OIC masih belum belajar daripada sejarah Israel itu sendiri di mana kita lihat terang-terang di mana Yasser Arafat sendiri dan Shimon Peres sendiri dua-dua sudah terima Alfred Noble Prize pelbagai keamanan dunia. Maknanya seluruh dunia sudah iktiraf, Israel sendiri sudah iktiraf bahawa Semenanjung Gaza ini Palestin punya dan Semenanjung Gaza dan Tebing Barat Sungai Jordan itu Israel punya. Tiba-tiba dia menceroboh lagi. Sudah berapa banyak perjanjian dibuat ini tetapi kita duduk termakan jerat Israel. Agak-agaknya sampai bila OIC hendak termakan jerat selepas satu, satu, nanti tahun depan kita jumpa, jawapan ini lagi. Terima kasih..

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Pengerusi, kalau Yang Berhormat bagi Jeli tadi dengar saya punya jawapan awal tadi saya kata malangnya masyarakat antarabangsa nampaknya berpeluk tubuh, tidak mahu mengambil tindakan ke atas Israel walaupun Israel membuat pelanggaran ke atas usul-usul ataupun resolusi Majlis Keselamatan. Kalau di negara-negara lain kita tengok, Amerika Syarikat ataupun pihak-pihak Barat yang lain akan mengambil tindakan yang cepat untuk menentukan keputusan itu dapat dilaksanakan.

Ini menunjukkan adanya *double standard*. Sebab itulah perlu negara seperti Malaysia untuk menyuarakan pendapatnya. Ini tidak kasi kita bercakap, marah kepada negara-negara tertentu. Susah kita hendak jalankan kerja kita. Jadi tidak usah *double standard* dalam menegur kerajaan. Tuan Pengerusi…

**Tuan Pengerusi:** Ya, 15 minit lagi, Yang Berhormat.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** 15 minit, okay. Berkenaan …

**Tuan Jimmy Lim Donald:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ada yang bangun di sana itu. *[Ketawa]*

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Okay, okay.

**Tuan Jimmy Lim Donald:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri. Sejak kita bersidang kali ini pihak pembangkang tidak bosan-bosan merendah-rendahkan dan melemparkan tuduhan kepada kerajaan kerana kita gagal menganjurkan Asian Games. Tetapi pada masa itu juga mereka minta kita memutuskan hubungan dengan semua negara yang ada hubungan dengan Israel. Macam mana kita ini seperti pepatah Bahasa Inggeris *we want to keep our cake and also….*

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid bin Pawanteh:** *Have the cake.*

**Tuan Jimmy Lim Donald:** *Have the cake and eat it also.* Apa pendapat Yang Berhormat Menteri terhadap sikap pembangkang yang seperti ini?

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Dia kadangkala memang ada orang hendak kek itu, bila sudah ada kek dia hendak makan juga. Jadi, itu kita memang sudah menjadi naluri pembangkang dan kita biarkan pembangkang dengan naluri dia yang ada kesongsangan sedikit.

Jadi, saya ingin tadi Yang Berhormat bagi Seputeh, kalau Yang Berhormat mengikuti perkembangan…

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menyampuk]*

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Nanti, tadi saya sudah jawab Kota Melaka berkenaan Suhakam.

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menyampuk]*

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Nanti dululah. Saya ada 10 minit itu. Saya sudah jawab Kota Melaka punya itu tetapi Yang Berhormat tidak puas hati, mungkin saya akan cuba dalam ….

**Tuan Kerk Kim Hock:** Berkenaan dengan apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Itu akan saya jawab kemudian. Biar saya buat ikut saya punya giliran saya menjawab ya.

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menyampuk]*

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Ya?

**Tuan Kerk Kim Hock:** Yang Berhormat jawab untuk Yang Berhormat bagi Seputeh. Saya berucap dahulu.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Di dalam jawapan menggulung ini, saya boleh pilih-pilih asal saya jawab. Kalau Yang Berhormat tengok dalam peraturan, saya hendak jawab dan saya tidak perlu jawab semua. Itu dalam peraturan. Yang Berhormat bercakap berkenaan peraturan tetapi Yang Berhormat tidak ikut peraturan, susahlah saya.

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menyampuk]*

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** *You must follow*, dengan izin, peraturan. Ini Yang Berhormat Seputeh ini, dia bercakap semua berkenaan Myanmar, berkenaan semua orang, selepas itu dia bercakap juga berkenaan kita mencampuri hal-ehwal dalaman negara lain berkenaan ini. Saya ingin mengatakan bahawa apabila kita memberi pendapat, kita menyatakan pendapat kita, bukan kita suruh rakyat dia membuat ini. Dia datang ke negara kita, menghadiri jamuan kita dan mengatakan menyokong reformasi dan supaya menjatuhkan kerajaan kita.

**Puan Teresa Kok Suh Sim***:* *[Menyampuk]*

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Oh yes! Yang Berhormat mesti faham bila dia datang dalam jamuan dan membuat ucapan sedemikian, dari segi adab dan sopan pun, dari segi perhubungan antarabangsa pun, dari segi diplomasi pun salah. Dalam diplomasi, kita tidak akan datang ke rumah orang dan menggalakkan parti pembangkang atau menggalakkan kumpulan lain untuk menjatuhkan kerajaan.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** *[Menyampuk]*

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Misalnya berkenaan dengan Dr. Mahathir. Tadi ada yang bercakap berkenaan dengan Perdana Menteri kita apabila dia tidak bersetuju dengan Tunku Abdul Rahman, dia tulis surat, dia tandatangan, dia edarkan di dalam negara kita. Semasa dia mengambil tindakan sedemikian, kita parti UMNO, kita mengambil tindakan dia disingkirkan daripada parti. Dia tidak pernah pergi ke negara lain untuk mengatakan jangan melabur dalam negara Malaysia, negara Malaysia tidak selamat tetapi banyak ahli pembangkang di dalam hujah-hujah dan perbahasan di peringkat universiti dengan NGO-NGO memberi gambaran yang negatif terhadap negara kita yang menakutkan orang lain untuk datang melabur dalam negara. Itu yang kita membantah. *[Tepuk]*

Kalau hanya kita mengatakan kita tidak bersetuju dengan si polan dan si polan, itu soal lain. Tetapi apabila daripada parti pembangkang menekan dan mengatakan ini adalah sebuah negara yang tidak mengamalkan demokrasi. Ini sebuah negara di mana keadaan kaumnya tidak berbaik-baik, tidak ada sistem yang telus dan tidak ada akauntabiliti. Yang Berhormat semua dipilih melalui sistem demokrasi dan baru-baru ini kita kalah di Lunas melalui sistem demokrasi juga. *[Tepuk]* Macam mana kita membohongi dan cuba mengabui mata rakyat bahawa demokrasi hidup dengan subur dan segar di dalam negara kita. Itu yang kita tidak hendak.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Penjelasan.

**Tuan Pengerusi:** Nanti dulu Yang Berhormat.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Saya fikir saya punya masa tidak ada.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Ini hendak minta…. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah, cukuplah Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi:** Ada 10 minit sahaja lagi Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** 'Enough'lah. Saya sudah jawab dan saya fikir cukuplah itu untuk Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Bukan. Saya ingat Yang Berhormat Menteri itu salah faham tentang ucapan….

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Seputeh, dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Berkenaan dengan apa Yang Berhormat dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka, saya tengok dan ini juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian berkenaan apa pendapat yang kita mempunyai, ada terlibatnya. Macam pada satu masa, saya bercakap bahawa ada kumpulan negara-negara asing dan persatuan-persatuan negara asing telah terlibat dan melibatkan parti pembangkang. Selepas itu, saudara Ezam menyambut dan mengatakan bahawa memang dia menggunakan satu organisasi lobi di Amerika untuk memburukkan Malaysia. Jadi, itu kebenaran. Bukan saya yang kata. Dia sendiri mengaku.

Jadi, kita kena ambil kebenaran bila dia sendiri mengaku dan kalau kita tengok ada satu, ini bukan dari negara Timur yang buat atau kita buat, dalam *Stanley Research* punya report, dia mengatakan bahawa negara-negara Barat membelanjakan melalui NGO, dia memperuntukkan di negara-negara ketiga sebanyak USD9 bilion untuk memberikan sokongan kepada NGO. Begitu juga di dalam bantuan kepada negara-negara ODA, dalam program *Overseas Development Assistant*, dengan izin, digunakan sepenuhnya kebanyakan wang ini disalurkan kepada NGO dan apabila NGO bertindak, dia bertindak untuk memperkenalkan hak asasi, bertindak untuk memperkenalkan soal masyarakat madani *(civil society)* dan macam-macam lagi yang membawa keadaan huru-hara di dalam negara-negara membangun.

Dia suruh kita buka pasaran negara membangun, di masa yang sama dia akan mempunyai kepentingan. Jadi, kalau kita rasa tidak ada kebenaran, buat apa kita rasa pedas. "Siapa makan cili, dia rasalah pedas sendiri", itu sahaja yang saya hendak ceritakan dan saya sudah jawab soalan itu.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** *[Bangun]*

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Jadi, saya tidak hendak bagi laluan kepada sesiapa pun.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Boleh bagi jalan?

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tidak usahlah dulu.

**Tuan Pengerusi:** Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Sentiasa sampai giliran saya…

**Tuan Pengerusi:** Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

**Tuan Kerk Kim Hock:** ..tidak ada peluang.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Lain-lain masa akan ada peluang lagi.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Ini bukan jawapan yang bertanggungjawab.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, dia tidak bagi jalan Yang Berhormat, sudahlah.

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi:** Sudahlah.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Saya punya jawapan…

**Tuan Kerk Kim Hock:** Bagi saya tanya satu soalan sahaja.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tidak boleh. Itu tidak bertanggungjawab. Kalau sudah cakap jawapan saya tidak bertanggungjawab, hendak buat apa tanya lagi? *[Ketawa] [Tepuk]*

**Tuan Kerk Kim Hock:** Mana boleh…

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Jadi, apa pun saya cakap…

**Tuan Pengerusi:** Sudahlah, cukuplah Kota Melaka.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** …Yang Berhormat tidak akan terima.

**Tuan Pengerusi:** Kota Melaka, cukuplah.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Jadi, Yang Berhormat duduklah dulu.

**Tuan Pengerusi:** Dia ada 10 minit lagi sahaja.

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah, cukuplah.

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah, itu Peraturan Mesyuarat Yang Berhormat.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Jawapan main-main, kita tidak tahu….

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, itu Peraturan Mesyuarat.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Saya punya jawapan tidak main-main. Saya mengatakan bahawa tiap-tiap kali menjadi sesuatu yang lumrah diamalkan, ada perkara yang kita cakap, ahli pembangkang tidak bersetuju, tubuhkan Suruhanjaya Diraja. Kalau kerajaan sentiasa respons kepada apa yang disarankan oleh Yang Berhormat, kita tidak dapat menjalankan pengurusan dan pemerintahan.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Tidak pernah buat pun!

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Apa yang tidak pernah buat ada perkara yang kita lakukan? Apabila ada kompelin yang kita tengok berasas, maka kita lakukan.

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menyampuk]*

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Jangan lari Yang Berhormat. Yang Berhormat kena terima bahawa di dalam kita bercakap, tidak semestinya saya mesti bersetuju dengan Yang Berhormat.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Tidak bagi jalan, saya tidak mahu cakap.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tidak bagi jalan, tidak usah cakap.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Bagilah!

**Tuan Pengerusi:** Sudahlah Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Saya hendak mengatakan, ada tadi dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi ….

**Tuan Pengerusi:** Kubang Kerian, sudahlah, cukuplah.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Negara Islam yang…

**Tuan Pengerusi:** Dia ada 10 minit sahaja lagi.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** …yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Jeli berkenaan dengan krisis keyakinan ekonomi dan berkenaan kedudukan pasaran saham kita….

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Kenapa tadi tidak jawab?

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** …dan kedudukan pelaburan kita ya. Oleh kerana Yang Berhormat mengatakan ….. Nantilah, saya hendak jawab ini. Kalau saya ada masa, mungkin saya bagi, tidak tahu.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Tidak jawab lagi, Tumpat.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Okay, berkenaan kedudukan kita punya komposit BSKL. Kalau kita tengok komposit BSKL, dia sejajar dengan kemerosotan indeks bursa saham utama serantau. Ini adalah *regional* punya kedudukan, ini berlaku di pasaran-pasaran saham kita dan pasaran saham kita, reaksinya tidak berbeza dengan pasaran saham lain. Kalau kita tengok pasaran saham serantau menjunam dengan lebih ketara berbanding dengan Kuala Lumpur Stock Exchange (KLSE) sejak awal Januari hingga hari ini, jawapan ini pun sudah diberikan. Saya fikir agaknya Yang Berhormat tidak ada dalam Parlimen.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** *[Menyampuk]*

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tidak. Yang Berhormat tadi mengatakan bahawa orang tidak mahu melabur dalam pasaran saham kita, jadi ini gambaran yang memberikan cuba memutarbelitkan kedudukan sebenar. Saya hendak letakkan perkara itu, kemudian terpulang kepada Yang Berhormat untuk terima atau tidak terima.

Sejak awal Januari sehingga sehari sebelum pembentangan Belanjawan 2001, indeks komposit BSKL jatuh sebanyak 4.4% berbanding dengan, kalau kita tengok indeks lain, misalnya,di Seoul jatuh 48.8%, Bangkok jatuh 45.6%, Jakarta jatuh 40.2%, Manila jatuh 39.9%, Singapura jatuh 24%, Tokyo jatuh 21.9% dan Hong Kong jatuh 11.8%. Dow Jones, New York pun merosot sebanyak 6.1%. Menunjukkan bahawa kedudukan kita kalau dibandingkan dengan kedudukan indeks bursa saham kita, dengan izin, *we perform better other than regional versus* yang saya sebutkan tadi.

Begitu juga berkenaan pelaburan asing…..

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Sebenarnya pelaburan asing di dalam negara kita ini… Saya habis ini, saya bagi Yang Berhormat. Pelaburan asing nilainya telah meningkat sebanyak 13.3%. So, FDI yang Yang Berhormat

cakap meningkat 13.3% kepada RM9.5 bilion, berbanding dengan kemerosotan 30.4% dalam tempoh yang sama tahun 1999. Jadi, perangkaan ini menunjukkan kedudukan terkini lebih baik jika kita bandingkan ketika Menteri Kewangan membentangkan Belanjawan baru-baru ini. Jadi, biar kita ceritakan dan memberikan fakta yang betul, selepas itu kita boleh berbahas.

Kita mungkin tidak mempunyai persetujuan dan saya anggap ketidakpersetujuan pun adalah perkara biasa bagi Yang Berhormat daripada pembangkang tetapi jangan kita cuba memainkan angka dan fakta untuk menidakkan kebenaran.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya berharap fakta yang benar dapat dikemukakan dalam Parlimen ini berkenaan dengan negara-negara Islam yang telah membantu pembangkang seperti yang didakwa oleh Perdana Menteri. Adakah ini kenyataan Perdana Menteri adalah kenyataan fitnah yang tidak boleh dibuktikan dalam Dewan ini?

**Seorang Ahli:** Betul itu, hendak bukti!

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Saya sudah jawab tadi, bukan? Kalau perkara itu kita cakap, kalau betul-betul pembangkang rasa pedas sangat, bermakna ada kebenaran. *[Disampuk]* Kalau kita menceritakan semua apa yang berlaku kepada Yang Berhormat, Yang Berhormat akan mendatangkan kenyataan yang menafikan. Jadi, kita mengatakan perkara ini, kalau buat salah, kita akan berasa salah. Minta maaf, Yang Berhormat sendiri yang tidak ….

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Saya rasa Yang Berhormat yang rasa bersalah sekarang.

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menyampuk]*

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tidak, tidak. Okay. Berkenaan kadar sewa ya. Yang Berhormat bagi Tumpat ada bangkitkan. Saya hendak jawab berkenaan perkara sewa. Sewa sebanyak RM41 juta setahun ditetapkan oleh Perbadanan Putrajaya. Oleh kerana ini adalah sewaan yang kita lakukan dengan Perbadanan Putrajaya, berasaskan keluasan tapak dan luas lantai, jadi kita sewa tempat itu. Walau bagaimanapun, kadar sebanyak RM41 juta ini adalah satu angka

permulaan yang perlu kita rundingkan. Jadi, kita perlu mengadakan peruntukan dahulu, selepas itu akan kita rundingkan sewaan yang muktamad. Jadi, itu kita lakukan bagi tujuan untuk menyewa tempat dia.

Berkenaan apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat bagi Seputeh tadi, ingin saya menyatakan bahawa kita mengamalkan dasar *constructive engagement* dengan Myanmar di mana Malaysia tidak campur tangan dalam hal ehwal Negeri Myanmar. Namun secara diplomasi dan dua hala, Malaysia menggalakkan Myanmar untuk mengambil langkah-langkah yang boleh memanfaatkan pembangunan sosio ekonomi negara tersebut.

Untuk pengetahuan kita, oleh kerana orang menghormati Malaysia, maka seorang bekas duta kita, perwakilan Malaysia, Tan Sri Razali Ismail, dilantik untuk menjadi wakil Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu untuk mencari jalan kesepakatan di antara pihak-pihak yang bertelagah di Myanmar. Kita menganggap dengan *constructive engagement*, bukan *isolation*, dengan pengasingan, kita dapat mencapai perubahan yang lebih baik dan lebih bermakna. Jadi, bukan *flexible engagement* yang boleh bertukar-tukar yang tidak mempunyai corak tetapi sesuatu yang mendatangkan manfaat.

Daripada percakapan saya dengan pemimpin-pemimpin Myanmar, mereka menghargai apa yang dilakukan oleh Tan Sri Razali Ismail sebagai *special envoy*, dengan izin, Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu. Jadi, kita memang banyak mainkan peranan tetapi peranan kita kadangkala dilakukan dalam senyap dan akhirnya, kita berharap dia akan mencapai matlamat yang kita kehendaki.

Saya tidak dapat menjawab kesemua daripada persoalan-persoalan yang ditimbulkan. Saya minta maaf kerana saya tidak dapat jawab semua yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tetapi segala-gala yang disebutkan telah dicatitkan dan saya akan mengambil perhatian. Di lain masa, mungkin kita akan memberikan penjelasan ataupun jawapan kepadanya. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengikut Peraturan Mesyuarat 12(3), saya memanjangkan mesyuarat ini selama 15 minit lagi untuk menghabiskan perkara-perkara yang di hadapan kita ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM336,522,100 untuk Maksud B.51 di bawah Kementerian Luar Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM336,522,100 untuk Maksud B.51 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM148,100,000 untuk Maksud P.51 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2001 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM148,100,000 untuk Maksud P.51 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2001.

**Fasal 1 hingga 2** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

> Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dua puluh lapan bilion lapan ratus tiga puluh enam juta tiga ratus empat puluh lapan ribu empat ratus enam puluh ringgit (RM28,836,348,460) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2001, bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Anggaran Perbelanjaan dan Belanjawan Program dan Prestasi 2001 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 16 Tahun 2000 adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut, hendaklah disahkan.

***Majlis Mesyuarat bersidang semula.***

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat]***

**Bacaan Kali Yang Ketiga**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-

undang Perbekalan 2001 telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah disetujukan tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Datuk Tan Chai Ho]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua**: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**USUL**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbangkan Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan supaya Usul yang berbunyi:

> Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dua puluh lapan bilion lapan ratus tiga puluh enam juta tiga ratus empat puluh lapan ribu empat ratus enam puluh ringgit (RM28,836,348,460) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2001, bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Anggaran Perbelanjaan dan Belanjawan Program dan Prestasi 2001 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 16 Tahun 2000 adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut, hendaklah disahkan.

hendaklah disetujukan.

**Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Datuk Tan Chai Ho]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua**: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul seperti mana yang dibacakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dua puluh lapan bilion lapan ratus tiga puluh enam juta tiga ratus empat puluh lapan ribu empat ratus enam puluh ringgit (RM28,836,348,460) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2001, bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Anggaran Perbelanjaan dan Belanjawan Program dan Prestasi 2001 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 16 Tahun 2000 adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut, hendaklah disahkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, selesailah segala bersangkut-paut dengan perbelanjaan-perbelanjaan untuk tahun 2001. Sekarang mesyuarat ditangguhkan hingga jam 10.00 pagi esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.35 petang.***

**Oktober 2000**

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

" Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

" Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

| | |
|---|---|
| " | Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas) |
| " | Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato' Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok) |
| " | Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit) |
| " | Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) |
| " | Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) |
| " | Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei) |
| " | Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) |
| " | Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna , Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh) |
| " | Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri) |
| " | Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar) |
| Yang Berhormat | Menteri Penerangan, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan) |
| " | Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu) |
| " | Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar) |
| " | Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian) |
| " | Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh) |

| | |
|---|---|
| “ | Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) |
| “ | Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara) |
| “ | Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu) |
| “ | Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu) |
| “ | Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi (Kuala Rajang) |
| “ | Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran) |
| “ | Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai) |
| “ | Timbalan Menteri Penerangan Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol) |
| “ | Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah) |
| “ | Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa) |
| “ | Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri) |
| “ | Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping) |
| “ | Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang) |
| " | Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat) |
| Yang Berhormat | Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna) |
| “ | Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong) |
| “ | Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat) |
| “ | Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar) |

| | |
|---|---|
| “ | Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) |
| “ | Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai) |
| “ | Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) |
| “ | Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya) |
| “ | Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato’ Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak) |
| “ | Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) |
| “ | Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam) |
| “ | Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) |
| “ | Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato’ Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) |
| “ | Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru) |
| “ | Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort) |
| “ | Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) |
| “ | Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) |
| " | Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen (Raub) |
| “ | Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) |
| Yang Berhormat | Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban) |
| “ | Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi) |
| “ | Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin) |

| | |
|---|---|
| “ | Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik) |
| “ | Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Noh bin Haji Omar, D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) |
| “ | Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Peta ling Jaya Selatan) |
| “ | Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin) |
| “ | Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang) |
| “ | Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) |
| “ | Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) |
| “ | Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang) |
| “ | Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato’ Kosai (Muar) |
| “ | Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah) |
| “ | Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom) |
| “ | Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong) |
| “ | Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) |
| " | Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab) |
| " | Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun) |
| “ | Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang) |
| Yang Berhormat | Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam) |
| “ | Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang) |
| “ | Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut) |

| | |
|---|---|
| “ | Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar) |
| “ | Dato’ Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai) |
| “ | Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman) |
| “ | Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan) |
| “ | Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang) |
| “ | Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah) |
| “ | Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) |
| “ | Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh) |
| “ | Raja Dato’ Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) |
| “ | Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit) |
| “ | Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh) |
| “ | Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis) |
| “ | Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu) |
| “ | Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat) |
| “ | Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) |
| “ | Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah) |
| “ | Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu) |
| “ | Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) |
| “ | Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) |
| “ | Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) |
| “ | Dato’ Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang) |
| " | Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) |
| “ | Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah) |
| “ | Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal) |
| Yang Berhormat | Dato Goh Siow Huat (Rasah) |
| “ | Dato’ Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar) |

| | |
|---|---|
| “ | Tuan Hassan bin Mohamed (Besut) |
| “ | Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas) |
| “ | Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar) |
| “ | Dato’ Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat) |
| “ | Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) |
| “ | Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian) |
| “ | Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) |
| “ | Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram) |
| “ | Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin) |
| “ | Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong) |
| “ | Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) |
| “ | Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman) |
| “ | Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau) |
| “ | Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau) |
| “ | Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau) |
| “ | Tuan Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran) |
| “ | Dato’ Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat) |
| “ | Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka) |
| “ | Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar,P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang) |
| “ | Tuan Kong Cho Ha (Lumut) |
| “ | Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan) |
| “ | Tuan Lee Kah Choon (Jelutong) |
| “ | Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai) |
| “ | Tuan Lim Hock Seng (Bagan) |
| " | Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong) |
| “ | Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim) |
| “ | Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan) |
| “ | Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena) |
| Yang Berhormat | Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau) |
| “ | Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit) |
| “ | Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau) |

| | |
|---|---|
| “ | Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading) |
| “ | Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah) |
| “ | Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai) |
| “ | Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor) |
| “ | Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau) |
| “ | Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa) |
| “ | Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli) |
| “ | Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud) |
| “ | Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) |
| “ | Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang) |
| “ | Dato’ Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau) |
| “ | Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam) |
| “ | Tuan Bung Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan) |
| “ | Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus) |
| “ | Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat) |
| “ | Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu) |
| “ | Tuan Mustafa bin Ali (Dungun) |
| “ | Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah) |
| “ | Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan) |
| “ | Tuan Ng Lip Yong (Batu) |
| “ | Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar) |
| " | Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok) |
| “ | Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang) |
| “ | Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar) |
| “ | Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam) |
| Yang Berhormat | Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu) |
| “ | Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang) |

| | |
|---|---|
| “ | Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian) |
| “ | Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu) |
| “ | Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran) |
| “ | Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong) |
| “ | Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah) |
| “ | Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang) |
| “ | Dato’ Shahnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik) |
| “ | Tuan Shaziman bin Abu Mansor , A.N.S. (Tampin) |
| “ | Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau) |
| “ | Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat) |
| “ | Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching) |
| “ | Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan) |
| “ | Puan Sukinam Domo (Batang Sadong) |
| “ | Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya) |
| “ | Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu) |
| “ | Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling) |
| “ | Tuan Tan Kok Wai (Cheras) |
| “ | Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) |
| “ | Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang) |
| “ | Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) |
| “ | Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur) |
| “ | Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng) |
| “ | Dato’ Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu) |
| " | Dato’ Tiong Thai King, (Lanang) |
| " | Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh) |
| “ | Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar) |
| “ | Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok) |
| “ | Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran) |
| Yang Berhormat | Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang) |
| “ | Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru) |

“ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)

“ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)

“ Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)

“ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)

“ Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

**MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)**

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Panglima Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, S.P.D.K., D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T

“ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia

“ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato’ Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.

“ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.

# DEWAN RAKYAT

## PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

**Setiausaha Dewan Rakyat**
Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

**Ketua Penolong Setiausaha**
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Salamat
Shahrom bin Haji Hasan

**Penolong Setiausaha**
Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

## JURUBAHASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Paizah binti Sallehudin

## BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI
Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor
Ramlah binti Mohd. Yusuff
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail

Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Mashitah binti Kamaruddin
Marzila binti Muslim
Abu Bakar bin Hasan

## PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER

Mohd. Azmi bin Embong
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

# PARLIMEN KESEPULUH

## PENGGAL KEDUA

### MESYUARAT KETIGA

**Bil. 78 Rabu**

## K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**UCAPAN TAKZIAH:**
- Takziah Atas Kembalinya Ke Rahmatullah Allahyarham Tuan Yang Terutama Tun Datuk Patinggi Dr. Haji Ahmad Zaidi Adruce bin Muhammed Noor, Yang Di-Pertua Negeri Sarawak (Halaman 22)

**RANG UNDANG-UNDANG:**
Rang Undang-undang Perbekalan 2001
**Jawatankuasa :**
**Jadual -**
Maksud B.49 (Halaman 23)
Maksud B.51 (Halaman 64)

**USUL-USUL:**
Anggaran Pembangunan 2001
**Jawatankuasa :**
Maksud P.49 (Halaman 23)

Maksud P.51 (Halaman 64)